

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



Husam bendahari PH, Kula, Christina Liew naib presiden

→ ms2

AMANAH perlu juarai tentang rasuah, bukan DAP

→ ms8

Dialog ikan kembung

→ ms9



NAJIB BAWA UFTI KE AMERIKA

PANDANGAN bahawa 'money is king' (duit adalah raja) telah terbawa-bawa ke Amerika apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dikira menghantar 'ufti' ke negara kuasa besar dunia itu dalam kunjungannya menemui Donald Trump 12 September lalu.



Sambungan ke muka 2
→



SELAMATKAN ROHINGYA....

Para pemimpin dan perwakilan AMANAH Selangor menaikkan kertas pemidang bagi menuntut agar umat Islam Rohingya diselamatkan dalam konvensyen mereka baru-baru ini.

Jus Arif

HANYA : RM 38 / 280ml

UNTUK TEMPAHAN :

019-6239858 (HJ BAHAR)

KHASIAT :

1. Membantu mengatasi masalah kesihatan
2. Membantu meningkatkan IQ pelajar
3. Membantu meningkatkan tenaga
4. Membantu meningkatkan kecergasan
5. Menarik minat anak-anak untuk belajar

RAMUAN :

Gabungan 8 makanan sunnah ~ kismis, kurma ajwah, kurma madu, madu, buah tin, buah zaitun, za'far'an & habbatus sauda

f i Jus Arif

Cash is king: Najib bawa ufti ke Amerika

PANDANGAN bahawa 'money is king' (duit adalah raja) telah terbawa-bawa ke Amerika apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dikira menghantar 'ufti' ke negara kuasa besar dunia itu dalam kunjungannya menemui Donald Trump 12 September lalu.

Ia dilakukan beliau apabila bertemu dengan Trump dalam kunjungannya yang dikatakan untuk memujuk agar negara kuasa besar dunia itu 'melepaskan' beliau dalam siasatan kleptokrasi 1MDB.

Dalam kunjungan itu, Najib mengesahkan pembelian 25 buah kapal terbang Boeing 737 MAX 10 dan lapan buah 787 Dreamliner serta akan ditambah 25 buah lagi 737 MAX 10 kemudiannya yang bernilai USD10 bilion (RM440 bilion) dari Amerika.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula telah melabur sebanyak



USD7 bilion dan akan ditambah lagi USD4 bilion selepas ini ke negara itu.

Khazanah pula dinyatakan Najib telah melabur USD400 juta dan akan ditambah lagi selepas ini dalam projek di negara itu.

Berikut itu, pelbagai pihak melahirkan rasa terkejut mereka dengan tindakan Najib itu dan ditambah pula dengan suasana kunjungan itu sendiri.

Menurut Washington Post, Najib dan rombongan telah menginap di Trump International Hotel di Washington DC yang presiden Amerika itu ada kepentingan dalamnya.

"Berapa banyak kos penginapan ini, yang ditanggung pembayar cukai Malaysia?" tanya Nik Nazmi Nik Ahmad, Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) dalam satu kenyataannya mengenai

perkara ini.

Presiden Trump masih memiliki kepentingan di dalam hotel tersebut secara 'revocable trust'.

Mekanisme ini telah dikritik oleh masyarakat sivil dan media Amerika, kerana dikatakan Presiden masih memperoleh keuntungan daripada perniagaannya.

Sementara itu, Naib Presiden PH, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, beliau sangat terkejut dengan pengumuman Najib bahawa Malaysia akan melabur sehingga AS\$24 billion (RM100 billion) di Amerika Syarikat.

"Pelaburan ini kononnya untuk 'mengukuhkan ekonomi Amerika Syarikat' tatkala ekonomi kita sedang memerlukan pelaburan lebih besar selain daripada misteri mengapa Malaysia perlu membantu ekonomi terbesar di dunia," kata Azmin dalam kenyataan itu.

Adalah sukar dipercayai bahawa KWSP, mengikut Najib, akan membelanjakan antara AS\$3 bilion hingga AS\$4 bilion ke atas pembangunan semula infrastruktur di Amerika Syarikat.

"Adakah Perdana Menteri cuba memberitahu kita bahawa membantu Amerika Syarikat membina infrastruktur adalah lebih penting daripada membantu Sabah dan Sarawak membina jalan raya dan paip air?" soal beliau.

Bagi beliau, wang dalam KWSP adalah wang amanah untuk rakyat dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya.

"Kita memahami pilihan Najib untuk bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, namun pemimpin tidak boleh menggadaikan kesejahteraan ekonomi negara hanya untuk peluang bergambar," katanya.

Husam bendahari PH, Kula, Christina Liew naib presiden

NAIB Presiden AMANAH Datuk Husam Musa dilantik sebagai bendahari Pakatan Harapan (PH) menggantikan M Kulasegaran yang bertukar jawatan kepada naib presiden.

Seorang lagi Naib Presiden yang dilantik ialah Pengerusi PKR Sabah Christina Liew.

Pengerusi PH Tun Dr Mahathir

Mohamad berkata, pelantikan M Kulasegaran yang merupakan Pengurus Kebangsaan DAP dan Christina Liew bagi memastikan masyarakat India dan rakyat Sabah diwakili dalam gabungan pembangkang itu.

"Majlis Presiden telah mengadakan mesyuarat, antara keputusan dibuat

ialah pemindahan sedikit berkenaan Majlis Presiden supaya ia mewakili kaum India dan Sabah, Sarawak.

"Naib Presiden Kulasegaran, dulu bendahari PH tapi dia akan kosongkan jawatan itu dan jawatan itu akan dipegang oleh satu lagi ahli baru bagi Majlis Presiden Datuk Husam Musa.

"Satu lagi Naib Presiden ialah

Christina Liew dari Sabah," katanya dalam sidang media di Wisma AMANAH Negara 11 September lalu.

Selain pengumuman itu, Dr Mahathir berkata beliau akan bertemu dengan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi bagi mendapatkan perkembangan terkini pendaftaran PH di Jabatan

Pendaftaran Pertubuhan (RoS).

"Jika ada kemungkinan pihak pemerintah, kami sedia buat pindaan jika perlu. Kami yakin menteri akan faham. Beri kami peluang untuk kemukakan pandangan dan mendengar pendapat daripada timbalan perdana menteri kenapa kelulusan belum diperoleh," katanya.

Disambut sebagai VIP di Amerika, BN pula arah kerabat sambut Najib pulang

SELEPAS selesai melakukan lawatannya ke Amerika, Barisan Nasional (BN) mengarahkan semua kaum kerabatnya agar menyambut kepulangan Datuk Seri Najib Razak di KLIA.

Mereka digalakkan "membawa sepanduk dan kain rentang yang tertera kata-kata positif dan bersemangat yang ada kaitan dengan kejayaan lawatan tersebut."

Najib dan rombongannya menerima layanan VIP, daripada pertemuan bersejarah di White House dengan Presiden Donald Trump hingga penginapan mewah di Trump International Hotel, lapor Washington Post.

Lawatan tiga hari Najib ke AS membawa aktiviti 24 jam dan jualan, termasuk penggunaan bilik mesyuarat, hingga hotel glamor 263 bilik di Pennsylvania Avenue yang dimiliki Trump menerusi satu badan amanah.

Pada pagi Selasa, berdozen ahli delegasi masuk ke bilik mesyuarat dengan kad nama Malaysia.

Sebahagian lagi menghadiri sesi sarapan pagi yang mewah di bilik mesyuarat hotel Lincoln Library.

Kehadiran delegasi Malaysia amat ketara di semua bangunan itu. Pada waktu makan tengah hari pada Isnin, lebih sedozen ahli delegasi bersantai di kawasan rehat yang dikhaskan untuk tetamu hotel.

Petangnya, mereka keluar masuk hotel, kadangkala pulang ke valet dengan beg beli-belah, kata laporan itu.

Ini bermakna ratusan ribu dolar perolehan untuk Organisasi Trump, berdasarkan kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan lain yang berkampung di situ.

Trump dikritik kerana enggan melucutkan kepentingan dalam hotel itu yang kini diuruskan anak lelakinya.

Pengkritik berkata hotel itu membuka peluang kepada kerajaan luar dan kepentingan khas untuk menambah kekayaan presiden apabila mereka cuba mengambil hati Trump. White House menafikan ada

mempengaruhi keputusan Najib untuk bermalam di hotel Trump.

Setiausaha akhbar Sarah Huckabee Sanders berkata beliau tidak boleh bercakap mengenai keputusan personel yang Najib dan rombongannya yang memilih tempat penginapan mereka.

Delegasi Malaysia minggu ini terdiri daripada enam pegawai berpangkat tinggi, menurut Kedutaan Malaysia, dan antaranya termasuk menteri luar, menteri perdagangan antarabangsa dan industri, ketua setiausaha, duta ke AS dan pengarah majlis keselamatan negara.

Najib pulang ke Malaysia pada petang Rabu lepas.

Jemputan Trump kepada Najib juga mengundang kritikan media AS kerana Jabatan Kehakiman (DoJ) AS menjalankan siasatan kes kleptokrasi terbesar ni sama ada Najib memindahkan lebih AS\$1 bilion daripada 1MDB ke dalam akaunnya sendiri.

Tahniah, Melayu Halimah bukan sekadar kabetulan

PARA penyokong dan keluarga Halimah Yacob meraikan pemilihan beliau sebagai Presiden Singapura dengan berpakaian serba oren Selasa lepas.

Di Malaysia, pemimpin parti oren iaitu AMANAH turut berbangga dengan Halimah dan mengucapkan tahniah atas pemilihan beliau sebagai presiden wanita pertama republik itu.

AMANAH menganggap perlantikan Halimah bukan sekadar mengisi kuota sebaliknya sebuah perjuangan yang dilalui orang Melayu Singapura.

Timbalan Presiden Amanah Salahuddin Ayub berkata, secara kabetulan Halimah sebagai seorang Melayu Islam tetapi lebih dari itu adalah suatu keyakinan yang terbina di atas sebuah perjuangan yang dilalui orang Melayu Singapura yang kini muncul dengan cemerlang dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan Melayu itu sendiri.

"Bagi AMANAH, selayaknya beliau menerima pengiktirafan sebagai mewakili Melayu Singapura abad ini.

"Kita berharap dengan imej Melayu Islam dan bertudung ini bukan sekadar mengangkat Melayu Singapura tetapi juga boleh mewakili kelompok Melayu di rantau Nusantara yang sering kali dipandang serong khususnya oleh pihak Barat," ujarnya.

Beliau turut mengucapkan tahniah di atas pelantikan Halimah.

"AMANAH turut mengucapkan tahniah di atas pelantikan Halimah Yacob secara rasmi sebagai Presiden Singapura. AMANAH turut menumpang bangga di atas perlantikan beliau yang juga merupakan wanita dan Melayu Islam pertama dilantik ke jawatan itu," ujarnya.

Halimah Yacob bekas Speaker Parlimen, secara rasmi terpilih sebagai Presiden.

Sultan Kedah mangkat, AMANAH tangguh konvensyen

KUALA LUMPUR: Parti Amanah Negara (AMANAH) merafak sembah takziah atas kemangkatan Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'Adzam Shah, petang 11 September lalu.

Bagi menghormati kemangkatan Almarhum dan kesedihan dialami rakyat, AMANAH menangguhkan konvensyen parti itu yang dijadualkan pada 16 dan 17 September di Alor Setar.

Majlis Sambutan Hari Malaysia Pakatan Harapan (PH) pada 15 September di Dataran Stargate juga ditangguhkan.

"Sebagai menghormati kemangkatan Kebawah Duli Tuanku, maka dengan ini saya mengumumkan bahawa Majlis Sambutan Hari Malaysia Pakatan Harapan



yang dijadualkan pada 15 September 2017, di Dataran Stargate, serta Konvensyen Nasional 2017 Parti Amanah Negara yang dijadual pada 16 dan 17 September 2017, di Hotel Royale Signature, Alor Setar, Kedah adalah ditangguhkan," kata Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir pada sidang media di hari yang sama.

Beliau berkata, Majlis Sambutan Hari Malaysia PH akan diadakan pada 20 Oktober manakala Konvensyen Nasional 2017 Parti Amanah Negara akan diadakan pada 21 dan 22 Oktober di tempat yang sama.

"Kepada seluruh ahli-ahli, penyokong dan semua yang terlibat dengan Konvensyen Nasional 2017 ini, kami memohon maaf di atas segala kesulitan yang terpaksa dihadapi berikut penangguhan ini," katanya.

Pertemuan Najib-Trump terima publisiti buruk

KUALA LUMPUR: Berlainan daripada apa yang dilaporkan media tempatan, lawatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak ke Amerika Syarikat (AS) untuk bertemu Presiden Donald Trump mendapat publisiti buruk daripada media antarabangsa.

Pertemuan yang dilihat sebagai usaha membersihkan imej Najib ekoran pendedahan Jabatan Kehakiman Amerika (DoJ) terhadap jenayah pengubahan wang haram membabitkan syarikat pelaburan negara, 1MDB

langsung tidak mendapat publisiti positif, kata Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang.

"Segala usaha yang dilakukan untuk menjana gambaran positif dalam lawatan Najib ke Rumah Putih bertemu Presiden Trump nampaknya tenggelam dalam laporan buruk, bukan sahaja di AS tetapi juga seluruh dunia," katanya.

Menurut Kit Siang, belum pernah berlaku Perdana Menteri bersungguh-sungguh melabur untuk mendapatkan publisiti

lawatannya ke Rumah Putih.

"Tak pernah ada Perdana Menteri Malaysia sepanjang 60 tahun ini berdepan dengan serangan media-media antarabangsa yang telah menimbulkan publisiti buruk di AS dan dunia.

"Kita juga tak pasti adakah Najib mampu menyelamatkan dirinya dan reputasi negara melalui lawatannya ini meskipun kita tahu jentera kempen Najib sudah bersiap sedia untuk memberi gambaran positif terhadap lawatan itu kepada seluruh rakyat

Malaysia," katanya.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu turut menyenaraikan beberapa tajuk utama liputan media antarabangsa, menjelang lawatan Najib ke Rumah Putih.

Antaranya termasuklah, "Scandal-hit Malaysian leader Najib to visit White House" (Japan Times), "Trump to meet scandal-hit Malaysian leader in September" (Reuters), "With Trump meeting, Malaysia's PM seeks to put 1MDB scandal behind him" (Reuters) dan "Malaysian Leader in Billion-

Dollar Scandal Is Invited to White House" (New York Times).

Dalam pada itu, andaian bahawa pertemuan Najib dan Trump itu akan membersihkan Perdana Menteri daripada dikaitkan dengan siasatan DOJ terhadap 1MDB ternyata meleset.

Setiausaha Akhbar Rumah Putih, Sarah Huckabee Sanders dalam satu sidang media berkata siasatan DOJ terhadap skandal 1MDB adalah bebas dan pihaknya tidak akan memberi sebarang komen mengenainya.

Lihat Singapura dari sudut positif, saran Mufti Perlis

KUALA LUMPUR: Politik yang bijak dalam realiti yang ada lebih baik dari memperjuangkan sesuatu yang di luar kecapaian kita, kata Mufti Perlis Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Mengulas pelantikan Halimah Yacob sebagai presiden baharu Singapura, Dr Asri berkata walaupun ada pihak di Malaysia mempunyai sisi pandang yang kurang positif terhadap negara jiran itu, namun sudut positif yang banyak pada negara tersebut perlu dicontohi.

"Negara Singapura yang lebih kecil saiz daripada Perlis itu lebih maju dari kita dalam banyak segi. Di sudut urus tadbir yang baik dan bebas rasuah mereka lebih cemerlang di mata indeks dunia. Demikian di sudut keselamatan dan keamanan."

"Perdana Menteri Singapura yang bukan Melayu itu jauh lebih fasih berbahasa Melayu dibandingkan ramai MP bukan Melayu di Malaysia."

"Saya nak ucapkan tahniah kepada Puan Halimah Yaacob yang menjadi presiden baru Singapura. Bagi sebuah negara sekular seperti Singapura memilih wanita muslimah bertudung menjadi presiden merupakan sesuatu yang menarik," ujarnya seperti dipetik di laman facebooknya.

Katanya lagi, walaupun Singapura dipimpin oleh bukan muslim, negara itu mempunyai Mufti Negara dan pengurusan agama Islam secara rasmi.

"Pandangan agama mereka juga baik dan sederhana sesuai dengan sifat negara mereka."

"Tokoh-tokoh muslim progresif seperti Hamza Yusuf, Tariq Ramadan dan seumpama mereka disambut di peringkat negara. Fatwa mereka juga agak terbuka."

"Pandangan hukum dari aliran literalis salafis dan traditionalis mazhab yang gagal melihat teks dan konteks dielakkan di negara berkenaan," ulas beliau.

Pelik syarikat rugi RM1 bilion setiap tahun

Oleh ARIF ATAN

SUNGAI BESI: Sepanjang dua dekad terlibat dalam bidang kewangan, Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mengakui tidak pernah menemui syarikat yang mencatat kerugian mencecah RM1 bilion setiap tahun.

Menurutnya, sejak Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) disenaraikan di Bursa Malaysia pada 2012, kumpulan Felda telah mencatatkan kerugian tahunan pada jumlah yang besar berturut-turut sehingga 2015.

"Kumpulan Felda telah mencatatkan kerugian komprehensif yang melebihi RM1 bilion setiap tahun tanpa gagal iaitu RM1.67 bilion tahun 2013, RM1.1 bilion (2014) dan RM1.112 bilion (2015)."

"Pengalaman saya lebih kurang 20 tahun dalam bidang kewangan, saya tidak pernah jumpa syarikat rugi RM1 bilion setiap tahun. (Kerugian) Tak masuk tahun 2016, 2017. Mungkin lagi teruk?"

"Namun setakat ini yang dieluarkan sehingga 2015, kerugian

terkumpul daripada itu saja hampir RM3.9 bilion," dedahnya pada sidang media dekat sini, baru-baru ini.

Sehubungan itu, pengasas Invoke Malaysia berkenaan mahu maklumkan kepada orang ramai terutama generas baru Felda yang antaranya menjadi golongan profesional selain akauntan bertauliah dan penganalisa kewangan tentang status Felda pada masa ini.

"Jika kumpulan Felda adalah sebuah syarikat biasa yang tidak dijamin kerajaan, dengan prestasi kewangan yang rugi lebih RM1 bilion setiap tahun, syarikat itu sudah tentu diisyitihar muflis," tempelaknya.

Walaupun impak kejatuhan mendadak harga saham FGV tidak akan memberi kesan segera terhadap status kewangan kumpulan Felda, Rafizi berkata, masalah akan berlaku apabila kumpulan Felda tiba pada tahap terpaksa menjual kesemua saham FGV.

"Sebarang perubahan harga saham FGV tidak serta-merta mempengaruhi prestasi kewangan Felda.

Ia hanya akan ditunjukkan sekaligus apabila Felda menjual saham-saham tersebut.

"Namun hal ini cukup berbahaya apabila ia berlaku. Kumpulan Felda saya jangka akan jatuh muflis kerana kerugian daripada kejatuhan harga saham FGV yang telah berbilion ringgit akan ditunjukkan sebagai kerugian sekaligus dalam satu tahun kewangan."

"Maknanya kalau terlambat, FGV tidak dapat diselamatkan lagi, sebab itu kita kena tahu apa kesan penyenaraian FGV kepada kumpulan Felda walaupun tidak ditunjukkan serta-merta dalam laporan kewangan Felda yang diaudit," jelasnya.

Oleh sebab itu, tambah Ahli Parlimen Pandan itu lagi, perkara tersebut perlu dicegah daripada berlaku.

Untuk rekod, FGV disenaraikan pada 28 Jun 2012 dan merupakan tawaran awam permulaan (IPO) ketiga terbesar di dunia ketika itu dan dilapor dapat mengumpul dana sebanyak RM10.4 bilion.

Minda Pengarang

Janji PH hapus GST, siasat 1MDB

PAKATAN Harapan sangat sedear akan kegelisahan rakyat akibat cukai GST yang sangat membantuan. Maka itu ia tidak berlengah-lengah lagi mengumumkan langkah segera untuk memansuhkannya jika ia memenangi PRU14 akan datang.

Menurut Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, itu adalah antara langkah besar 100 hari jika Pakatan Harapan memenangi PRU14 itu nant, iaitu menghapuskan cukai yang sangat membebankan rakyat.

Selain itu, PH akan melakukan reformasi terhadap institusi kerajaan dan menubuhan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat perihal 1MDB. Ini langkah besar dan amat penting buat Pakatan Harapan.

Juga diumumkan langkah 100 hari itu untuk memungkaji semula tanga gaji pekerja dan kegunaan pekerja asing yang berlambak di negara ini. Langkah penting ini, terutamanya cukai GST yang menyebabkan belanja hidup rakyat begitu tinggi hingga hampir tidak terdaya rakyat memikulnya.

Ditambah lagi kini, harga minyak terus menerus naik yang menambah lagi sengsara rakyat, Pakatan Harapan sangat menyedari hal ini dan berharap dapat mengatasi segera jika ia memenangi PRU14 nanti. Di samping itu, ia juga berjanji memulihkan kembali Felda.

Muhyidin mengumumkan langkah besar ini di Majlis Ulangtahan Pertama Parti Bersatu pimpinannya di Muar, Johor. Pakatan Harapan juga, katanya, akan mengkaji kembali lambakan pekerja asing yang berjumlah berjuta-juta orang.

Memang sangat wajar semua langkah ini diambil segera memandangkan beratnya beban sara hidup rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Dengan harga barang keperluan terus meningkat, khususnya barang makanan mengakibatkan daya beli rakyat sangat merosot. Tinjauan di pasar, pasar mini dan kedai runcit di kampung ternyata rakyat - di mana-mana - merungut justeru tekanan hidup semakin berat.

Apabila harga minyak terus naik, maka syarikat pengangkutan yang membawa barang ke pasar, ke pasar mini dan kedai runcit di kampung sudah tentu akan menaikkan bayaran pengangkutan mereka. Dengan GST dan pelbagai bayaran lagi, maka penggalan pada akhirnya akan sangat terbeban.

Sebab itu, rakyat perlu menyokong keazaman Pakatan Harapan untuk menghapuskan GST jika menang PRU14 nanti justeru GST adalah suatu seksyen kepada rakyat. Sementara itu memang wajar Pakatan Harapan berikrar melakukan reformasi terhadap institusi kerajaan dan menubuhan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat perihal 1MDB.

Isu 1MDB sangat meresahkan kerana ia melibatkan jumlah wang yang begitu besar. Menyebabkan imej Malaysia terjejas di seluruh dunia dan menimpa kerugian besar kepada negara.

Di samping itu, rakyat juga yakin Pakatan Harapan mempunyai suatu formula untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia, khususnya para siswazah. Keadaan ini sangat mencemaskan. Dalam masa yang sama mahasiswa yang masih belajar menghadapi kekangan kewangan yang sangat memedahkan.

Memang Pakatan Harapan akan menghadapi masalah berat jika pun menang PRU14 nanti. Tetapi kita yakin mereka akan dapat menyelesaikan masalah ini, secara bertahap. Tetapi, insya Allah akan berjaya akhirnya.



Keikhlasan dan pengorbanan

Kisah Muhammad dipeluk dengan sangat kuat oleh Jibril sambil diarah untuk membaca "Iqra", mungkin merupakan satu-satunya kisah yang paling diketahui di kalangan umat Islam seluruh dunia. Peristiwa ini diterima oleh umat Islam sebagai suatu yang berlaku ketika Muhammad berada dalam Gua Hira.

Ia menandakan buat pertama kali turunnya wahyu Al-Quran. Lima ayat pertama Surah Al-Alaq disepakati oleh ulamak tafsir sebagai wahyu pertama yang turunkan oleh Allah kepada Muhammad yang kemudian diaangkat sebagai nabi dan rasul yang terakhir, Muhammad Rasulullah s.a.w.

Mafhum lima ayat tersebut adalah: *Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah.*

Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia.

Yang mengajar manusia dengan pena.

Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui. (Surah Al-Alaq: 1-5)

Daripada lima ayat di atas, di segi teks, susunan ayat serta prinsip-prinsip agung di dalamnya terkandung rahsia-rahsia besar dan mulia perihal tugas yang bakal dipikul oleh Rasulullah s.a.w.

Deretan beberapa ayat daripada tiga surah yang diturunkan secara bertalu-talu amat bererti kepada diri Rasulullah s.a.w sendiri. Ayat-ayat ini di segi presep, konsep dan persepsi memberi makna yang padu dan jitu dalam membentuk kefahaman serta pencerahan kepada Rasulullah s.a.w.

Manakala selang beberapa hari selepas melalui pengalaman turunnya lima ayat daripada Surah Al-Alaq, ketika mana Rasulullah s.a.w berjalan di kawasan bukit-bukit Makkah, Rasulullah s.a.w melihat Jibril duduk di singgahsana terapung di antara langit dan bumi. Pada masa itu juga Rasulullah s.a.w terus menjunam terjatuh disebabkan perasaan kagum dan takut terhadap apa yang telah dilihatnya.

Selepas melihat makhluk Allah yang sehebat itu, Rasulullah s.a.w segera kembali ke rumahnya dan meminta isterinya Khadijah untuk menyelimutinya dengan kata-kata: "Zammiluni zammiluni" maka ketika itu juga turunlah sembilan ayat pertama Surah Al-Muzammil (ayat 1-9) dan selepas itu Rasulullah s.a.w berkata lagi kepada Khadijah dengan kata-kata: "Dath-thiruni dath-thiruni" maka ketika itu wahyu seterusnya diturunkan iaitu lima ayat pertama Surah Al-Muddath-thir (ayat 1-5).

Secara mendadak Rasulullah s.a.w berdapan dengan amanah untuk menyampaikan kepada segelintir



Pencerahan Mingguan
TANWEER USBU'I

SAARI SUNGIP

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

insan yang mahu menerimanya. Sembilan belas ayat daripada tiga surah Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w, iaitu Al-Alaq, Al-Muzzammil dan At-Muddathir dalam keadaan, suasana, konteks dan gangguan emosi serta lonjakan spiritual yang dihadapi oleh Rasulullah s.a.w, semuanya memberi pencerahan dan kekuatan yang sangat kuat kepada jiwa, minda serta perasaan

nya baru menganut ajaran yang dibawa oleh perasaan. Peristiwa itu terjadi kepada Rasulullah s.a.w dalam lonjakan pencerahan kali yang lebih hebat ke sana, iaitu ketika mikraj Rasulullah s.a.w di mana pada masa itu Rasulullah s.a.w telah berada di maqam yang lebih hampir di sisi Allah manakala Jibril hanya dibenarkan berada di seberangnya. Daripada lima ayat di atas, di segi

...Betapa pentingnya kenyataan 'allamal insan mal ya'lam memberi pencerahan kepada Rasulullah s.a.w bahawa hakikat al-insan iaitu manusia adalah tidak tahu dan hanya tahu apabila ia diberitahu dan lebih penting lagi adalah apabila manusia diajar untuk menjadikan lebih tahu.

Rasulullah s.a.w.

Berdepan dengan makhluk mulia bernama Jibril yang teguh, gagah, fasih bertutur dan benar menjalankan perintah dalam bentuk yang diizinkan oleh Rab-nya iaitu berupa seorang lelaki kakak di satu ketika dan diketika lain satu makhluk yang hebat luar biasa dengan bentuknya yang berwarna-warni dan gemilang yang dikhabarkan kepada Rasulullah s.a.w kemudiannya. Hingga jelas bahawa Jibril adalah malaikat yang bersayap enam ratus bilah adalah satu pengalaman dan proses pencerahan jiwa, minda dan qalbu yang luar biasa.

Nah makhluk Jibril yang sedemikian hebat dan indah ini pun hanya dapat dilihat oleh Rasulullah s.a.w setelah berlalunya masa hampir sepuluh tahun kemudian-

teks, susunan lima ayat serta prinsip-prinsip agung terkandung rahsia-rahsia besar dan mulia perihal tugas yang bakal dipikul oleh Rasulullah s.a.w. Bahkan turunnya ayat Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahui kepada nabi yang ummi, sekali gus menyingkap satu pencerahan yang amat penting, iaitu apa sahaja ilmu yang ada pada manusia adalah hak orang yang tunduk kepada Allah. Kerana ianya bersumber daripada Allah lantaran sebelum itu ia tidak tahu walau apa satupun.

Betapa pentingnya kenyataan 'allamal insan mal ya'lam memberi pencerahan kepada Rasulullah s.a.w bahawa hakikat al-insan iaitu manusia adalah tidak tahu dan hanya tahu apabila ia diberitahu dan lebih penting lagi adalah apabila manusia diajar untuk menjadikan lebih tahu.

RCI Tuah-Jebat bertarung

Maka Hang Tuah dan Hang Jebat disapina untuk mengadap Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI). Maka bertikam-tikamlah lidah antara Tuah yang taat setia membuta tuli, dengan Jebat yang menderhaka.

Tiba-tiba suasana menjadi riuh-rendah di luar sana. Tujuh ratus orang dayang-dayang yang mati untuk dilangirkan keris sebelum Jebat bertarung dengan Tuah pada 500 tahun dahulu datang menuntut keadilan. "Limau ada, mengapa Jebat langirkan keris dengan tubuh dan darah kami?"

Kemudian ribuan rakyat yang mati ditikam ketika Jebat mengamuk sebelum menghembuskan nafas terakhir juga tampil untuk memprotes. "Mengapa Tuah membiarkan Jebat menikam kami, sungguhpun kehandalannya mengatasi Jebat, dan sememangnya mampu menghentikan pembunuhan itu?"

"Apa salah rakyat? Tuah dan Jebat yang bertarung, ribuan rakyat pula yang dikorbankan!" Meluap-luap kemarahan mereka ketika berucap dalam sidang media. "Banyaknya gundik raja ketika itu, sungguhpun amalan seks bebas itu budaya Barat." Seorang dayang istana cuba mencuri perhatian dengan membongkarkan apa yang berlaku dalam istana ketika

zamannya. "Tuah dan Jebat minum hingga rebah dan tiada dapat bangun, sungguhpun Pesta Arak bulan sepuluh berlangsung di Selangor!" Dedah lagi seorang dayang istana yang mendakwa dirinya pernah menari bersama Hang Tuah.

Adegan-adegan inilah yang direka dalam minda saya setelah membaca cadangan sinis Presiden AMANAH, Mohamad Sabu untuk menyindir RCI, yang jelas ditubuhkan dengan motif politik. Sementara sarjana seperti Ahmat Adam mempertikaikan kewujudan Hang Tuah, kita terpaksa menerima bahawa Tuah dan Jebat telah menjadi dua ikon wira dalam sejarah Melayu.

Hang Tuah terus dinobatkan sebagai wira dalam wacana arus perdana. Hang Tuah memiliki stesen monorail, jalan raya, stadium dan mural yang terpampang besar di Muzium Negara, dengan slogannya "Takkan Melayu Hilang Di Dunia". Hang Tuah dibincangkan dalam seminar dan ruang media, dikaji dan dibukukan. Kegagahan dan kesetiaan Tuah terpahat dalam minda Melayu.

Di samping itu, ada suara yang mengangkat Hang Jebat sebagai wira, kerana berani untuk menyatakan pemberontakan terhadap Raja. "Raja adil raja disembah,



Siang-Malam
Lim Hong Siang

Raja zalim raja disanggah." Sesungguhnya Jebat memikul tuduhan "derhaka" dalam sejarah, tetapi Jebat jugalah yang menganjurkan satu paradigma baru bahawa kesetiaan itu bersyarat, dan derhaka itu bersebab.

Justeru, pertarungan bersejarah ini apabila dimodenkan, adalah pembahasan dua paradigma antara "taat setia membuta tuli" dengan "derhaka". Jikalau diletakkan dalam konteks politik pada hari ini - perdebatannya berbunyi sama ada kita harus taat setia terhadap Najib-Umno secara membuta tuli, ataupun kita perlu derhaka seperti Jebat apabila ketidakadilan dan kezaliman melampaui batasnya?

Sungguhpun derhaka Jebat difafsirkan sebagai pemberontakan untuk melawan susunan feudal dalam istana pada zamannya, jangan sesekali kita terlepas pandang kezaliman Jebat ketika membunuh sewenang-wenangnya rakyat

jelata yang tidak berdosa. 700 wanita dalam istana ditikam Jebat sebelum bertarung dengan Tuah, sehingga "darah pun seperti hujan yang lebat turun ke bawah istana".

Itupun belum lagi selepas Jebat ditikam Tuah. Jebat tidak mati dengan serta-merta, malah Jebat menjelajah mengamuk selama beberapa hari dan telah membunuh beribu-ribu rakyat yang tidak berdosa. Ironinya, Tuah tidak menghalang Jebat, sungguhpun Tuahlah satu-satunya orang yang mampu menumpaskan Jebat, apatah lagi dengan keris Taming Sari yang membuatkan dirinya kebal dan tidak lut oleh sebarang senjata. Jadi, persoalannya, di manakah kedudukan rakyat dalam hati Tuah dan Jebat, sedangkan rakyat mengangkat mereka sebagai wira dalam sejarah Melayu?

Persoalan selanjutnya, mengapa kita menobatkan Hang Tuah yang belum pasti wujud dalam sejarah, dan jika pun wujud kesetiaannya hanya untuk berbakti kepada Raja? Apakah kita ketandusan tokoh, yang berani melawan (derhaka) untuk menegakkan kebenaran dan keadilan, pada masa yang sama komited untuk membela rakyat?

Nama-nama seperti Tok Janggut, Mat Kilau, Dato Bahaman, Dol Said muncul. Tok Janggut

misalnya, dibunuh penjajah British dan mayatnya digantung secara songsang selepas diarak di sekeliling bandar Kota Bharu. Tidak usah kita membahas kewujudan Tok Janggut kerana ada gambar untuk membuktikan kesahihannya.

Jadi mengapa Tok Janggut tidak di-ikon-kan sebagai wira, dianugerahkan stesen LRT, sebagaimana Hang Tuah? Apakah ia kerana Tok Janggut menentang kutipan cukai oleh penjajah British, yang belum digelar GST pada zamannya? Seterusnya, jika penjajah British datang untuk memeras dan mengeksplorasi kita, sehingga sanggup membunuh tokoh tempatan yang bangkit menentang, mengapa pula British sanggup menyambut tangan yang dihulurkan UMNO?

Kita tertanya-tanya, apa sebenarnya yang dirundingkan sehingga British sanggup menyerahkan kuasa kepada Umno untuk memerintah Tanah Melaya? Apakah yang dijanjikan Umno kepada British, untuk mengolah persetujuan British agar kuasa itu diserahkan kepada Umno? Lebih penting, apakah kedudukan rakyat dalam hati penjajah British dan Umno, ketika mereka bersilat-silat dengan kuasa? Barangkali ini RCI yang harus ditubuhkan selepas RCI Tuah-Jebat.

Besar ertinya penubuhan Pakatan Harapan Selangor

PENUBUHAN Pakatan Harapan di Selangor baru-baru ini sangat besar ertinya setelah dinanti-nantikan sekian lama, justeru politik Selangor sentiasa bergelora. Hendaknya dengan penubuhan PH di negeri terkaya di Malaysia ini akan memberi harapan cerah kepada kemenangan Pakatan Harapan dalam PRU14 nanti.

Apa yang telah berlaku dulu tidak wajar diungkit-ungkit lagi. Ia hanya akan menjadi coretan sejarah. Yang penting sekarang ialah persiapan Pakatan Harapan untuk memperkuuh kedudukannya di tengah simpang-siur politik yang tidak menentu.

Pengerusi Pakatan Harapan Selangor, Datuk Seri Azmin Ali telah mengumumkan barisan kepimpinan gabungan itu di Selangor dengan nisbah 4:3:3:2 antara empat parti komponennya.

Empat jawatan diisi oleh pemimpin PKR, manakala pemimpin Bersatu diberikan dua jawatan dalam struktur kepimpinan baru itu.

Azmin melantik empat timbalan pengurus yang terdiri daripada Tony Pua (DAP), Ir Izham Hashim (AMANAH), Datuk Abdul Rashid Asari (Bersatu) dan Sivarasa Rasiah (PKR).

Selain Azmin dan Sivarasa, pemimpin PKR dalam barisan baru itu ialah anggota Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin sebagai setiausaha dan Adun Seri Andalas, Xavier Jeyakumar selaku pengarah pilihan raya.

Sementara itu, Speaker Dun Selangor, Hannah Yeoh dari DAP dilantik sebagai bendahari manakala anggota Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo sebagai pengurus biro undang-undang.

Dari parti AMANAH, Ar Kama-



rul Hisham Yeop Hashim dilantik sebagai penolong setiausaha dan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib dipilih sebagai pengurus jawatankuasa manifesto. Anggota majlis kepimpinan Bersatu, Datuk Dr Sukiman Sarmani pula dilantik sebagai Ketua Penerangan. Barisan kepimpinan baru itu diumumkan selepas mesyuarat antara pemimpin Pakatan Harapan Selangor, baru-bau ini. Azmin berkeyakinan bahawa

kepimpinan Pakatan Harapan Negeri Selangor akan terus maju ke hadapan dengan tekad untuk mempertahankan Kerajaan Negeri Selangor demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri.

Mesyuarat juga telah membincangkan secara dasar mengenai manifesto dan gerak kerja pilihan raya termasuk pelbagai program penerangan yang akan memberikan pencerahan dan maklumat kepada rakyat mengenai kejayaan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Setiausaha Pakatan Harapan Selangor, Zuraida Kamaruddin menegaskan bahawa Pakatan Harapan Selangor memutuskan bahawa ia akan mematuhi keputusan kepimpinan tertinggi di peringkat pusat.

Pengundi Selangor tentu sekali akan menarik nafas lega dengan terwujudnya Pakatan Harapan di negeri itu. Selama ini mereka merasa sangat kecewa dengan pegolakan politik di negeri itu, sedangkan Selangor menjadi cerminan politik Malaysia.

Pengundi tentu merasa mudah untuk membuat pilihan dalam PRU14 dengan melihat potensi Pakatan Harapan mempunyai kemampuan - dari segi ketokohan kepimpinan, keazaman, gerak kerja dan jentera pilihan raya serta kemudahan pengangkutan dan pelbagai lagi.

Kedudukan Selangor yang memiliki lebih banyak kawasan bandar, kecuali di sebelah utara dan sedikit di tengah dan selatan. Oleh itu pengundi bandar yang banyak maklumat akan mudah membuat keputusan.

Selepas ini, semua parti dalam komponen Pakatan Harapan mestilah melipatgandakan usaha, memfokus kepada masalah rakyat, terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana yang amat terasa kekangan ekonomi dengan kenaikan harga barang, terutama minyak yang terus naik dan naik.

Mudah-mudahan PH akan mendapat sokongan kuat dari rakyat, khususnya di Selangor.



PH Selangor akhirnya dibentuk

SHAI ALAM: Setelah lama ditunggu-tunggu, akhirnya Pakatan Harapan (PH) Selangor selesai mengadakan mesyuarat kali pertama di saat kewajaran perundingan Keadilan-Pas menjadi perbahasan hangat di kalangan para pemimpin gabungan parti pembangkang itu.

Mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Azmin Ali itu turut membentuk barisan kepimpinan PH Selangor.

Selain Azmin yang dilantik Majlis Presiden PH sebagai Pengerusi PH Selangor, mesyuarat pertama itu melantik empat timbalan pengerusi iaitu Tony Pua yang mewakili DAP, Ir Izham Hashim (AMANAH), Datuk Abdul Rashid Asari (PPBM) dan Sivarasa Rasiah (Keadilan).

Setiausaha PH negeri disandang Zuraidah Kamaruddin (Keadilan) manakala penolong setiausaha Kamarul Hisham (AMANAH).

Mesyuarat turut melantik Adun DAP Subang Jaya Hannah Yeoh sebagai bendahari, pengarah pilihanraya Dr



Azmin mempengerusikan mesyuarat pertama PH Selangor.

Xavier Jayakumar (Keadilan), pengarah penerangan Datuk Dr Sukiman Sarmani (PPBM), pengerusi manifesto negeri Saari Sungib (AMANAH) dan pengurus biro guaman Gobind Singh Deo (DAP).

Azmin dalam satu kenyataan amat gembira dengan muafakat yang dizahirkan sepanjang

perbincangan itu dan yakin perpaduan utuh dalam PH Negeri Selangor akan menjana kekuatan baru menjelang PRU-14.

Menurut beliau, mesyuarat turut memberi tumpuan kepada pembentukan struktur kepimpinan PH Selangor yang bukan sahaja dianggotai semua parti komponen

“Saya berkeyakinan bahawa kepimpinan PH Negeri Selangor akan terus maju ke hadapan dengan tekad untuk mempertahankan Kerajaan Negeri Selangor demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri,”

malah PH Selangor menampilkan kepimpinan yang berintegriti dan mewakili semua kaum termasuk kepimpinan wanita.

“Mesyuarat juga telah membincangkan secara dasar tentang manifesto dan gerak kerja pilihan raya termasuk program-program penerangan yang akan memberikan pencerahan dan maklumat kepada rakyat mengenai kejayaan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

“Saya berkeyakinan bahawa kepimpinan PH Negeri Selangor akan terus maju ke hadapan dengan tekad untuk mempertahankan Kerajaan Negeri Selangor demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri,” katanya.

Kelewatan pembentukan sekretariat PH Selangor menimbulkan keresahan ahli dan penyokong akar umbi gabungan parti pembangkang itu memandangkan Selangor dianggap negeri paling berpotensi bagi PH.

Malah Azmin dicabar untuk menyegerakan pembentukan Sekretariat Pakatan Harapan di Selangor dan menolak dominasi parti di mana-mana posisi dalam sekretariat tersebut.

Kumpulan aktivis Gerakan Aktivis Harapan (GAH) turut menuntut Azmin sebagai pengarah pilihan raya PH untuk mengutamakan kesamarataan antara komponen parti dalam sekretariat yang bakal dibentuk.

Khairy hipokrit mahu PBB bincang isu Rohingya

KUALA LUMPUR: Gesaan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin agar Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) memanggil sidang tergempar bagi membahaskan isu Rohingya amat aneh dan berbau hipokrasi, kata Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah.

Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH itu menjelaskan pernah membawa usul membahaskan isu pembunuhan etnik Rohingya di Dewan Rakyat tetapi ditolak Speaker Parlimen dan tidak disokong anggota parlimen BN dan Pas.

“Tidak seorang pun ahli parlimen Umno-BN atau Pas menyokong usul tersebut. Mereka semua berdiam diri. Hanya ahli Parlimen Pakatan Harapan sahaja berdiri mendesak usul tersebut diterima.

“Sekarang seolah-olah ingin menjadi juara

pula, Khairy minta PBB di New York panggil sidang khas sementara sidang biasa Parlimen Malaysia sendiri yang sedang bersidang dahulu tidak dibenarkan berbahas.

“Apakah sandiwara serta hipokrasi untuk memainkan isu tragedi umat Rohingya yang sedang dibunuh beramai-ramai di PBB yang jauh dari New York sementara di Dewan Parlimen Malaysia sendiri perbahasan ditolak,” ujarnya dalam satu kenyataan.

Ketika mencadangkan perkara itu, Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau berkata dunia tidak sepatutnya berdiam diri dan membiarkan pembunuhan etnik terus berlaku di Myanmar.

Justeru beliau menggesa PBB mengadakan sidang khas tergempar bagi mencari penyelesaian muktamad berhubung krisis

kemanusiaan yang melanda etnik Rohingya di Myanmar.

Mengulas lanjut, Raja Bahrin berkata wajar bagi Khairy menasihati Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengutamakan isu Rohingya daripada bertemu Presiden Donald Trump di Washington sedang Pope Francis dari Vatican merancang untuk ke Myanmar bagi meninjau isu Rohingya.

“Khairy patut menasihati bosnya sendiri untuk memperbetulkan keutamaan tanggung jawab serta prioritinya terhadap umat Islam yang sedang dibunuh beramai-ramai di negara jiran,” ujarnya.

Tambahnya lagi, Presiden Erdogan dari Turki dan para pemimpin utama Iran sudahpun menghantar bantuan rasmi kepada kaum

Rohingya yang ditindas junta Myanmar ketika pentadbiran Najib sibuk dengan misi lawatan ke Rumah Putih.

“Dimanakah keperhatinan Najib tentang kesengsaraan kaum minoriti Rohingya? Kalau di Parlimen sendiri tidak mahu dibahaskan kenapa hendak menjuarai di PBB pula?” ujarnya.

Sehubungan itu, Raja Bahrin mencabar Khary untuk mencadangkan sidang khas Dewan Rakyat bagi membahaskan isu Rohingya sebelum menuntut PBB memanggil sidang khas di New York.

“Dahulukan yang wajib di tempat sendiri sebelum yang sunat di tempat orang. Itulah yang di tuntut oleh Islam untuk melakukan sesuatu dengan keikhlasan dan bukan lebih bermotifkan politik kepartian,” tegasnya.

Pas kitar semula propaganda Umno momokkan Melayu

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad menyifatkan Pas pada masa ini tidak lebih hanya mengitar semula tohmahan dan propaganda Umno untuk memomokkan pengundi Melayu.

Menurutnya, Pas jauh berbeza dengan pendiriannya sebelum ini yang turut tegas menafikan dakwaan kononnya DAP bersifat ‘along’ atau menguasai blok pembangkang.

“Saya kecewa Pas sebaliknya sekarang sanggup menipu orang Melayu dengan menggunakan

“Pas sekadar memperalat ketakutan, tidak bercakap hal yang benar, (Pas) hilang kredibiliti apabila berubah-ubah (pendirian) mengikut kepentingan politik.”

propaganda Umno.

“Pas sekadar memperalat ketakutan, tidak bercakap hal yang benar, (Pas) hilang kredibiliti apabila berubah-ubah (pendirian) mengikut kepentingan politik,” ujarnya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Dewan Pemuda Pas, Muhammad Khalil Abdul Hadi kelmarin yang mengaitkan undi kepada Pakatan Harapan adalah undi kepada DAP.

Anak Presiden Pas itu turut

mendakwa DAP dibayangi agenda Evangelis Kristian dan bercita-cita untuk menawan dan menjadikan Malaysia negara sekular.

Bahkan Khalil menuduh DAP mahu mendominasi Pakatan Harapan sekali gus menentu arah setiap tindakan pakatan politik itu.

Menjawab tuduhan Khalil itu, Khalid berkata mustahil bagi DAP untuk menjadi parti yang menguasai Pakatan Harapan malah ia tidak pernah muncul sebagai

parti dominan dalam Pakatan Rakyat yang turut disertai Pas sebelum ini.

“Jumlah kerusi (Parlimen) yang ditandingi DAP (pada pilihan raya umum lalu) adalah paling kecil berbanding Keadilan dengan 99 kerusi, Pas (73) dan DAP bertanding 51 kerusi.

“Angka 51 kerusi itu kecil berbanding rakan-rakan (pembangkang) lain, kurang daripada separuh. Bagaimana DAP boleh jadi paling dominan?

“Kalau DAP menang pun di kesemua kerusi ditandinginya, itu masih jauh daripada boleh menubuhkan kerajaan yang

memerlukan (majoriti mudah) 112 kerusi,” jelasnya.

Hal tersebut, katanya berlainan dengan Umno dalam BN yang bertanding lebih 130 kerusi Parlimen dan menang 88 kerusi manakala parti-parti komponen lain menang lebih kurang 50 kerusi.

“Itu baru benar Umno dominan sebab menang lebih daripada separuh,” tegas Ahli Parlimen Shah Alam itu lagi dalam forum Helo Roket, baru-baru ini.

Turut hadir dalam program yang dimoderatorkan Alaliah itu ialah Setiausaha Publisiti DAP Kebangsaan Tony Pua merangkap Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX
JEMAAH
1 FREE**
*Tertakluk Terma & Syarat



@ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH
BIASA

HARGA DARI RM4,890 [11h/09m]

CUTI
SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 [11h/09m]

OPERATING PARTNER
NASHWAN

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

YURAN
RM200

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-16

TARIKH : 25-26 OGOS 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KOTA BHARU, KELANTANUST OSMAN
019-9808538

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-17

TARIKH : 15-16 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : NASUHA RESORT HERB PAGOH, MUAR, JOHOR.HJ KAMAR
019-7763300

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-18

TARIKH : 16-17 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KUANTAN, PAHANG.HJ YUSUF
016-9875115

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-19

TARIKH : 19-20 SEPT 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : SELANGOR.SHAFIQ
013-2159264

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-20

TARIKH : 21-22 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : KOTA KINABALU, SABAHHJ AWANG ADI
016-7796889

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH : 22-23 SEPT 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : ALOR SETAR, KEDAH.UST FITRI
013-7410321

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH : 23-24 SEP 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : PUSAT DAKWAH ISLAMIAH, PAROI, N.SEMBILAN.HJ RAZAK AMIT
017-3272205

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-23

TARIKH : 03-04 NOV 2017 MASA : 8.00am
TEMPAT : SAVANNA HILL RESORT, ULU TIRAM JOHORUSTZH ROPINAH
013-7702810

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,090
12 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,990
16 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,090
21 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,790
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
25 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
26 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
28 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
30 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,990

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
02 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
05 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790

JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
03 JAN	KUL/JED/OPEN JAW	4,790
05 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
07 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
09 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
11 JAN	JHB/JED/MED/JHB	4,990
13 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
21 JAN	JHB/MED/JED/JHB	5,190
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
27 JAN	KUL/MED/OPEN JAW	4,990
28 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
31 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

(768307-X)(KPL/LN 5056H)

PERAK

EN FAIZUL

012-568 1150

NEGERI SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT

017-327 2205

SELANGOR

HJ NORSHAM

011-3231 4248

MELAKA

HJ RAZAK OMAR

012-310 8464

KEDAH

UST FITRI / HJ AZIZAN

04-4480709

011-4066 0800 /

013-741 0321

KELANTAN

CIKGU NASIR

013-906 5903

PPINANG

UST LATIF

019-510 0255

PAHANG

HJ YUSOF

016-987 5115

JOHOR

HJ KAMAR

019-776 3300

SERAWAK

HJ IBRAHIM

013-823 5841

SABAH

HJ AWANG ADI

013-559 8889

PAHANG

BENTONG HJ ROHANI

JENGKA HJ RABIAH

KUANTAN HJ MARZIANI

PEKAN HJ YUSUF AWANG

TEMERLOH HJ JOHARI

KUANTAN HJ NORMAH

BENTONG HJ ABD MANAN

RAUB NAIM ASHAARI

FELDA BUKIT GOH HJ SHARIFAH

SARAWAK

SG.LADA, SG. MIRI ASLI

013-885 1234

013-885 1234

Wakil Daerah

BATU CAVES HJ NOORDIN

AMPANG MOHD ROZAIRIZAL

AMPANG HJ CONNIE

AMPANG HJ ROSNANI

GOMBAK USTAZ ZULFEKAR

KLANG HAJAH FARIDLAH

GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE

BATANG KALI USTAZ ANAS

SHAH ALAM HJ FAZUAN KISUT

KLANG HJ MUSTAFAR

BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA

BANGI HJ MOHD JAJOLI

SHAH ALAM HJ HASSAN

HULU KELANG HJ ROZALI

SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL

BANGI HJ NORIBAH

HULU SELANGOR NORAI SHAH

SERENDAH RADZIAH MD ISA

PAHANG

019-383 4586

013-704 5646

013-908 5969

019-958 4003

012-966 9730

016-887 5115

019-383 4586

012-243 7490

013-950 2565

Wakil Daerah

013-885 1234

SABAH

SABAH HAJI RAMLI

BANDAR T

AMANAH perlu juarai tentang rasuah, bukan DAP

PRESIDEN AMANAH, Mohamad Sabu menggariskan dasar besar parti itu baru-baru ini bahawa mereka perlu menjadi juara dalam menentang rasuah dan penyelewengan.

Menurut Mohamad, inilah perjuangan partinya sekarang melalui konsepnya rahmatan lil' alamin (rahmat untuk semua).

"Islam rahmatan lil' alamin ini bukan hanya slogan tetapi betul-betul diamalkan. Ia bukan alasan untuk kita buat kesilapan dan akhirnya bawa kecelakaan kepada orang Islam," katanya.

Bagi beliau, pemberian atau pengisian yang cuba dibuat ini rumit tetapi ia perlukan dilakukan.

"Kita mahu nilai yang ditunjukkan oleh Khalifah Islam pertama, Abu Bakar Al-Siddiq perlu dijadikan panduan, katanya memberikan ingatan kepada ahli-ahli AMANAH.

Kata Mat Sabu, dalam ucapan pertamanya selepas menjadi khalifah,



Mohamad menerima hadiah berupa potret beliau yang dilukis oleh seorang penyokong AMANAH.

Abu Bakar berkata, "Sokonglah aku jika aku betul dan jika aku buat silap tegurlah aku."

"Inilah sifat yang kita mahu terap dalam masyarakat supaya tertanam dalam dalam jiwa rakyat. Jika kita per-

intah nanti dan buat silap, rakyat akan cepat-cepat bangun dan jatuhkan kita semula," katanya.

Bagi beliau, sesetengah ulama Islam telah dipengaruhi oleh 'pemikiran celaka' apabila mereka tidak

memerangi rasuah dan penyelewengan sedangkan ia ditolak oleh Islam dengan jelas, kata presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

"Saya tak faham kenapa golongan agama yang faham dan kenal Umno dan BN menyokong BN. Ini pemikiran celaka yang masuk dalam pemikiran sedangkan rasuah dan penyelewangan perkara yang ditolak oleh Islam," katanya.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu hairan, kenapa DAP yang menjadi juara melawan rasuah bukannya umat Islam.

"Kenapa DAP yang jadi juara melawan rasuah yang sepatutnya dilakukan oleh umat Islam kerana kita diajar bahawa memberi dan menerima rasuah akan masuk neraka.

"Sepatutnya orang Islam yang jadi

juara tetapi kita cari ayat-ayat untuk membolehkannya...ini bukan rasuah, ini habuan," kata Mat Sabu ketika merasmikan Konvensyen AMANAH Selangor hari ini.

Beliau juga merasa hairan kenapa model Australia, Miranda Kerr, yang lebih berintergriti dalam menentang rasuah berbanding wanita Islam sendiri.

"Cuba kita lihat seorang model Australia. Kadang-kadang dia pakai baju, kadang-kadang tak pakai, banyak hal yang kita tak suka tentang dia tetapi nilai intergritinya, adakah ia boleh berlaku kepada kita.

"Bila dia dapat hadiah permata dari teman lelakinya, Jho Low bernilai AS\$9 juta, tentu dia gembira tetapi apabila didapat ia wang curi dari rakyat Malaysia, dia bagi balik hadiah itu," katanya.

PRU 14 nanti, BN lawan PH, yang lain hanya pengacau

Pertembungan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) nanti adalah antara Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) sahaja manakala kehadiran pihak lain hanya pengacau (*spoiler*), kata Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Timbalan presiden PH itu berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen AMANAH Selangor Sabtu 10 September lepas.

Justru parti lain, katanya, hanya pengacau dan tidak akan berjaya.

"Saya yakin parti lama saya akan hilang wang deposit di pantai barat Semenanjung," kata beliau yang dikenali dengan panggilan Mat Sabu dalam uca-

pannya itu yang dipercayai ditujukan kepada PAS.

Pada sidang media selepas majlis perasmian itu, Mat Sabu menjelaskan yang jangkaan beliau itu berdasarkan pengalaman beliau sebagai ahli dan pemimpin PAS sebelum ini.

"Ia berdasarkan pengalaman saya ketika PAS bertanding bersendirian di beberapa negeri seperti Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. Kebanyakannya kita hilang wang pertaruhan.

"Kita hanya menang di beberapa tempat apabila kita bersama DAP dan PKR dan sebelum itu dengan Semangat 46.

"Sebab itu apabila PAS bertanding bersendirian, ia akan dapat undi ahli core (asas) sahaja. Jadi bila PAS bertanding sendirian di empat negeri itu, ia akan kalah teruk. Itu pengamatan saya berdasarkan 40 tahun dalam PAS dan politik," kata bekas timbalan presiden PAS itu.

Mat Sabu juga berkata, jika pertandingan tiga penjurur, tidak semestinya akan memberi BN kemenangan.

"Apabila tiga penjurur, undi Melayu akan pecah tiga sedangkan undi bukan Melayu khasnya Cina akan bersama PH," kata Mat Sabu.

Selangor, Pulau Pinang bukti PH boleh tadbir Putrajaya

SELEPAS dua penggal mengemudi kerajaan negeri Selangor dan Pulau Pinang dengan baik tiada sebab Pakatan Harapan (PH) tidak boleh mentadbir Putrajaya pada pilihan raya akan datang, tegas Pengerusi AMANAH Selangor, Izham Hashim.

Menurutnya, apa yang diperlukan pada pilihan raya umum akan datang adalah sokongan dan kepercayaan rakyat untuk PH menggantikan BN di Putrajaya.

Beliau berkata, kedua-dua negeri tersebut mampu melaksanakan pelbagai

program meningkatkan kesejahteraan rakyat kerana tidak korup dan boros mentadbir seperti pemimpin Umno-BN.

"Kedua-dua negeri Pakatan Harapan ini mampu melakukan semua ini kerana pimpinan negeri-negeri tersebut tidak mencuri duit rakyat, tidak rasuah dan tidak membazir seperti pemimpin Umno-BN dalam kerajaan pusat," ujarnya dalam ucapan di Konvensyen AMANAH Selangor hari ini.

Berbanding kerajaan pusat yang dikuasai BN dengan bajet tahunan

mencecah RM270 bilion, jelasnya, kerajaan negeri Selangor hanya mempunyai belanjawan tahunan sekitar RM3 bilion tetapi mampu menjaga kebajikan rakyat jauh lebih baik.

"Pelbagai program kesejahteraan rakyat berjalan lancar termasuk air percuma, Skim Usia Emas, bas percuma, Skim Peduli Sihat dan pelbagai program sedikit sebanyak berjaya meringankan beban rakyat.

"Malah, kakitangan awam di Selangor menerima dua bulan bonus dan mungkin tiga bulan tahun ini ber-

banding bantuan kewangan RM500 kepada kakitangan awam Persekutuan.

"Begini juga prestasi yang baik di negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang selesa dengan pelbagai program kesejahteraan rakyat.

"Mungkin ramai kakitangan awam Persekutuan minta pindah ke Selangor dan Pulau Pinang," katanya dalam ucapan bertemakan 'Menjunjung Amanah Rakyat' di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pandan Indah.



Perwakilan dan pemerhati yang memenuhi Auditorium MPAJ dalam Konvensyen AMANAH Selangor 10 September lepas.

Jika RoS tidak lulus logo, Pakatan masuk sebagai Team PH

PAKATAN Harapan (PH) bersedia menghadapi sebarang kemungkinan jika Jabatan Pendataran Pertubuhan Malaysia (RoS) tidak menerima pendaftaran logo mereka menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Pengerusi AMANAH Selangor, Izham Hashim ketika memberikan ucapan utama di Konvensyen AMANAH Selangor hari ini penuh keyakinan PH bersedia menghadapinya.

"Jika ditakdirkan kelulusan satu logo tidak diperolehi, saya berkeyakinan pimpinan PH akan mempunyai kaedah terbaik untuk kita menyertai pilihan raya sebagai satu team iaitu 'Team PH'" kata timbalan pengerusi PH Selangor itu dalam ucapannya.

Kata-katanya itu dipercayai menjawab persoalan pelbagai pihak apa yang akan dilakukan PH jika RoS gagal mendaftarkan logo mereka menjelang PRU14 nanti.

PH telah memfaikan permohonan kepada RoS 28 Julai lalu untuk mendaftarkan gabungan parti politik itu serta dengan logo mereka.

Bagaimanapun, RoS menolak cadangan logo PH dan meminta ia dibuat semula sesuai dengan spesifikasi yang dikehendakinya.

Seminggu selepas itu, PH telah menghantar beberapa logo baru menepati kehendak RoS itu. Namun sehingga kini pendaftaran itu belum diluluskan termasuk logonya.

Parti-parti komponen PH iaitu PKR, DAP, AMANAH dan Bersatu bercadang untuk menggunakan satu logo dalam PRU14 nanti.

Ia sesuai dengan pandangan pengerusinya, Dr Mahathir Mohamad, jika PH mahu menang lawan BN, mereka perlu gunakan satu logo, satu manifesto dan satu calon bersama dalam pilihan raya nanti.

Dialog ikan kembung

Catatan **ABD SHUKUR HARUN**

IKAN kembung ialah makanan popular rakyat biasa. Ini kerana harganya murah berbanding dengan harga ikan yang lain. Ia digelar sebagai ikan rakyat.


Ikan kembunglah yang pertama dituju oleh para suri rumah atau pembeli yang lain, justru ia pilihan yang paling dekat di hati rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Ikan jenis lain yang dikira tinggi harganya berbanding dengan ikan kembung, seperti ikan jenahak, kurau, senangin, tenggiri dan seumpamanya, maka ia pilihan kedua atau ketiga, malah mungkin yang terakhir.

Harga ikan di pasar dan di mini market atau di kedai runcit di kampung sering saja diperkatakan oleh pelbagai pihak akhir-aakhir ini, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Dua suri rumah – Cik Joyah dan Cik Gayah – yang mendiami sebuah flet tiga bilik mengunjungi pasar berdekatan flet mereka.

Kedua-dua suri rumah tu segera saja menuju ke gerai menjual ikan.



Aktivis AMANAH Kawasan Sik, Kedah meredah kampung bagi membantu orang susah di kawasan terpencil itu. Ikan kembung pun tidak mampu dibeli oleh mereka.

Tentu saja tumpuan kedua-dua suri rumah itu, seperti biasa, ialah ikan kembung.

Kedua-dua sahabat itu mengerutkan dahulu melihatkan harga ikan kembung di pasaran itu sudah RM16 sekilo. Ikan lain – jenahak, tenggiri, kerapu, bawal dan lain-lain berlipat ganda

harga.

"Tak boleh kurang ke?" tanya Joyah pada penjual ikan itu.

"Bolehlah saya kurangkan dua tiga puluh sen. Tapi ikan kembung, mintak maaf, itulah harganya tak boleh kurang. Saya ambil dari pembekal pun mahal," kata penjual itu.

Kata pula Cik Gayah, "dulu harga ikan kembung ni lebih kurang RM10 saja. Tapi kenapa sekarang begitu mahal?"

Jawab penjual ikan itu, "Ikan kembunglah yang paling murah, ternalah di mana-mana. Sebab itu walau RM16 sekilo, orang beli juga."

Ikan jenis mahal, tak ramai orang beli, kata penjual ikan itu lagi.

Inilah antara dilema rakyat biasa berdepan dengan kenaikan harga ikan dan barang yang lain.

Para suri rumah yang dibekalkan wang sekadarnya oleh suami masing-masing, yang bergaji rendah, merasa amat tertekan dengan harga ikan yang mahal dan barang dapur yang lain, yang terpaksa dibeli juga seperti beras, tepung, gula, minyak dan lain-lain.

Demikianlah rakyat biasa ini meneruskan kelangsungan hidup yang serba payah. Suami Joyah seorang pekerja syarikat swasta bergaji sekitar RM2,500 sebulan, menanggung empat orang anak yang bersekolah.

Sementara suami Gayah, juga bekerja di syarikat swasta dengan gaji sekitar itu juga, menanggung tiga

anak juga dan ibu tua yang sering berulang alik ke klinik dan hospital kerana beberapa penyakit.

Sang suami pula terpaksa menyediakan wang untuk makan tengah hari dan sebagainya.

Mereka ini adalah antara puluhan ribu, atau ratusan ribu rakyat yang merasakan sangat tertekan dengan kenaikan harga barang keperluan.

Pak Ali, penjual sayur dan buah-buahan di pasar itu memberitahu bahawa kenaikan harga minyak menyebabkan banyak lagi barang naik harga, kerana syarikat pengangkutan – lori dan van – menaikkan sewa mereka.

Kedai runcit di pasar juga memberi alasan yang sama. Antara barang yang sangat ketara naiknya ialah minyak masak, tepung dan pelbagai lagi.

Kemudian ada barang yang dinaikkan lagi kerana GST. Semuanya ini benar-benar menghambat kehidupan rakyat.

Tetapi dengan siapa mereka hendak mengadu. Akhirnya terpaksa menelan air mata. Namun kehidupan mesti diteruskan, walau dalam kepahaman yang bagaimanapun.

Penjawat awam tertekan, kos sara hidup naik mendadak

Oleh **ARIF ATAN**

ENAM syor berkaitan penjawat awam yang mendapat sokongan tertinggi dalam laman web khas untuk rakyat memberikan cadangan bagi Bajet 2018 menggambarkan tekanan golongan tersebut berdepan dengan kenaikan mendadak kos sara hidup.

Kesemua syor bagi kategori kos sara hidup itu membabitkan tuntutan kenaikan gaji, elaun dan bonus bagi kakitangan kerajaan.

Semakan pada tengahari 12 September mendapat cadangan pengguna bernama Ravidasan supaya elaun penjawat awam ditambah mendapat sokongan tertinggi mencecah 1,253 daripada pengguna lain ketika disemak.

"YAB Datuk Seri, seperti semua sedia maklum bahawa kos sara hidup telah meningkat. Jadi, untuk menyara kos tersebut sebagai penjawat awam saya sarankan elaun perkhidmatan dinaikkan," katanya.

Tuntutan sama disuarakan pelayar web itu, Richard Samie yang menerangkan gaji penjawat awam dinaikkan sebanyak empat peratus mengikut kadar inflasi semasa.

Menurutnya, elaun perumahan juga perlu ditambah kepada RM100 memandangkan kadar sewa dan harga kediaman yang mahal pada masa ini.

"Peningkatan elaun perumahan dapat meringankan beban penjawat

awam. Bila pendapatan meningkat, secara tidak langsung kuasa beli pengguna akan turut meningkat.

"Rakyat tetap akan berbelanja. Ini akan merancakkan ekonomi negara. Bila perbelanjaan meningkat, pendapatan negara turut meningkat," hujahnya yang mendapat sokongan kedua tertinggi daripada 1,185 pengguna.

Sehingga 31 Mac lalu, terdapat 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara dengan 57 peratus daripadanya adalah guru, tentera, polis, doktor dan jururawat.

Memberitahu terdapat kakitangan kerajaan yang tidak memperoleh bonus sejak 2013, pengguna bernama Haslina pula mencadangkan bonus kepada mereka diberi sebanyak dua bulan gaji.

"Diharap Datuk Seri Najib dapat memberi imbuhan bonus kepada kakitangan kerajaan untuk membantu meringankan beban kenaikan harga barang yang mendadak naik," ujarnya.

Kakitangan kerajaan, Amir Ibrahim juga senada dengan saranan itu dengan menambah kaedah pembayaran bonus boleh dilakukan secara bulanan berbanding dibayar secara terus atau dua kali setahun.

"YAB Datuk Seri diharapkan belanjawan kali ini dapat diberikan bonus penjawat awam sekurang-kurangnya sebulan gaji atau maksimum dua bulan gaji berbanding RM500 yang diberikan sebelum ini.

"Sebagai contoh bonus yang dibayar adalah RM 6,000. Maka pembayaran boleh dibuat RM 500 untuk setiap bulan selama 12 bulan. Kaedah ini dapat mengurangkan beban kerajaan," cadang Amir lagi.

PELARASAN

Sehingga 18 September ini, rakyat Malaysia boleh terus menyalurkan cadangan melalui <https://bajet2018.najibrazak.com> yang terdiri daripada 14 kategori antaranya perumahan dan kehidupan bandar, pendidikan, pekerjaan, pembangunan desa, pengangkutan serta ekonomi digital.

Turut mengakui kos sara hidup yang semakin menekan, Shafiq Ibrahim mengesyorkan kerajaan melaksanakan pelarasan semula terhadap gaji dan elaun penjawat awam yang difahamkannya dibuat kali terakhir pada 2007 sebanyak tiga peratus.

"Semakan pelarasan ini perlu disebabkan kos sara hidup yang tinggi," jelasnya lagi yang kemudiannya meraih 258 undian sokongan menerusi butang suka.

Sementara itu, penjawat awam, Mohd Muzaimi Abd Rahman memohon Najib Razak mengkaji dan meneliti masalah dan bebanan kos sara hidup yang ditanggung kumpulan sokongan sepertinya.

Tuntutannya yang juga disokong ratusan pelayar web itu menggesa Najib menaikkan agar elaun sara hidup (COLA) penjawat awam sehingga 50

peratus.

"Golongan pelaksana seperti saya sangat terkesan dengan kenaikan kos sara hidup yang tinggi di bandar. Sara hidup juga meningkat kerana bilangan keluarga yang semakin bertambah," rayunya lagi.

Jumlah penjawat awam di negara ini mewakili hanya 11 peratus daripada keseluruhan kira-kira 15 juta pekerja di

negara ini sekali gus menyaksikan bebanan kos sara hidup bagi sebahagian besar rakyat yang bekerja di luar sektor awam adalah jauh lebih kritikal.

Dalam hal berkaitan, dianggar sebanyak 507,700 orang di negara ini daripada 32 juta penduduk Malaysia tidak berkerja setakat Jun lalu mengikut pendedahan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Anwar amat hormati keputusan bersama PH — Saifuddin

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail mendedahkan wujud usaha pihak tertentu untuk mengadu domba dan menyebarkan khabar angin kononnya beliau akan melepaskan jawatan kerana menghadapi krisis dengan pemimpin utama Keadilan dan Pakatan Harapan (PH).

Malah beliau memberi jaminan bahawa Ketua Umum PH Datuk Seri Anwar Ibrahim amat menghormati keputusan yang dibuat oleh Majlis Presiden PH untuk menghentikan rundingan dengan Pas dan membuat persediaan menghadapi kemungkinan pertandingan tiga penjuru pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Saifuddin yang pulang selepas lawatan 6 hari ke London 6 September lalu mengakui dihujani pertanyaan sama ada telah meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung.

"Saya memilih untuk mengeluarkan kenyataan ini sebagai reaksi terhadap persoalan tersebut."

"Walaupun berada di luar negara

saya sering berhubung dengan pimpinan utama Keadilan dan PH. Pimpinan utama Keadilan dan PH amat maklum akan komitmen saya terhadap parti dan PH.

"Saya terlibat dengan setiap keputusan parti dan keputusan PH dan sudah tentu saya patuh dengan semua keputusan yang telah dibuat.

"Khabar bahawa saya meletak jawatan dikaitkan dengan saya dikatakan tidak puas hati dengan arahan Datuk Seri Anwar Ibrahim tentang berunding dengan Pas dan ekoran daripada itu saya dikecam dan akibatnya saya kecewa, adalah jelas ini satu adu domba daripada pihak yang tidak mahu melihat Keadilan terus stabil dan PH terus kuat," ujarnya dalam satu kenyataan 7 September lalu.

Tegas beliau lagi, Keadilan telah berusaha hampir dua tahun mendekati dan menyantuni Pas dengan siri-siri pertemuan melibatkan Mursyidul Am, Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Agung dan Pengarah Pilihan Raya parti itu.

“Tidak sukar juga dilihat setelah diusahakan demikian lama, Pas tetap memilih jalannya sendiri.”

Bagaimanapun beliau berpandangan, setiap usaha dan ikhtiar harus ada garis masa bagi memudahkan semua pihak membuat keputusan.

"Usaha dibuat di sebalik keputusan muktamar dan Majlis Syura (Pas) yang memutuskan hubungan dengan Keadilan. Demikian Keadilan menunjukkan jiwa besar demi mencapai kerjasama terbaik guna mendepani Umno-BN pada PRU ke-14.

"Rakyat dapat melihat dengan jelas usaha ini dan rakyat dapat melihat saban hari Pas menunjuk sikap dingin dengan Keadilan dan PH sebaliknya semakin lunak dengan Umno-BN.

"Di sebalik latar politik inilah PH yang Keadilan adalah komponennya membuat

keputusan untuk mengukuhkan kerjasama PH bagi menghadapi PRU ke-14 dan tidak lagi bekerjasama dengan Pas," jelasnya.

Menurutnya, tatkala Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil dengan nota dari penjara, PH telah membuat keputusan untuk menghentikan



**Saifuddin
Nasution
Ismail**

rundingan dengan Pas.

Beliau yakin Anwar seorang yang sangat menghormati keputusan yang dibuat secara bersama dan tidak sukar untuk Ketua Umum Keadilan itu faham kenapa PH membuat keputusan tersebut.

"Tidak sukar juga dilihat setelah diusahakan demikian lama, Pas tetap memilih jalannya sendiri. Adalah lebih utama Keadilan menumpukan sepenuh usaha dan tenaga membantu mengukuhkan PH dan menerima hakikat Pas telah ada pilihannya.

"Kenyataan ini saya keluarkan sejurus saya bercakap dengan Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail yang menemani Datuk Seri Anwar di mahkamah. Saya maklumkan bahawa komitmen saya bersama Keadilan dan PH dan khabar saya meletak jawatan adalah tidak benar," tegas beliau.

Saifuddin juga turut memaafkan pihak yang berusaha mencipta khabar angin itu, menyebarkan dan kemudian merayakannya.

Ahli MT Umno dakwa bekas menteri lindungi Tun Mahathir

KUALA LUMPUR: Belumpun sempat Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menamatkan sesi pendengarannya, sudah kedengaran komen pemimpin kanan Umno yang mempertikaikan keterangan saksi seolah-olah mengesahkan kebimbangan umum terhadap motif politik di sebalik penubuhannya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Puad Zarkashi mempersoalkan keterangan bekas menteri kewangan kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop pada sesi pendengaran RCI itu dengan menuduh beliau "ingin membalias jasa" Tun Dr Mahathir Mohamad kerana melantiknya sebagai penasihat kewangan.

"Jangan pula kerana diberi peluang semula sebagai penasihat kewangan kepada perdana menteri semasa krisis kewangan tahun 1997/1998 menyebabkan Nor Mohamed Yakcop bersedia menjadi 'kambing hitam' hingga tersembunyi fakta sebenar mengenai skandal kewangan

yang menyebabkan negara kerugian puluhan bilion ringgit ketika itu," kata Puad.

Nor Mohamed ketika urus niaga forex itu berlangsung menjawat penolong gabenor BNM dan bertanggungjawab terhadap segala urusan perniagaan itu.

Ketika memberi keterangan di hadapan panel RCI, Nor Mohamed mengakui bertanggungjawab dalam urusniaga forex namun tidak pernah memaklumkan atau berbincang dengan perdana menteri ketika itu, Dr Mahathir Mohamad ataupun menteri kewangan Tun Daim Zainuddin.

Puad dalam kenyataan yang dipetik FMT mempersoalkan keterangan Nor Mohamed yang mengaku bertanggungjawab di atas kerugian besar itu tetapi pada masa sama menafikan bertindak bersendirian dalam urus niaga forex.

"Maksudnya ada orang lain terlibat. Siapakah orang itu? Apakah dia bermaksud gabenor BNM? Mustahil Nor Yakcop membuat keputusan bersendirian dan mustahil juga jika tiada arahan dari pihak

atasan," kata Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) itu.

Puad juga menuduh Nor Mohamed telah dijadikan 'kambing hitam' untuk menyembunyikan fakta sebenar skandal kewangan itu bagi melindungi Dr Mahathir yang melantiknya menjadi penasihat kewangan kepada perdana menteri semasa krisis kewangan 1997-1998.

"Yang pasti Nor Mohamed cuba mengelak daripada mengaitkan perdana menteri dan menteri kewangan ketika itu," kata Puad.

Kerugian yang dicatatkan selama beberapa tahun sehingga awal 1990-an itu berlaku di bawah pentadbiran Dr Mahathir, sementara Daim and Datuk Seri Anwar Ibrahim ialah menteri kewangan.

RCI itu sebelum ini dilihat Dr Mahathir sebagai usaha pentadbiran Najib untuk mengaitkan beliau dengan salah laku masa lampau, di sebalik desakan pengerusi PPBM itu supaya kerajaan menubuhkan RCI menyiasat skandal 1MDB.

Bekas gabenor BNM bimbang kemarau etika dan intergriti

KUALA LUMPUR: "Wujud keperluan untuk memperkuatkan piawaian etika dan integriti individu serta organisasi dalam persekitaran dengan keadaan ekonomi menjadi tidak menentu bagi tempoh yang berpanjangan, kata bekas Gabenor Bank Negara Malaysia," Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berkata, perkembangan di peringkat dunia itu menyebabkan berlakunya kekurangan kepercayaan dan keyakinan

dalam sistem serta kerajaan bagi menangani isu tersebut serta hasilnya.

Zeti, yang juga Pengurus Bersama Lembaga Gabenor-gabenor di Asia School of Business, berkata, antara faktor asas yang menyebabkan peningkatan ketidakpercayaan itu adalah kegagalan nilai etika, kekurangan

kebertanggungjawapan peribadi dan organisasi serta kelemahan tadbir urus dan kawalan dalam.

Kepercayaan adalah

penting terutama ketika berdepan tempoh kritis, apabila anda berada di tahap paling tidak berdaya. Bagaimanapun, membangunkan kepercayaan adalah usaha yang berpanjangan.

Oleh itu, usaha nyata dan berterusan diperlukan untuk membina kepercayaan ini. Ia mesti ada ketika anda perlukannya, katanya semasa menyampaikan ucaptama di majlis Anugerah Bina Kepercayaan PwC Malaysia kali kedua di sini, baru-baru ini.

Pak Jabit meninggal dunia

KUALA LUMPUR: Pelakon, aktivis dan ahli Keadilan Abdul Kader Samsi atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Jabit di kalangan rakan artis meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan kecemasan di Klinik Kesihatan Lanchang, Pahang jam 7.10 pagi, 7 September lalu.

Berita kematian pelakon filem Hantu Kak Limah itu dimaklumkan salah seorang anaknya menerusi akaun Facebook dan dikongsikan rakan-rakannya.

Allahyarham turut dikenali dengan nama L Mankadir Shamsi dikebumikan

di tanah perkuburan Islam Kampung Rantau Panjang, Lanchang selepas solat Zohor.

Pak Jabit terkenal menerusi lakonannya dalam filem-filem komedi arahan Mamat Khalid antaranya Man Laksa, Zombi Kampung Pisang, Hantu Kak Limah Balik Rumah.

Di bidang politik Allahyarham pernah bergiat aktif dalam Pas sebelum menyertai Keadilan dan turut memperjuangkan hak-hak peneroka Felda bersama peguam Allahyarham Suhaimi Said.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2017
2018**PROMOSI****SEOUL**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

PELBAGAI DESTINASI MENARIK!**TURKI**

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650		
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490		
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

Stabilkan ekonomi negara sebelum bantu ekonomi Amerika

Oleh MOHD SANY HAMZAN

DI SAAT Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sibuk untuk membantu mengukuhkan ekonomi Amerika Syarikat, rakyat Malaysia terus dihimpit dengan kenaikan kos kehidupan kesan daripada ketidakstabilan ekonomi negara. Minggu ini, harga petroleum RON95 dan RON97 terus menunjukkan trend menaik sejak 11 minggu yang lalu.

Harga runcit baru RON95 naik 1 sen kepada RM2.21 seliter manakala RON97 ditetapkan dengan RM2.52 seliter iaitu 4 sen lebih mahal daripada minggu lalu. Kenaikan setiap minggu ini sudah pasti memberi kesan besar kepada masyarakat yang terpaksa menanggung peningkatan kos kehidupan sehari-hari.

Pemuda AMANAH Nasional menasihatkan Najib Razak agar menumpukan usaha menstabilkan ekonomi negara dan mengurangkan bebanan rakyat di dalam negara ini. Tidak perlu tunjuk pandai untuk membantu negara

lain sedangkan negara sendiri dalam keadaan yang sangat mendukacitakan.

Rakyat tidak melihat 'kesudian' Najib membantu menstabilkan ekonomi kuasa besar Amerika Syarikat itu satu kebanggaan. Ia hanya satu hipokrasi yang ditunjukkan oleh Najib kepada dunia dalam keadaan Malaysia menghadapi pelbagai permasalahan dan skandal yang masih menjadi persoalan besar.

Rakyat terus djerut dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), dalam masa yang sama pendapatan perkapita rakyat masih tidak meningkat. Cukai GST serta peningkatan harga minyak dalam tempoh yang panjang ini telah menyebabkan pelbagai kos meningkat yang akhirnya ditanggung oleh rakyat. Permasalahan ini masih gagal dinatijahkan oleh Najib dan kepimpinan negara.

Bagi rakyat, Najib Razak lebih mementingkan populariti berbanding menyelesaikan permasalahan rakyat terbanyak. Pertemuan yang diusahakan ini hanya untuk membersih-

kan nama beliau yang sedang kotor di seluruh dunia akibat skandal 1MDB.

Pertemuan singkat antara Najib Razak dan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trumpdilihat tidak memberi manfaat kepada rakyat sebaliknya menambahkan lagi bebanan dan tekanan terhadap negara. Pertemuan yang bersifat populis itu tidak membawa sinar baharu kepada negara, sebaliknya menambahkan lagi risiko yang terpasang dihadapi selepas ini!

Menggalas Harapan
Perubahan
#PemudaBekerja

■ **Mohd Sany Hamzan ialah Ketua Pemuda AMANAH Nasional..**



NAJIB SIBUK BANTU KUKUHKAN EKONOMI AMERIKA RAKYAT MALAYSIA TERUS MENANGGUNG DERITA

► MOHD SANY HAMZAN
Ketua Pemuda AMANAH Nasional

f Pemuda Amanah Nasional @PemudaAmanah pemudaamanahnasional

Belasungkawa buat Pak Jabit



Mankadir kanan bersama Mazlan dalam satu program membela nasib peneroka Felda.

Sifat perkauman tiada tempat dalam Pakatan Harapan

Oleh HASNUL ZULKARNAIN

PEMUDA AMANAH Negeri Perak kesal dengan kenyataan adik kepada Naib Presiden Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Hamidah Osman di status laman sosial Facebooknya yang berunsur rasis dan perkauman sempit.

Di dalam status yang dimuat naik itu, Hamizura Osman menulis, "Dalam usaha kita nak turunkan Najib... Dalam masa yang sama... Jangan bagi Cina pijak kita... Tak perlu la nak memuji-muji sang Cina di kalangan kita. Cina lah yang sepaututnya merayu-rayu kepada Melayu... Ini bumi Melayu..."

Bagi kami, kenyataan tersebut bersifat rasis dan secara tidak langsung cuba mewujudkan persepsi tidak baik kepada Pakatan Harapan. Sifat perkauman seperti itu tidak sepatutnya disuarakan oleh pimpinan mahupun ahli di gabungan pembangkang ini.

Hamizura cuba mewujudkan persepsi kononnya kaum Cina cuba 'memijak' orang Melayu di dalam Pakatan Harapan sedangkan perkara

tersebut tidak langsung wujud dan ia hanyalah paranoid semata-mata. Seperti yang diketahui Pakatan Harapan wujud dengan semangat kesaksamaan antara satu sama lain.

Beliau juga menyatakan Malaysia adalah bumi Melayu, kami menegaskan tiada istilah seperti itu sebaliknya negara ini adalah bumi kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Tidak ada istilah rayu-rayu kepada mana-mana kaum.

Pakatan Harapan mendukung semangat kerharmonian kaum dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa di negara ini. Kami menolak sekeras-kerasnya unsur perkauman sempit seperti yang diamalkan oleh BN khususnya Umno.

Umno-BN menjadikan isu perkauman sebagai senjata untuk memastikan mereka kekal berkuasa di dalam negara ini. Isu perkauman ini juga telah terjangkit kepada 'sahabat karib' mereka iaitu Pas yang kini turut menggunakan senjata yang sama.

Oleh yang demikian, kami berpandangan Hamizura yang juga isteri bekas Ketua Penaja PPBM Bahagian Ipoh Timur, Azrul Suhadi Ahmad Mokhtar telah melanggar semangat Pakatan Harapan yang menolak sekeras-kerasnya sentimen perkauman.

Ayah, kita nyahkan semoga perkauman yang telah merosakkan keharmonian kaum di dalam negara ini. Pakatan Harapan konsisten dalam mentajid negara dan rakyat ke arah negara yang rahmah dan hormat menghormati semasa masyarakat pelbagai bangsa dan agama. #TolakPerkauman Menggalas Harapan Perubahan

Hamizura Osman
14 hrs
Dalam usaha kita nak turunkan Najib... Dalam masa yg sama.. Jgn bagi cina pijak kita... Tidak perlu la nak memuji2 sang cina di kalangan kita. Cina lah yg sepatutnya merayu-rayu kepada melayu..... Ini bumi Melayu....



SIFAT PERKAUMAN TIADA TEMPAT DALAM PAKATAN HARAPAN
► HASNUL ZULKARNAIN
Ketua Pemuda AMANAH Negeri Perak

Bina Semula Negara

Hutang Felda diunjur RM12.6 billion

KUALA LUMPUR: Kegagalan Felda membentangkan laporan kewangannya bagi tahun kewangan 2015 dan 2016 mendorong Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli melakukan unjuran hutang ditanggung agensi terbabit yang kini dianggarkan berjumlah RM12.6 bilion.

Malah Naib Presiden Keadilan itu berjanji akan menghuraikan analisa kewangan yang mengunjurkan kedudukan tunai, prestasi untung rugi dan hal-hal lain bagi kumpulan Felda sehingga tahun kewangan 31 Disember 2017.

"Selagi Felda dan Kerajaan Persekutuan tidak mengeluarkan penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun 2015 dan 2016, analisa kewangan saya ini akan menjadi rujukan majoriti rakyat dan menyukarkan Datuk Seri Najib untuk berdepan dengan kemarahan rakyat terutamanya peneroka Felda."

"Oleh itu, cara terbaik untuk Datuk Seri Najib mempertahankan janji-janji yang dibuat kepada peneroka Felda adalah dengan memastikan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2015 dan 2016 dibentangkan dengan segera di sesi Parlimen akan



Kegagalan Felda membentangkan penyata kewangan bagi tahun 2015 dan 2016 menimbulkan tanda-tanya tentang hutang terkumpul ditanggung agensi tersebut.

datang yang bermula pertengahan Oktober 2017," kata Rafizi dalam satu kenyataan media, baru-baru ini.

Menurut Rafizi, beliau membuat analisa kewangan mengenai kedudukan kewangan terkini Felda berdasarkan penyata kewangan diaudit berakhir 31 Disember 2014, laporan media dan jawapan menteri di Parlimen bagi melakukan unjuran.

Daripada analisa kewangan itu, beliau mengunjurkan beberapa penunjuk kewangan penting seperti jumlah hutang terkini,

jumlah keuntungan dan lain-lain.

Tambah beliau, jumlah hutang terkini Felda bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 boleh diunjurkan dengan mengambil baki hutang terakhir yang diaudit setakat 31 Disember 2014 dan dicampur dengan hutang-hutang baru yang diambil selepas itu.

Berdasarkan jumlah hutang Felda dan anak syarikatnya dalam tahun 2015 hingga 2017, beliau mengunjurkan hutang terkumpul Felda dan anak syarikatnya akan mencecah RM12.6 bilion men-

jelang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Kesemua ini, ujar Rafizi mengambil kira kedudukan kewangan Felda dan anak syarikatnya yang mengalami kerugian sejak tahun 2012 dan pendapatan kumpulannya dijangka tidak melebihi RM1 bilion setiap tahun.

"Dalam keadaan ini, saya mengunjurkan Felda dan anak syarikatnya tidak berkemampuan untuk membayar hutang pokok dan hanya membayar faedah tahunan di antara tahun 2015 hingga 2017," jelas beliau.

Rafizi mengulangi kekesalannya terhadap kegagalan Felda menghantar penyata kewangan bagi tahun 2015 dan 2016 seperti dikehendaki akta ke Dewan Rakyat.

"Penyata kewangan Felda yang telah diaudit yang masih tertinggal sehingga kini ialah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016.

"Perkara ini telah ditimbulkan oleh pihak media sejak awal tahun 2017 setelah isu kedudukan kewangan Felda mula mendapat perhatian orang ramai," tegasnya.

Beliau turut membangkitkan janji pengurus Felda Tan Sri

Shahrir Samad untuk membentangkan penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun 2015 pada sesi parlimen Mac 2017 lalu.

"Saya membangkit perkara ini sekali lagi dalam satu kenyataan media pada 24 Ogos 2017 yang lalu untuk mendapat pengesahan dari pihak Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Shahrir Samad bahawa penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016 akan dibentangkan di sidang parlimen Oktober ini," katanya.

Rafizi yakin Najib dan Shahrir mengambil pendekatan berdiam diri dengan harapan perkara ini akan mati begitu sahaja memandangkan penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 akan mendatangkan masalah politik kepada Najib jika dibentangkan.

"Saya jemput orang ramai dan pihak media untuk terus mengikuti sidang media saya yang akan datang selama seminggu untuk mengikuti analisa unjuran kedudukan kewangan Felda yang terkini sehingga 31 Disember 2017," ujarnya.

Tindakan samseng pengikut Timb. Menteri suburkan gangsterisme

KUALA LUMPUR: Pengurus MIC Wilayah Persekutuan, Datuk M. Saravanan digesa memohon maaf di atas tindakan samseng, yang dipercayai dilakukan para pengikutnya terhadap petugas akhbar Tamil Malar Daily.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang dalam sidang media di pejabat akhbar itu baru-baru ini turut menggesa Timbalan Menteri Belia dan Sukan terbabit bertanggungjawab terhadap kejadian itu.

"Sangat jelas, bahawa dia (Saravanan) bertanggungjawab di atas apa yang berlaku.

"Ia adalah tindakan gangsterisme yang bertentangan dengan prinsip Rukunegara. Bagaimana anda boleh jadi timbalan menteri tetapi bertindak bertentangan dengan Rukunegara?

"Rakyat Malaysia mahukan demokrasi. Demokrasi adalah menyakinkan rakyat dengan hujah dan perbahasan, bukannya dengan cara ganas," tegas Kit Siang.

Kekecohan yang tercetus di pejabat akhbar itu kelmarin dipercayai mempunyai hubung kait dengan laporan muka hadapan akhbar Tamil Malar Daily men-

genai penyelewengan yang dilakukan Saravanan terhadap kutipan wang sewaan bangunan milik MIC Wilayah.

Saravanan yang berada di lokasi kejadian, seperti dilaporkan Bernama, menafikan terlibat dalam insiden keganasan berkenaan.

Selain Presiden MIC, Datuk Seri Dr. Subramaniam, Kit Siang yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah turut menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyatakan pendirian berhubung insiden berkenaan.

"Sebelum berangkat ke Rumah Putih, saya gesa supaya Perdana Menteri menyatakan pendirian terhadap insiden keganasan yang berlaku," ujarnya.

Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha Agung DAP, Prof P. Ramasamy dalam satu kenyataan berharap pihak berkuasa dapat bertindak adil dalam menyiasat kejadian berkenaan.

"Saya difahamkan bahawa laporan polis telah dibuat dan berharap Ketua Polis Negara yang baru akan mengarahkan siasatan dilakukan tanpa pilih kasih dan rasa takut.

"Beliau tidak harus 'menyembunyikan' insiden seumpama itu seperti apa yang pernah dilakukan KPN terdahulu," katanya.

Ramasamy yang juga Adun Perai khawatir insiden itu akan menggalakkan budaya gangsterisme.

"Semakin lama perdana menteri membiarkan Saravanan terus memegang jawatan timbalan menteri, semakin berkurang keyakinan masyarakat India terhadap pentadbirannya," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Klang Charles Santiago berkata, jika benar Tamil Malar Daily membuat laporan secara berat sebelah, Saravanan harus membawa perkara itu ke mahkamah dan bukan mengarahkan budak suruhannya melakukan keganasan.

"Kebebasan media amat penting dalam sebuah negara demokrasi kerana akan memberi ruang kepada rakyatnya untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan idea.

"Tanpa kebebasan media, rakyat tidak dapat membuat keputusan yang berpengertahanan," katanya dalam satu kenyataan.

Terlalu awal anggap kes tembak tiada kaitan 1MDB

KUALA LUMPUR: Kenyataan Ketua Polis Negara (KPN) Datuk Seri Mohd Fuzi Harun bahawa kejadian tembakan pemandu bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, tiada kaitan dengan kes 1MDB dianggap prematang (premature) memandangkan siasatan terhadap kes itu masih berjalan.

Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fadzil berkata, tanpa sebarang tangkapan suspek atau pengumuman penemuan bukti-buktii berkaitan kes, amat sukar untuk umum menerima bahawa pihak polis sudah boleh menyimpulkan kejadian ini langsung tiada kaitan dengan kes 1MDB.

"Tambahan pula kes ini mempunyai kaitan langsung kepada seorang individu - bekas Peguam Negara - yang pernah terlibat dalam siasatan ke atas skandal mega 1MDB," katanya.

Oleh kerana kejadian itu baru seminggu berlaku, katanya tidak mustahil umum menyimpulkan kenyataan KPN sebagai pramatang.

Malah badan penyiasat Amerika Syarikat (FBI) katanya mengisyaki kejadian tembakan ini mungkin satu usaha untuk mendiamkan saksi dalam kes Jabatan Kehakiman (DOJ) terhadap 1MDB.

"Kenyataan KPN ini hanya mengukuhkan persepsi umum bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam kes ini.

"Oleh itu saya berharap pihak Polis Di-Raja Malaysia akan mengambil serius isu persepsi ini, kerana ia mempunyai implikasi terhadap tahap kepercayaan umum terhadap institusi-institusi di Malaysia," katanya.

Fikrah Umno dan Pas sama

KUALA LUMPUR: Kenyataan Ketua Pemuda Pas, Muhammad Khalil Abdul Hadi bahan undi kepada Pakatan Harapan (PH) adalah undi kepada DAP membuktikan parti tersebut kini bermain sentimen kaum bagi meraih sokongan dan secara tidak langsung membantu Umno khususnya Datuk Seri Najib Razak bagi mengekalkan kuasa.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil menyifatkan kenyataan Khalil itu sebagai meleset kerana perjuangan PH adalah bagi menyelamatkan negara daripada pemerintahan kleptokrasi Najib Razak dan Umno yang banyak melakukan rasuah dan salah urus tadbir wang negara sehingga skandal-skandal korupsi berskala mega seperti 1MDB dan Felda mendapat perhatian antarabangsa.

Menurut Faiz, tawaran 100 hari pemerintahan PH seperti pemansuhan

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat skandal 1MDB, menstabilkan harga minyak serta tawaran-tawaran Pemuda PH dalam isu pendidikan, pekerjaan dan perumahan adalah objektif dan halal tuju yang positif dan konkret bagi membina semula negara dan membebaskan rakyat daripada kezaliman dan beban kos sara hidup.

"Ironinya, Pas hanya bergantung kepada sentimen perkauman dalam berhadapan Pilihan raya Umum Ke-14. Keengganan Pas untuk bersama PH bagi membentuk satu barisan bersatu (united front) adalah bukti kegagalan Pas untuk bersama-sama menyelamatkan negara.

"Membangkitkan isu campurtangan kuasa asing terhadap usaha PH menentang korupsi terutama skandal 1MDB adalah suatu kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan naif



**KENYATAAN
KHALIL HADI
BERBAUR
PERKAUMAN,
DI MANA MATANG
DAN SEJAHTERANYA
POLITIK PAS**

FAIZ FADZIL
Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional

tentang jenayah penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin utama negara. Pas dilihat lebih rela membiarkan kleptokrat terus berkusa walaupun ianya bertentangan dengan syariat," bidas Faiz.

alah DAP.

"Mungkinkah persamaan fikrah antara Pas dan Umno sekarang hasil pendirian Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang hanya mahu menjadi penasihat merupakan suatu kemauan dan bukan lagi kebetulan," soal beliau.

Beliau seterusnya menyeru rakyat khususnya ahli dan penyokong Pas supaya 'membuka mata' terhadap perubahan sikap Pas yang menjadi tongkat Umno dan seterusnya gagal mengangkat aspirasi rakyat yang mengharapkan perubahan dalam negara.

"Memberi undi kepada Pas adalah memberi undi kepada Umno yang selama ini berjuang atas nama perkauman. Memainkan sentimen perkauman bukanlah suatu sikap yang matang kerana ia tidak membawa kesejahteraan kepada negara," tegaskan.

Satu undi untuk Pas, satu undi untuk Umno

TULISAN ketua Pemuda Pas Muhammad Khalil Abdul Hadi yang melemparkan pelbagai tuduhan kepada DAP dan Pakatan Harapan (PH) mendapat reaksi anggota Melayu DAP yang menyifatkan parti bekas rakan politik pembangkang itu sudah terperangkap dengan mainan politik Umno.

Menurut mereka, tindak tanduk Pas setelah berpisah dari Pakatan Rakyat jelas menunjukkan parti itu cenderung memenangkan Umno-BN yang terpalit dengan skandal rasuah mega negara khususnya 1MDB.

Pengerusi DAP Subang Jaya Nor Miswary Ramli berkata, setiap undi kepada Pas pada pilihan raya umum (PRU) akan datang pasti memberi keuntungan kepada BN.

"Ketika seluruh dunia mempersoalkan isu skandal 1MDB ciptaan BN, Pas pula melakukan yang sebaliknya. Mereka malah menyambut baik dan berpuas hati pula dengan pelan rasionalisasi 1MDB yang diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Arul Kanda Kandasamy," katanya.

Hubungan baik Pas-Umno juga semakin ketara apabila menolak kerjasama politik dengan PH dan mengisyithar untuk meletakkan calon di 100 kerusi parliment.

Apa yang lebih ketara adalah kenyataan angkuh pemimpin Pas untuk menawan Selangor termasuk menawan kerusi milik Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali.

"Pas hanya mahu cuba kekal berkuasa di wilayahnya sendiri



Nor Miswary Ramli



Edry Faizal

seperti di Kelantan dan rela Umno/BN kekal di Putrajaya berbanding PH.

"Mereka lebih memerlukan Umno dalam strategi 'king maker' ini. Strategi ini jelas kepada rakyat bahawa satu undi kepada Pas adalah satu undi untuk membuka jalan kepada BN kekal bertahan,"

katanya kepada Roketkini.

Dalam komentarnya, Edry Faizal menyifatkan kenyataan Khalil bahawa satu undi untuk PH bermakna satu undi untuk DAP pasti membuatkan ramai semakin keliru yang mana satu Pas yang mana satu Umno.

Dalam tulisan bertajuk 'Alang-alang Pas meniru

hujah Umno, umumkan sahaja walimahnya,' Adry menganggap strategi Pas memfokuskan serangan ke atas DAP dan memburuk-burukkan DAP dengan mempergunakan isu kaum dan agama tidaklah asing kepada Umno.

"Malangnya kini, Pas juga turut bermain propaganda yang sama, mengangkat politik kebudak-budakan dan politik huru-hara. Sehingga sudah sukar membezakan yang mana Pas dan yang mana Umno.

"Sepertinya kini, undi untuk Pas bermakna mengundi untuk meneruskan gaya politik Umno," kata ahli jawatankuasa DAP Selangor itu.

Menurut Adry, sikap terdesak Pas mengikut jejak langkah Umno menyebabkan pemimpin parti itu mencapai apa saja

propaganda yang ada lalu dilambakkkan kepada umum.

"Sehingga meracau mengatakan DAP menggerakkan gerakan Kristian untuk mensekularkan negara ini.

"Suaru masa dahulu, penceramah-penceramah Pas sendiri yang mengajar bahawa sekular itu bermakna éagama suku negara suku, dalam erti kata lain negara tidak lagi beragama. Nah, sekarang bagaimana pula Pas boleh mengatakan sebuah gerakan agama Kristian mahu mewujudkan sebuah negara tidak beragama seperti mana yang Pas fahami?" ujar beliau.

Adry menyifatkan politik menghasut api kebencian antara umat Islam dan Kristian itu sebagai 'politik kebudak-budakan' dan 'politik huru-hara'.

Pas guna skrip lapuk Umno burukkan PH

DAHULU Pas menentang habis-habisan dan menolak politik perkauman namun kini parti itu pula menukar api perkauman, selar Ketua Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Beliau berkata, Pas tidak ubah seperti Umno yang cuba menggunakan isu kaum untuk menarik undi dengan menakut-nakutkan orang Melayu terhadap DAP supaya mereka tidak mengundi pembangkang.

"Dulu semasa Pas berada dalam Pakatan Rakyat, mereka yang memanggil Tun M 'Ultra Melayu' tapi

sekarang mereka kata Tun M diperku-dakan oleh DAP.

"Betapa mudahnya seseorang yang dikenali sebagai 'Ultra Melayu' tapi sekarang ini difitnah sebagai 'kuda DAP'.

"Secara logiknya mana mungkin seseorang yang diperkudakan oleh DAP mampu menjadi Pengerusi Pakatan Harapan."

"Saya nak tanya kepada Pemuda Pas yang mana satu betul, Tun 'Ultra Melayu' atau pun 'kuda DAP'?" ujarnya dalam kenyataan hari ini.

Syed Saddiq mengulas kenyataan Ketua Pemuda Pas Muhammad Khalil

Abdul Hadi yang mendakwa kononnya DAP sudah 'mencengkam' tiga parti dalam gabungan Pakatan Harapan (PH) iaitu Keadilan, AMANAH dan PPBM dan menjadikan mereka sebagai proksi.

Justeru Khalil berpandangan keadaan itu mendedahkan hakikat bahawa undi kepada parti dalam PH bermakna memberi undi kepada DAP.

Menyanggah dakwaan Khalil, Syed Saddiq berkata walaupun DAP menang semua kerusi yang ditandingi dalam PRU akan datang, parti itu tidak mampu membentuk kerajaan

persekituan tanpa parti-parti komponen PH yang lain.

"PPBM adalah parti pribumi yang memperjuangkan hak-hak orang Melayu-Islam tanpa mengeneppikan hak-hak kaum yang lain.

"Bukan DAP yang mendominasi Pakatan Harapan, kita juga ada Parti Keadilan Rakyat dan Parti Amanah Negara dengan majoriti ahli parti itu adalah Melayu dan Islam.

"Kita sepatutnya menggunakan politik sebagai alat perpaduan tetapi sekarang ahli politik yang memecahkan kita. Kita perlukan pemimpin daripada pelbagai kaum

tapi masih ada hasutan-hasutan berunsur perkauman yang dilakukan. Hentikanlah politik perkauman, bawa politik yang matang," nasihat Syed Saddiq.

Beliau turut menyifatkan Pas menggunakan skrip lapuk Umno yang membawa maksud satu undi untuk Pas adalah satu undi untuk Umno.

"Mungkin betullah apa yang dikatakan selama ini, Pas selepas zaman arwah Tuan Guru Nik Aziz telahpun hilang arah. Sangat sayang sekali. Sangat-sangat sayang sekali," ujarnya.

PM dimaklum baki gaji rakyat negatif

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Rata-rata cadangan rakyat Malaysia di laman web khas <https://bajet2018.najibrazak.com> untuk Bajet 2018 dilihat terkesan dengan tempias kenaikan mendadak kos sara hidup.

Walaupun wujud kategori 'Kos Sara Hidup' sebagai antara 14 kategori yang disediakan, isu harga barang yang mahal dan pendapatan rendah turut ketara dibangkitkan di dalam 13 kategori yang lain.

Semakan mingguan Amanah turut mendapati isu tersebut menerima undian 'paling disukai' antara tertinggi berbanding syor lain hampir dalam setiap kategori.

Wan Norlail Saad dalam kategori 'Pekerjaan' contohnya, menyarankan kerajaan agar menaikkan gaji penjawat awam memandangkan pendapatan bulanan diperoleh pada masa ini jauh daripada mampu menampung pelbagai jenis kos.

Menurutnya, gaji penjawat awam bagi gred 41 yang memiliki ijazah adalah kira-kira RM3,000 sebulan namun ia tidak mencukupi kerana harga barang naik setiap tahun.

"Tolak sewa rumah RM500, insuran RM150, bil elektrik dan air RM250, telco RM100, bagi ibu ayah RM300, kereta RM500, minyak kereta RM400, tol RM150.

"(Tolak) belanja makan dan barang dapur sebulan (isteri dan seorang anak) RM1,000; barang anak, kecemasan, ubat RM750. Bakinya, NEGATIF Dato," luahnya.

Sementara itu, Alif Nazmi bagi kategori 'Perumahan dan Kehidupan Bandar' menggesa kerajaan mengawal harga kediaman yang melampaui batas pada masa ini selain menaikkan gaji minimum kepada RM1,500 sebulan.

"Ini kerana, kadar gaji dan kos kehidupan tidak stabil sama sekali manakala harga rumah perlu dikawal terutama di kawasan bandar. Kadar gaji rendah tapi harga rumah makin melampau."

"Rumah apartment sahaja sudah mencecah RM250,000 dan gaji minimum rakyat sungguh rendah. Sampai bila pun



“Ini kerana, kadar gaji dan kos kehidupan tidak stabil sama sekali manakala harga rumah perlu dikawal terutama di kawasan bandar. Kadar gaji rendah tapi harga rumah makin melampau.”

rakyat tidak akan ada rumah sendiri jika harga melambung tinggi tanpa kawalan yang ketat oleh pihak kerajaan," bidasnya.

Bahkan, bagi kategori 'Ekonomi Digital', Daniel Rayappen berharap agar Perdana Menteri mempertimbangkan cadangan supaya menurunkan caj internet yang terlalu mahal pada masa ini.

"Saya mencadangkan supaya harga internet diturunkan supaya semua boleh menikmati internet. Harga TM Streamyx bagi 1Mbps terlalu tinggi dan murid-murid sekolah terpaksa menggunakan khidmat internet bagi projek sekolah buat masa kini," katanya.

Terdapat juga saranan agar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) diteliti semula yang kemudiannya menyaksikan mendapat banyak undian 'paling disukai' daripada pembaca lain.

"Kurangkan GST dari 6 peratus kepada 4 peratus sahaja supaya dapat menurunkan kenaikan kos sara hidup," tegas Faraniza dalam kategori 'Kos Sara Hidup' yang meraih

111 undian cadangan 'paling disukai'.

Turut menyebut tentang kos sara hidup, Yusri Mohd Yunus menggesa supaya kerajaan mewujudkan pakej insuran mampu milik yang dilihat berupaya mendidik rakyat untuk menabung dan dapat digunakan selepas waktu persaraan.

"Kos kesihatan makin meningkat seiring kos sara hidup. Saya cadangkan kerajaan menyediakan pakej insuran yang mampu milik serendah RM10 yang beri perlindungan sekiranya berlaku kematian, kemalangan dan 46 penyakit kritis," kata Yusri lagi.

Kategori lain yang diberi tumpuan turut melibatkan aspek pengangkutan dan infrastruktur, pembangunan desa, alam sekitar dan pertanian, belia dan sukan, budaya dan pelancongan serta keselamatan awam dan ketelusan.

Sejak 4 September lalu, orang ramai boleh mengemukakan cadangan dan maklum balas untuk Bajet 2018 sehingga 18 September ini secara terus kepada Perdana Menteri melalui laman web tersebut.

PH sasar 16 kerusi Parlimen di Johor

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) Negeri Johor mensasarkan 10 kerusi Parlimen dimiliki BN akan beralih ke tangan pembangkang dan mengekalkan 6 kerusi yang pernah dimenangi dalam pilihan raya umum lalu.

Pengerusinya Liew Chin Tong berkata, semua kerusi PH yang akan ditandingi adalah di kawasan majoriti Melayu termasuk kawasan campuran.

"Saya rasa di Johor ada 10 kerusi parlimen bagi peluang cerah untuk PH rampas daripada BN, selain enam yang telah dipegang dalam pilihan raya umum lalu.

"Ini kerana terdapat 55 peratus pengundi Melayu dan selebihnya adalah campuran.

Dengan isu-isu yang menekan rakyat saya yakini PH boleh meraih 16 kerusi keseluruhan dengan mudah," ujarnya kepada Malaysia Dateline.

Sepuluh kerusi parlimen yang disasarkan PH, ujar beliau adalah Labis, Segamat, Sekinjang, Medan, Muar, Pontian, Pulai, Pasir Gudang, Johor Bharu dan Tebrau.

Manakala enam kerusi yang kini diwakili PH ialah beliau sendiri di Parlimen Keluang, Lim Kit Siang (Gelang Patah), Teo Ni Ching (Kulai), Er Teck Hwa (Bakri) Datuk Mohd Idris Jusi (Batu Pahat) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh).

Chin Tong menambah, untuk PH menawan Johor pada PRU akan datang for-

mula yang diguna pakai di negeri Selangor dan Perak boleh dilaksanakan.

"Kalau kita mahu tumbangkan BN di Johor saya fikir formula yang pernah digunakan di Selangor dan Perak sesuai digunakan.

"Di Johor ini kawasan majoriti Melayu seperti Mersing, Penggerang, Kota Tinggi dan Tenggara manakala kawasan lain walau-pun peratusannya majoriti Melayu tetapi ia adalah kerusi campuran," ujarnya.

BN Johor kini menguasai 20 kerusi Parlimen, DAP (4), Keadilan (1) PPBM (1) manakala kerusi Dun menyaksikan BN menguasai 37 kerusi, Pas (4), DAP (13), Keadilan (1) dan PPBM (1).



KPN janji pendekatan proaktif

KETUA Polis Negara (KPN) Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun berikrar untuk mengamalkan pendekatan proaktif dalam menangani isu-isu penting di negara ini termasuk kematian semasa dalam tahanan.

Mohamad Fuzi, yang menggantikan Tan Sri Khalid Abu Bakar yang bersara wajib baru-baru ini, memberi komitmen itu selepas mengkaji secara serius perkara-perkara yang sering dikemukakan oleh Amnesty International Malaysia dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan yang lain.

"Sebagai permulaan, kita telah meminta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) membuat penge-sahsahihan dan bekerjasama dengan kita untuk menge-mukakan cadangan-cadangan tertentu mengenai isu ini (kematian semasa dalam tahanan). Kita akan mengkaji cadangan ini.

Bagaimanapun, kita menghadapi kekangan seperti keperluan memasang kamera litar tertutup (CCTV) dalam lokap dan bajet, yang perlu direktifikasi," kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran Impact Driven Enterprises Accreditation (IDEA) di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) di ibu negara, 5 September lalu.

SPRM mahu saman Guan Eng

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memutuskan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng atas dakwaan memfitnah agensi itu.

Sehubungan itu, SPRM akan mengemukakan cadangan kepada Peguam Negara Tan Sri Apandi Ali untuk tindakan lanjut.

"Ingin juga ditegaskan, SPRM menghormati hak serta kebebasan mana-mana pihak untuk mengkritik tetapi tidak akan sama sekali bertolak ansur jika mereka didapati mengeluarkan kenyataan fitnah khususnya berhubung siasatan yang sedang dijalankan oleh SPRM dengan tujuan mencemarkan serta menjelaskan imej dan reputasi SPRM.

"SPRM tidak mempunyai kepentingan dalam mana-mana siasatan dan akan menyiasat setiap kes tanpa mengambil kira jawatan, ideologi politik dan kedudukan individu yang disiasat itu," kenyataan agensi pencegah rasuah itu dipetik.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng ketika ditanya pemberita enggan mengulas kenyataan SPRM itu.

Ekonomi tiris ditampung GST

Kegagalan tadbir urus kerajaan BN menjadi punca ketirisan ekonomi negara hingga memaksa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dikuatkuasakan bagi menampung perbelanjaan negara.

Pengarah Strategi AMANAH Dr Dzulkefly Ahmad pada sidang media Majlis Setiausaha Pakatan Harapan berkata, alasan perdana menteri yang juga menteri kewangan bahawa GST dilaksanakan bagi mengukuhkan ekonomi negara tidak boleh diterima.

Kutipan GST yang berjumlah RM42 bilion, katanya hanya bertujuan menyelamatkan ekonomi negara ekoran kegagalan pentadbiran kewangan kerajaan.

"GST dilaksanakan kerana kegagalan pengurusan pentadbiran kewangan di era Datuk Seri Najib Razak sebagaimana kegagalan menguruskan 1MDB dan Felda," tegas beliau. "Kajian Trend Masyarakat Malaysia Dalam Isu Semasa di Auditorium IDE, Bangunan IDE di Shah Alam, 28 Ogos lalu.

Wanita bangkit lawan seksisme, rasisme



Timbalan Ketua Awan Nasional Aiman Athirah bergambar bersama Dr Wan Azizah dan Nurul Izzah Anwar.



TUNTUTAN KAMI

- 1) Kami, wanita Malaysia, menyuarakan bantahan kita terhadap politik toksik yang semakin berleluasa kini.
- 2) Kami, wanita Malaysia, membantah pelakuan yang berunsur keganasan, perbuatan ancaman terhadap sikap berunsur rasik dan seksis.
- 3) Kami, wanita Malaysia, dengan sebutul suara, mencalon dari mana-mana parti yang mengamalkan keadilan dan politik toksik.

#HARI INI #5PM #MajuJunction



Antara pemimpin Awan Nasional dan negeri yang hadir.



Wajah wanita pelbagai kaum yang menghadiri himpunan.



Aiman Athirah mengambil giliran berucap menegaskan tuntutan #Himpunan Bantah Politik Toksik.

HORMAT MARTABAT WANITA
TOLAK POLITIK TOKSIK

TOLAK SEKSISME & KELUCUHAN!
TOLAK POLITIK TOKSIK

SEMAI POLITIK KASIH SAYANG
TOLAK POLITIK TOKSIK

TOLAK KEBENCIAN!
TOLAK POLITIK TOKSIK

TO WAKIL RAYA CALON YANG TOLAK POLITIK TOKSIK

MENGAMALKAN KESOPAN DAN KESUARAN
TOLAK POLITIK TOKSIK

TO KEGALAKAN DAN KERASUSAHAN
TOLAK POLITIK TOKSIK

TO PERKAJUAN DAN KERASUSAHAN
TOLAK POLITIK TOKSIK



Sebahagian peserta himpunan yang membanjiri perkaranan Maju Junction.



Presiden AMANAH Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir hadir memberikan sokongan.

politik

KUALA LUMPUR: Kemunculan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang memimpin gerakan Himpunan Wanita Bantah Politik Toksik pada 10 September lalu mendapat sambutan hangat dengan kehadiran lebih seribu wanita yang membanjiri perkarangan Maju Junction, dekat sini.

Himpunan yang bermula sekitar jam lima petang itu diadakan bagi membina harapan dan perjuangan untuk merubah corak politik seksisme dan rasisme yang masih berleluasa di negara ini.

Turut hadir adalah pemimpin sayap wanita Pakatan

Harapan dari Awan Nasional, Wanita Keadilan, Wanita DAP dan Wanita PPBM disamping pelbagai wakil bukan kerajaan (NGO) antaranya Helwa Abim dan Wanita Ikram.

Ucapan-ucapan ringkas tetapi padu oleh para pemimpin wanita turut membakar semangat para peserta disamping bacaan puisi yang diiringi paluan gendang.

Dari Maju Junction, himpunan perlahan-lahan bergerak menuju ke Pertama Complex bagi melancarkan perjalanan trafik.

Warga kota yang berada sekitar kawasan itu turut sama meluangkan masa mendengar ucapan tersebut.



Riuh hon sehingga ke kertas undi

Kelolaan ARIF ATAN

Bunyikan Hon Bantah Kenaikan Harga Minyak! Itu antara ungkapan pada kain rentang dan plakad yang menarik perhatian orang ramai pada minggu lalu.

Rata-rata pengguna jalan raya memberi isyarat positif terhadap aksi kilat (flashmob) protes kenaikan harga petrol dan diesel yang diadakan serentak di 10 lokasi di seluruh negara pada 11 September lepas.

Mereka membunyikan hon kenderaan masing-masing sebagai tanda menolak kenaikan berterusan kos bahan api itu pada ketika harga minyak dunia dilaporkan menurun.

Pada masa sama, kebersamaan Pakatan Harapan dapat dilihat apabila wakil sayap Pemuda kesemua komponen parti turut serta dalam program anjuran Pemuda AMANAH Nasional itu.

Di SELANGOR, lebih 20 anggota aktivis Pakatan Harapan berkumpul mengangkat plakad protes di persimpangan lampu trafik berdekatan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Politeknik Seksyen 13 Shah Alam.

Paling ketara penglibatan sayap Pemuda Bersatu iaitu Armada Selangor dan Armada Shah Alam dengan kain rentang bersaiz besar selain Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor.

Turut hadir pada minggu ke-10 kenaikan harga petrol dalam tempoh tiga bulan sejak 6 Julai itu adalah Pengurus AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim.

Menyaksikan harga runcit petrol dan diesel



Unjuk rasa kilat di Shah Alam, Selangor menarik perhatian pengguna jalan raya. Foto: Rayme Rahman

terus naik bagi minggu seterusnya iaitu 14 sehingga 21 September, Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Danial Al-Rashid Haron mengarahkan semua Pemuda AMANAH Kawasan melakukan perancangan awal bagi aksi protes di lokasi masing-masing.

"Pemuda AMANAH Selangor merasai denyut nadi rakyat yang kian dihimpit dengan kos sara hidup. Kesan kenaikan minyak sangat memberi impak langsung kepada kehidupan rakyat pertengahan dan bawahan.

"Sehubungan dengan itu, Pemuda AMANAH Selangor akan mengadakan flashmob berterusan seluruh negeri bagi menunjukkan sensitiviti kita terhadap penderitaan rakyat," tegas Pengarah Mobilisasi Pemuda AMANAH Selangor itu lagi.

Bagi tempoh 14 sehingga 21 September pula,

harga per liter RON95 ialah RM2.21 (naik 1 sen), RON97 - RM2.52 (naik 4 sen) dan diesel melonjak kepada RM2.14 (naik 9 sen).

Di PERAK, ketika pengguna jalan raya di lampu isyarat Hospital Pantai, Ipoh membunyikan hon menyokong aksi protes itu muncul juga reaksi sebaliknya.

Difahamkan beberapa mereka terbabit yang merupakan ahli Pas menunjukkan isyarat ibu jari ke bawah sekali gus menggambarkan sentimen politik sempit parti itu melampaui kepentingan rakyat. Turut mengambil bahagian Armada Tambun, Armada Ipoh Timur serta wakil AMK.

Di TERENGGANU pula, aksi protes membanat kenaikan harga bahan api berlangsung di Simpang Tokku, Kuala Terengganu yang juga dihadiri aktivis AMANAH dan AMK.

Sudah semestinya kemarahan terhadap rejim Umno-BN yang tanpa belas terhadap rakyat sanggup menaikkan harga minyak itu mesti diterjemahkan ke dalam kertas undi.



Pakatan Harapan di Perak hadir dalam protes 11 September lalu.



JUMPA MUFTI... Pemuda AMANAH Nasional diketuai Sany Hamzan mengadakan lawatan secara rasmi ke Pejabat Mufti Perlis bertemu Datuk Dr Mohd Asri Zainal Abidin pada 12 September lalu.



JOHOR BANGKIT... Penstrukturkan Pemuda Pakatan Harapan Johor dimuktamadkan pada 7 September lalu dengan melibatkan komitmen AMANAH, Armada, AMK dan Dapsy.

Tarik minat diplomat asing



Hazmi Hassan (berbaju Melayu) serta anggota AMANAH Kelantan meraikan kunjungan Elizabeth dan Nik Yusof pada 11 September lalu.

PENDEKATAN Pemuda AMANAH Kelantan dalam memanfaatkan media sosial bagi tujuan hebatan program turut menarik perhatian diplomat asing.

Ketuanya, Hazmi Hassan berkata, kunjungan diplomat kanan di Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur, Elizabeth Le Bas pada 11 September lalu berkaitan dengan usaha konsisten mereka menyebarluaskan aktiviti parti.

"Mereka tertarik dengan kerja-kerja rakyat Pemuda dan live Pemuda AMANAH Kelantan yang aktif," ujarnya dihubungi akhbar mingguan Amanah.

Sudah menjadi identiti Pemuda AMANAH di negeri itu apabila kerap menyiaran program yang dianjurkan menerusi aplikasi video siaran langsung (*live streaming*) di Facebook.

Mengakui agak terkejut pada mulanya apabila pembantu diplomat berkenaan, Nik Mohd Yusof menghubunginya memaklumkan tentang hasrat Elizabeth itu, beliau menganggap pertemuan tersebut begitu bermakna.

Menurutnya, pertemuan mereka bertiga di Pejabat AMANAH Kelantan dekat Kota Bharu itu melibatkan perkongsian perkembangan politik semasa di Malaysia dan Australia.

"Mereka juga kagum dengan Pemuda AMANAH yang bekerja walau tanpa dana yang cukup. Bagi saya, ini satu penghormatan apabila usaha kami ini dilihat pihak luar.

"Paling penting, ini juga tandanya AMANAH bukan parti yang tidak punya masa depan seperti mana dicanang Pas sebelum ini," tambah Hazmi lagi.

SEKITAR DEBAT POLITIK ANAK MUDA 'PARTISAN LAWAN NON PARTISAN'

Elak hilang upaya untuk berbeza

Kelolaan ARIF ATAN

Dewan Gerakbudaya di Petaling Jaya pada 12 September lalu gamat dengan kehadiran sekurang-kurangnya 125 peserta majoritinya mahasiswa seperti terdapat pada rekod pendaftaran yang diumumkan penganjur bersama, Team Selangor.

Semuanya gara-gara Debat Politik Anak Muda 'Partisan lawan Non Partisan' anjuran pertubuhan Demokrat Universiti Malaya (UM) pada ketika Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) bila-bila masa sahaja akan diumumkan Perdana Menteri.

Menariknya, hujah di pihak pembangkang iaitu menyokong non partisan menekankan tentang idealisme perjuangan mahasiswa selain pada masa sama sempat juga menyindir realiti politik semasa dengan sasarananya terarah kepada Pas.

Panel yang merupakan juara Johan Pertandingan Debat Diraja 2015, Ahmad Azri Abdullah berkata, mahasiswa akan hilang keupayaan untuk berbeza pandangan apabila mencebur parti politik berbeza jika bergiat dalam lapangan bukan kerajaan (NGO).



Ahmad Azri



"Saya belum jumpa lagi mana-mana NGO yang taksub pada pemimpinnya. Yang selalu saya jumpa ada sesetengah parti itu, mereka akan kata istiqamah dalam perjuangan," sinisnya.

Serentak disambut ketawa oleh para peserta selepas itu, alumni UM berkenaan dalam hujah kemudiannya sekali lagi membidas pendebat Nazrul Hakim Nasir yang mewakili Pas dan berada di posisi kerajaan.

Terdahulu, Nazrul yang merupakan mahasiswa undang-undang dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganggap himpunan BERSIH yang diupayakan gerakan NGO tidak mampu menumbangkan kepimpinan Datuk Seri Najib Razak walaupun masuk siri kelima.

"BERSIH 5, kenapa Najib tidak jatuh sebab ada parti tidak datang," bida Ahmad Azri selamba sekali gus mengundang ketawa dan sorakan audiens.

Sikap rasmi Pas yang enggan menyertai BERSIH 5 pada 19 No-



Debat anjuran Demokrat UM dan Team Selangor minggu lalu merintis budaya politik sihat.

vember tahun lalu berlaku sejak Bersih 4 pada 2015. Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, Pas tidak menyertai BERSIH 5 kerana dianggap mempunyai matlamat tidak selari dengan partinya.

Selanjutnya, Azri berpendapat mahasiswa tidak harus terus terjun dalam politik kepartian tanpa terlebih dahulu menyelami pelbagai masalah dialami masyarakat.

"Tak boleh lahir sebagai anak Umno terus masuk Umno. Kena

membumi, berjumpa rakyat tahu isu rakyat. Di peringkat mahasiswa tidak perlu berpartisan. Kita kena ada kemampuan berfikir ketika usia muda.

"Hak berpersatuan hak semua orang. Masuklah mana-mana saja tapi kita dikatakan partisan apabila kita hilang keupayaan untuk berbeza pandangan, tidak boleh berfikir, ikut kerangka pemimpin.

"Mahasiswa jumlahnya tidak terlalu besar tapi memberi impak besar kepada negara melalui

'Nila setitik rosak susu sebelanga'

PENDEBAT terbaik Asia semasa mewakili Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam Kejohanan Debat Bersatu Asia (UADC) 2015, Syed Saddiq Abdul Rahman berkata, kesimpulan umum tidak harus dibuat hanya kerana adanya segelintir pemimpin mahasiswa yang 'rosak' apabila mencebur parti politik.

"Kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Jangan disebabkan individu seperti YDP MPP UKM Umno yang gadaikan asas perjuangan, kita lupukan sumbangan mahasiswa berparti lain yang sanggup menggadaikan masa depan mereka untuk negara.

"Jangan lupukan Hanipa Mahpa dan Afiqah Zulkifli (masing-masing Presiden MPP UIAM dan exco) yang menganjurkan debat GST yang digantung pengajian dua semester (pada 2015).

"Jangan kerana YDP UKM Umno kita lupukan individu seperti Hannan dan Fahim yang kini Exco Armada (Angkatan Bersatu Anak Muda) juga hilang peluang pekerjaan, ditolak keluar asrama mereka kerana bergiat aktif dalam gerakan politik pembangkang," ujarnya.

Ketua Armada Bersatu itu berkata demikian semasa sesi pembidasan Debat Politik Anak Muda 'Partisan lawan Non Partisan' di Petaling Jaya pada 12 September lalu.

Menurutnya yang mewakili pihak kerajaan iaitu menyokong penglibatan mahasiswa dalam parti politik, lebih ramai mahasiswa perlu mencebur siasah bagi memecahkan tembok

politik sempit yang selama ini didominasi golongan tua.

"Kita juga perlukan individu yang berparti dalam kampus untuk menolaknya orang seperti YDP MPP UKM. Mahasiswa tidak harus biarkan parti politik hanya dikuasai orang tua tanpa penglibatan anak muda.

"Memilih jalan kepartian tidak semestinya melunturkan idealisme mahasiswa sebaliknya memberi impak lebih kuat berbanding NGO.

"Memang betul desakan didengari tapi kalau kita tidak boleh masuk Parlimen, sukar untuk bawa perubahan lebih besar. Sistem kepartian mendominasi budaya politik di negara ini.

"Kepartian dijadikan kenderaan untuk meralisiskan impian dan perjuangan. Tambahan pula, parti politik sudah ada jentera akar umbi di seluruh negara. Tarikan media, bantuan kewangan juga lebih mudah," hujahnya.

Sementara itu, koordinator Team Selangor selaku penganjur bersama program tersebut, Tarmizi Anuwarr berpendapat menjadi tanggungjawab besar anak muda memperkasakan masyarakat agar lebih mengambil bahagian dalam politik di tanah air ini.

"Pada akhirnya, kita juga akan terpalit dengan segala polisi yang penting dan diputuskan oleh kuasa politik itu. Jadi, pentingnya anak muda terlibat dalam membuat keputusan bagi merancang masa depan negara," tegasnya.

Mahasiswa tidak harus terpimpin

SATU-satunya 'bunga' dalam barisan ahli panel Debat Politik Anak Muda 'Partisan lawan Non Partisan', Nazeeha Ziarat Khan tegas menolak situasi penafian wibawa



Nazeeha

mahasiswa sebagai pemimpin apabila berkecimpung dalam politik.

Johan Pertandingan Pidato Negaraku dan Pengisian Kenegaraan, Pusat Belia Antarabangsa 2017 itu berhujah gerakan mahasiswa menempuh banyak kekangan apabila bertulang belakangkan politik.

"Partisan menyebabkan mahasiswa mengikut rentak parti politik. Politik partisan akan menghancurkan kreativiti mahasiswa. Kita mahu lahirkkan mahasiswa yang memimpin bukan terpimpin.

"Sebab itu, kalau gerakan mahasiswa bertunjang-

kan parti politik, adakah mahasiswa memimpin? Tidak. Mereka perlu mengikut landskap parti politik.

"Kalau ada isu mahasiswa, mereka tidak boleh terus memberi reaksi. Mereka perlu menempuh banyak karenah birokrasi yang akhirnya tidak membantu," ujar mahasiswa Universiti Malaya (UM) itu.

Menurut Nazeeha yang berada di pihak pembangkang dalam debat tersebut, contoh dapat dilihat pada reaksi gerakan mahasiswa tertentu yang menggesa pelajar tidak melatah dengan langkah kerajaan memotong peruntukan universiti.

"Kenapa keluar kenyataan begini kerana mereka hendak menjaga hati orang politik di belakang mereka. Apabila bertunjangkan partisan, mereka terikat dengan orang

keseimbangan gerakan dengan bersifat lebih dekat dengan masyarakat berbanding ahli politik.

"Namun, apabila mahasiswa lompat masuk politik, idea dan nilai progresif tidak ada. Mereka terpaksa ikut kehendak parti. Masyarakat akan melihat perjuangan mahasiswa sudah jadi eksklusif," hujahnya.

Menurut Azri, contoh paling jelas dapat dilihat pada bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendesak kerajaan memantau pensyarah yang cenderung menolak BN.

"Apa sudah dia buat dalam Perhimpunan Umno? Kutuk pensyarah, kutuk kebebasan akademik," tegasnya merujuk kepada ucapan Farhan Khairuddin dalam Perhimpunan Agung Umno 2015.

Beliau turut menyelar ke mana perginya suara perjuangan mahasiswa dan anak muda apabila ada mantan YDP di UM mencebur politik kepartian.

"(Masuk politik) lebih kepada kerjaya, terus dapat jawatan Exco. Terus terlupa perjuangan," ujarnya sambil mengulang pendirian dirinya tidak memusuhi mahasiswa yang memilih parti politik sebagai saluran perjuangan.

besar di belakang mereka," tegas pendukung Demokrat UM itu lagi.

Walau bagaimanapun, mahasiswa undang-undang dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nazrul Hakim Nazir berkata, penyertaan mahasiswa dalam politik penting bagi menjadikan budaya siasah di negara menjadi lebih baik.

"Jika tidak masuk politik bagaimana mahu mengubah landskap budaya politik negara ini? Bagaimana partisipasi anda untuk melakukan perubahan. Itu yang penting untuk mengubah politik Malaysia," tegasnya.

Beliau turut menyebut peranan bekas YDP Persatuan Mahasiswa UM (PMUM) sesi 2014/2015, Ammar Atan yang kini merupakan Pengurus Jawatankuasa Perumahan Pemuda AMANAH Nasional sebagai contoh positif penglibatan pelajar dalam politik partisan.

Negara kuasa perantara

Oleh LIEW CHIN TONG

SEBUAH negara yang tidak memiliki populasi atau ekonomi yang besar hampir seluruhnya tidak dianggap sebagai kuasa besar. Namun, sejak Malaysia melangkah kali pertama dalam arena politik antarabangsa, kita cuba berdiri lebih tegap daripada apa yang kita ada, dan sentiasa mahu ke hadapan.

Usaha itu berjaya mengharumkan nama dan pengaruh Malaysia di peringkat antarabangsa. Malangnya, hari ini Perdana Menteri Najib Razak menjadikan Malaysia negara yang dipandang rendah dan tidak relevan.

Apabila negara kita diterima sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman dan kerajaan pimpinannya mengambil pendirian yang berprinsip untuk menjadi salah satu suara lantang antarabangsa menentang aparteid di Afrika Selatan.

Ketika kemuncak Perang Dingin, Tunku dilihat cenderung kepada Amerika Syarikat, Britain dan negara Barat secara umumnya. Tunku juga rapat dengan dunia Islam yang membolehkan beliau dilantik sebagai setiausaha agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) selepas bersara daripada politik.

Sepanjang tahun-tahun yang mencabar sebagai Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pula dalam diam-diam berhubung dengan pemimpin-pemimpin Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan individu-individu berpengaruh yang bukan dari negara Barat. Kadang-kadang tindakan Tun Razak itu bertentangan dengan kecenderungan pro-Barat Tunku. ASEAN, yang kini meraikan ulang tahun penubuhannya ke-50, merupakan sebahagian usaha Tun Razak.

Apabila beliau menjadi Perdana Menteri pada September 1970, Tun Razak mengubah dasar luar negara kita untuk tidak

lagi menjadi terlalu pro-Barat, iaitu bebas menentukan hala tuju sendiri, sekali gus membuka ruang lebih luas kepada Malaysia untuk bergerak aktif di arena politik antarabangsa.

Apabila Richard Nixon menjadi Presiden Amerika pada 1969, beliau mengamalkan dasar detente, iaitu usaha mengendurkan ketegangan dua hala, sewaktu era Perang Dingin. Ini membawa kepada usaha Amerika berbaik dengan China yang dimeterai dengan lawatan Nixon ke Beijing pada 1972. Dalam masa sama Tun Razak memulakan hubungan usaha diplomasi di antara Malaysia dan China.

Hubungan diplomasi itu amat penting kerana ia menjadikan Malaysia sebagai negara bukan komunis di Asia Tenggara yang pertama mengiktiraf Republik Rakyat China. Lawatan Tun Razak ke Beijing pada 1974 dan pertemuan beliau dengan Pengurus Parti Komunis China, Mao Zedong berjaya meraih sokongan pilihan raya untuk BN yang baru ditubuhkan kerana ramai pengundi Cina di Malaysia ketika itu masih mengagumi China.

Tun Dr Mahathir Mohamad pula, sama ada kita suka beliau atau tidak, adalah orang yang menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Sebelum skandal 1MDB Najib, apabila rakyat Malaysia berkunjung ke luar negara, orang luar mengenali negara kita, dan akan bertanya tentang Mahathir dan mungkin juga bekas anak didik dan mangsa politiknya Anwar Ibrahim. Bagi kebanyakan negara Dunia Ketiga, Mahathir dipandang sebagai pemimpin yang membawa inspirasi.

Saya tidak semestinya bersetuju dengan semua tindakan Mahathir selama 22 tahun pentadbirannya. Tapi cukuplah dengan mengatakan bahawa kebanyakannya pemimpin pembangkang bersetuju bahawa dasar luarnya telah memberi kesan besar. Pada era Mahathir, Malaysia menjadi contoh sebuah negara kuasa perantara (middle power) - walaupun bukan

sebuah kuasa besar, ia cukup berpengaruh untuk diberi perhatian oleh negara-negara lain di dunia.

Tiga dasar luar utama Mahathir termasuklah:

- Dasar Pandang ke Timur yang bertujuan memupuk hubungan dengan negara dunia pertama yang bukan Barat, terutama Jepun, untuk mengimbangi pengaruh negara Barat;
- Menjadi pemimpin suara lantang Dunia Ketiga; dan
- Menjadi negara umat Islam yang aktif dan berpengaruh di kalangan negara-negara Islam.

Wawasan dan cita-cita Mahathir dalam membentuk semula pendekatan dasar luar Malaysia cukup mengagumkan pada masa itu. Malangnya kehebatan itu merosot di bawah pentadbiran kerajaan hari ini.

Di bawah pentadbiran Najib, imej Malaysia menjadi buruk sebagai sebuah negara kleptokratik. Imej ini turut menjelaskan tata kelola dasar luar negara kita. Kunjungan Najib ke Washington DC merupakan contoh yang tepat tentang hal ini. Meskipun Presiden Donald Trump bermasalah dengan kontroversinya sendiri, Presiden Amerika itu lebih berminat untuk berbincang dengan Malaysia tentang situasi di Korea Utara, aktiviti keganasan di Asia Tenggara, dan pengaruh China.

Namun Najib lebih sibuk dengan siasatan ke atas skandal 1MDB. Tentunya Najib akan memanfaatkan kebimbangan pentadbiran Trump untuk mengimbangi masalahnya dalam rundingan dengan pemimpin Amerika itu.

Terdahulu, Najib memandang ke China untuk memeterai perjanjian-perjanjian perniagaan yang membantunya menyelesaikan krisis kewangan 1MDB. Perkiraan beliau mudah: China berminat untuk mengimbangi pengaruh Amerika di rantau, jadi Najib mempergunakan kesempatan itu untuk kepentingan peribadinya.

Negara kita terjejas teruk akibat skandal

Negara kita terjejas teruk akibat skandal Najib di kala kita seharusnya mampu ke hadapan sebagai suara penting di Asia Tenggara. Ini penting kerana pada masa ini, kuasa besar, terutama Amerika dan China, sedang berlumba meraih pengaruh.

Malah Malaysia mampu menunjukkan pengaruh lebih besar di peringkat ASEAN serta peringkat lebih tinggi ketika menjalankan hubungan dengan Amerika dan China, dan dalam masa yang sama tidak dilihat mudah goyah kepada bantuan atau sumbangan kuasa luar tertentu.

Dalam isu etnik Rohingya pula, selain daripada publisiti murahan Najib bersama Presiden Pas Datuk Seri Hadi Awang, Malaysia tidak melakukan apa-apa yang serius untuk mempengaruhi perubahan situasi. Malaysia seharusnya lebih jelas dalam menyatakan pendirian serantau untuk menentang aksi pembunuhan orang awam atau dalam memberi tekanan yang lebih kuat ke atas kerajaan Myanmar.

Najib tidak berbuat apa-apa bagi menggubal wawasan atau menentukan masa depan dasar luar Malaysia. Bagi beliau, Malaysia hanyalah sebuah "negara kecil" yang cuba meraih perjanjian kewangan dan bantuan daripada kuasa-kuasa luar. Tidak ada pendirian atau cita-cita. Malah tidak ada sebarang percubaan untuk mencapai apa-apa selain melindungi diri sendiri daripada siasatan skandal 1MDB.

Malah tanpa rasa malu, Najib sanggup mengutuk mereka yang berani bercakap benar sebagai golongan yang merosakkan nama Malaysia. Saya mahu melihat pertukaran kerajaan. Saya percaya kerajaan baru akan menjadikan negara kita sebagai sebuah kuasa perantara dengan hala tuju murni untuk memberi sumbangan kepada Malaysia dan masyarakat antarabangsa.

Bukannya kita tidak pernah melaksanakannya sebelum ini. Cuma sekarang ini era gemilang itu sudah tiada lagi berikutkan kegagalan pentadbiran Najib. ■

Kes Rohingya: Jangan sekali-kali menzalimi kaum lain

Oleh ABU FIRDAUS

KEZALIMAN tentera Myanmar ke atas kaum Rohingya adalah satu kesilapan besar orang Bama dan akan mendatangkan kesan buruk yang berpanjangan dan sukar untuk menghadapinya.

Dalam sejarah khususnya semasa abad ke-20, kerana ia masih dingati, kezaliman yang melibatkan pembunuhan, penderaan, pemerkosaan dan penghapusan etnik akan memanjangkan pertelingkan dan penderitaan tidak berkesudahan. Akibatnya juga banyak usaha baik dan aman tidak dapat disempurnakan kerana kekejaman masa lampau. Ini kerana dendam sukar untuk dihilangkan dengan begitu saja.

Contohnya pada masa Perang Dunia Kedua. Kekejaman Jerman, Itali dan Jepun meninggalkan kesan yang tidak berkesudahan. Ia berlanjutan pada kekejaman Israel

yang muncul sebagai hasil perbuatan Jerman. Di Asia, kekejaman Jepun membawa kepada kemunculan komunis, yang selanjutnya melakukan kekejaman terhadap pihak lain.

Rantai kekejaman ini perlu diputuskan, kalau tidak, ia berlanjutan dan tiada kesudahannya. Ini kerana kekejaman itu akan terus diungkit dan tidak ada pengakhiran.

Maka kekejaman tentera Myanmar akan menjadi ungkitan bukan semata-mata daripada orang Rohingya tetapi juga umat Islam di seluruh dunia. Bagaimanakah Myanmar hendak menghadapi dunia Islam pada masa-masa akan datang. Permusuhan akan terus berpanjangan mungkin sampai tiga generasi baru boleh hilang. Satu generasi dikira sekitar 70 tahun. Maknanya kalau ada cucu yang mengetahui datuknya di-

zalimi, maka rasa dendam terus ada.

Myanmar adalah negara berbilang kaum, agama dan wilayah seperti mana semua negara di dunia. Dalam konsep negara bangsa, tidak ada negara yang memiliki satu kaum dan satu agama dan satu wilayah. Semua adalah berbilang golongan rakyat. Tetapi semuanya ada satu kaum majoriti dan banyak kaum minoriti. Dalam demokrasi, yang majoriti tentu dapat kuasa, tapi kuasa ada tanggungjawab. Dan tanggungjawab utama majoriti adalah melindungi minoriti.

Begini juga dengan Myanmar. Bama adalah kaum majoriti Myanmar. Sebab itu namanya dulu Burma. Ia adalah kaum Aung San Suu Kyi. Junta tentera Myanmar juga dari kaum yang sama. Pada zaman prakolonial, mereka mempunyai kerajaan dan empayar. Mereka menakluk kerajaan-keraja-

an jirannya. Pada zaman itu siapa kuat dialah yang menguasai. Kemudian kekerasan dan kezaliman adalah perkara biasa.

Maka kerajaan Burma ini berperang juga menentang Siam. Adalah perkara biasa bila ditawan, kampung dibakar, malah istana raja juga dimusnahkan. Mereka tidak mengira agama. Burma dan Siam adalah sama-sama Buddha.

Orang Rohingya ada juga kerajaannya, iaitu di Arakan. Semuanya berperang untuk meluaskan wilayah. Ada juga masa mereka hidup damai. Tapi ada masalah sedikit mereka terus berperang. British kemudian datang dan menakluk Burma, juga melalui perang.

Kalau di Malaya, penjajahan dibuat secara ugutan dan perjanjian tetapi di Burma, mereka tidak menerima keadaan itu. Maka perang berlaku dan Britain menang. Tetapi kekalahan ini

terus menjadi masalah walaupun setelah British berundur. Orang Burma menggunakan kekerasan menundukkan wilayah-wilayahnya termasuk Arakan. Sementara wilayah-wilayahnya juga tidak dapat menerima penguasaan Burma. Maka berlakulah pertemuran berpanjangan.

Namun begitu kemudian, persetujuan dicapai dengan semua wilayah supaya mereka menerima Myanmar sebagai negara bersama. Ini bukan zaman dulu yang mana golongan kuat menjadi raja. Sekarang zaman demokrasi yang mana semua penduduk mempunyai hak.

Tetapi terhadap orang Rohingya, pihak Myanmar tidak dapat menerimanya. Menyebut nama pun tidak mahu. Rohingya dan Arakan tidak wujud. Yang ada hanyalah Rakhine. Mereka dianggap kaum yang tidak wujud. ■

Surat kepada seorang Tan Sri

Tan Sri sahabatku,
Memikirkan masyarakat dan negara kita hari ini, saya tiba-tiba jadi buntu fikiran, dan saya tiba-tiba teringatkan sdr kerana tatkala saya buntu fikiran beberapa bulan lalu dan saya menulis kepada sdr tanpa saya duga sdr membuka suatu pintu yang membolehkan saya melihat banyak kemungkinan dan beberapa pilihan yang kembali menyegarkan kreativiti saya.

Kali ini, sama seperti dulu juga saya hanya ingin bercerita kepada sdr Tan Sri sahabatku, dengan sedikit harapan, kerana sdr selalu melihat ruang-ruang yang amat jarang mahu dilihat oleh orang lain, apatah lagi kalau ruang itu adalah ruang seni dan budaya. Dan lebih pentingnya Tan Sri bukan sahaja melihat ruang-ruang itu tetapi Tan Sri terus melaksanakannya.

Dan kali ini fikiran saya menjadi buntu Tan Sri, apabila memikirkan orang-orang dan pihak-pihak yang sememangnya dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu (termasuk kemudahan dana) bagi menghidupkan aktiviti seni-budaya sesuai dengan keperluan para aktivis semasa, namun mereka bersikap "orang bodoh" yang seperti bukan tanggungjawab mereka untuk apa-apa yang kita harapkan kepada mereka itu.

Masyarakat dan negara kita hari ini Tan Sri,

kalaularah kita ini orang luar dan kita ditakdirkan boleh mendengar ucapan-ucapan para pemimpin kita sekali-sekala apabila mereka bercakap dan menyebut atau menyentuh hal seni-budaya, kita pasti akan percaya bahawa masyarakat dan negara Malaysia kita ini tidak ada masalah langsung dalam hal seni-budaya. Para pemimpinnya sangat memahami dan sangat peduli hal seni-budaya.

Tan Sri tentu faham apa maksud saya, bukan! Mereka hanya pandai bercakap. Baik pemimpin politik maupun pemimpin di kalangan budayawan, seniman dan intelektual sendiri pun. Mereka sangat faham, dan bahkan kadang-kadang mereka bercakap, selalunya dalam ucapan-ucapan di khalayak umum, seolah-olah mereka sendiri pun turut menyuarakan apa yang kita fikirkan.

Dan kalau begitu, apalah lagi masalah kita! Seolah-olah kita pun tak ada masalah apa-apa lagi. Dan begitulah yang terjadi dan berlangsung tahun demi tahun dan tahun demi tahun, sejak saya baru bekerja selepas tamat universiti tahun 1970-an dulu lagi.

Tan Sri tahu mengapa saya sanggup berhenti kerja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka awal tahun 1980 dulu, dan menjadi aktivis seni-budaya sepenuh masa? Kerana saya percaya dan yakin mendengar cakap-cakap dan ucapan beberapa orang pemim-

pin yang juga saya anggap sebagai sahabat-sahabat saya dalam seni-budaya waktu itu!

Mereka begitu peduli dengan aktiviti seni-budaya dan memperlihatkan kesediaan untuk sama-sama berusaha memajukannya dengan ruang kuasa, dana dan tanggungjawab yang ada pada mereka masing-masing. Dan apabila saya nekad bersama kawan-kawan saya untuk menumpukan sepenuh tenaga dan masa kepada aktiviti seni-budaya, waktu itu barulah saya kenal dan tahu apakah yang sebenarnya ada di sebalik kata-kata dan ucapan yang penuh janji itu.

Sampailah hari ini, masih sama dan serupa. Maksud saya sikap dan perangai para pemimpin kita itu, terhadap seni-budaya. Bahawa seni-budaya adalah bahan yang sangat baik dan berkesan untuk dijadikan bahan percakapan dan ucapan, yang tak semestinya bahkan tak perlu pun diikuti dengan pelaksanaan. Bercakap dan berucap saja! Tak perlu dilaksanakan.

Tan Sri cuba bayangkan. Sejak akhir 1970-an dulu hingga kini, sudah 40 tahun. Pemikiran dan sikap pemimpin kita terhadap seni-budaya masih sama, tak berubah. Ertinya tak ada kemajuan pun. Dan saya masih menghadapi masalah yang sama setiap kali saya dan kawan-kawan hendak menganjurkan aktiviti seni-budaya.



TEKAD BUDAYA DINSMAN
Kita perlu ulangi kerja-kerja bodoh yang sama seperti yang kita perlu buat pada tahun-tahun 1980-an dulu, dan mendengar alasan-alasan atau penjelasan yang sama bodohnya seperti yang telah kita dengar 40 tahun yang lalu. (Barangkali Tan Sri pun sudah baca tulisan-tulisan saya mengenai perkara ini dalam buku saya Pemikiran dan Perancangan Seni-Budaya, dan Jelajah Budaya).

Tan Sri cubalah bayangkan itu. Masyarakat jenis apakah kita ini!

Tan Sri sahabatku,
Seperti saya katakan di awal tadi, saya menulis surat ini kepada Tan Sri kerana saya mengalami buntu fikiran apabila memikirkan aktiviti seni-budaya yang perlu dijalankan oleh kumpulan saya. Terlalu banyak halangan dan permasalahan, dan terlalu sedikit bahkan hampir tidak ada sokongan daripada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan dan sokongan kepada seni-budaya.

"Lillahi Taala, saya Muslim abang!"

USAI seharian mengutip kisah dan cerita dari watak-watak politik Myanmar, kami lanjutkan hari kami dengan berkunjung ke 19th Street, pusat makanan tempatan kota Yangon yang terkenal.

Tempat ini mirip medan makan Jalan Alor di Bukit Bintang cuma jauh lebih kecil. Di meja makan, kami sambung lagi bicara soal politik serantau khususnya Myanmar pasca pilihan raya.

Awal Mandeep tiba ke Yangon, beliau cukup teruja dengan kemenangan NLD. Pada beliau, sebuah revolusi besar sudah berlaku di Myanmar. Revolusi yang bakal menamatkan segala macam penindasan, baik ke atas etnik minoriti maupun majoriti.

Revolusi yang bakal menyatu paduan rakyatnya yang teruk berpecah sehingga nanti akan tiada lagi warga kelas kedua maupun ketiga. Pada beliau, kemenangan NLD adalah anti tesis kepada pegangan teman lain, terutamanya Hishamuddin Rais yang tidak percaya kepada perubahan melalui pilihan raya dalam negara dunia ketiga.

Tidak perlu lama, hanya sehari suntuk di Yangon sudah cukup untuk menyedarkan kembali beliau kepada realiti kejam politik. Myanmar masih jauh dari benar-benar berubah.

Penindasan akan terus wujud. Perpecahan akan terus membengkak. Yang dicabut dan ditumbangkan hanya manifestasi politiknya sahaja, sedang benih masalah sudah lama mengakar dalam institusi dan sosialisasi rakyatnya, termasuk dalam kalangan mereka

yang menentang rejim itu sendiri.

Kami menahan teks untuk pulang ke hotel. Pemandu teks kami kali ini seorang lelaki muda berkulit gelap. Melihat beliau sekali imbas, saya meneka yang beliau seorang Muslim atau Hindu - bahasa kasarnya Kalar.

Sepanjang perjalanan, beliau nampak canggung, resah, dan senyap. Ketika mengisi minyak di tengah perjalanan, berulang kali beliau memohon maaf kerana perlu berhenti, seolah ia adalah kesalahan yang cukup besar. Melihat beliau yang sedemikian, saya di kerusi hadapan cuba memecah kesunyian. Di kerusi belakang Mandeep dan Kristina rancak berbual sesama sendiri.

Bahasa Myanmar saya hanya terhad kepada transaksi jual beli, maka saya tegur dan ajak beliau berbual dalam bahasa Inggeris.

"NLD menang, kamu suka?" getus saya.

Beliau tersenyum. "Aung San Suu Kyi okay, baik. Saya suka NLD, tapi keadaan mungkin sama sahaja. Ambil masa untuk jadi lebih baik," jawab beliau positif.

Entah kenapa, soalan kedua saya terus kepada latar etnik beliau. "Kamu Bamar?" tanya saya ringkas. Saya tidak menyebut - kamu Muslim; takut tersalah dan menyinggung. Baik saja saya tanya kalau beliau Bamar. Jika bukan,



nafikan sahaja. Lebih mudah untuk menafi diri seorang Bamar dari mengakui diri sebagai seorang Muslim.

"Ya, Bamar dari sini, Yangon," balas beliau.

"Tak nampak macam Bamar. Kulit kamu agak gelap," usik saya. Saya yakin, beliau bukan Bamar.

"Saya Bamar, beragama Buddha macam kamu!" tegas beliau dengan senyuman yang dibuat-buat.

"Kenapa pula kamu kata saya Buddha?"

"Kulit cerah dan wajah macam orang tempatan. Saya ingat Bamar, tapi kamu tak boleh cakap Myanmar, jadi saya teka kamu dari Thailand.. Thailand juga agamanya Buddha, dan gelang tangan kamu itu mirip gelang Buddha," balas beliau.

"Oh ini. Bukan, saya bukan Buddha. Gelang saya ini dapat dari Mawlamyine, hadiah kenang-kenangan dari kawan. Dan saya bukan dari Thailand. Saya dari Malaysia."

"Malaysia? Kamu Melayukah?" soal beliau dengan nada terkejut.

"Ya, saya Melayu, kenapa?"

"Muslimkah?" soal beliau lagi.

"Ya, saya Melayu, Muslim."

Beliau tiba-tiba menekan brek kereta. Mandeep dan Kristina di belakang ikut terperanjat.

Beliau lantas memegang tangan saya. Mata ny basah dengan tangisan yang datang tiba-tiba.

Dalam Bahasa Melayu, beliau menuturkan kata yang saya akan terus ingat sehingga bila-bila.

"Abang, saya minta maaf abang. Astaghfirullahhalazhim, Lailahaillallah, Muhammad

Rasulullah; saya bukan Bamar abang. Saya bukan Buddha. Maaf abang, Lillahi Taa'la, saya Muslimabang! Saya Muslim macam abang!"

Saya kaget dengan apa yang baru berlaku dan terus terdiam. Mandeep bertanya apa yang baru berlaku. Saya katakan nanti saja diceritakan. Pemandu tadi menyambung perjalanan. Kami sampai ke hotel dengan selamat. Mandeep dan Kristina keluar dari teksi terlebih dahulu. Saya kekal di tempat duduk untuk bercakap sebentar dengan beliau yang masih sedikit teresak-esak.

"Minta maaf abang. Saya Muslim Myanmar. Bukan Bamar. Mereka di sini panggil saya Kalar. Mereka tak suka kami yang berkulit gelap, apa lagi Muslim. Saya tadi takut kalau abang juga tak suka Muslim. Saya sangka abang Buddha. Sebab itu saya mengaku diri sebagai Bamar dan Budhha, supaya tak timbul masalah."

"Saya minta maaf buat kamu khuatir. Saya harap lepas ini kamu tak perlu lagi takut-takut."

Kerajaan kamu sudah berubah. Kamu ada masa depan yang lebih baik, Insya Allah," balas saya.

"Belum tentu lagi. Mereka juga Bamar. Tidak mudah abang."

Saya angguk tanda faham, lalu membayar ongkos teksi kami tanpa mengambil baki. Beliau berlalu pergi.

Mandeep yang menunggu di luar teksi kembali bertanya. "Apa jadi?"

"Itulah realiti Myanmar. Kerajaan dah berubah, tapi orang-orang tertindas masih hidup dalam ketakutan," jawab saya.

Didih hatinya meruap

Oleh AHMAD ABDULLAH

AIMAN melangkah masuk ke perkarangan dewan dengan hati yang berat. Sememangnya dia tidak rela untuk hadir malam ini namun atas dasar terpaksa dia harus juga menghadiri ceramah itu.

Seuna warga universiti diwajibkan menghadiri ceramah malam ini yang disampaikan oleh salah seorang blogger mesra parti pemerintah. Tajuk ceramah pada malam itu juga memuaskan perutnya.

"Tidak bersyukurkah kamu?" tajuk sepanduk memaklumkan ceramah itu dipasang merata-ra di dalam kampus.

Aiman awal-awal lagi membantah paksaan terhadap pelajar universiti tetapi dia telah diberi amaran oleh seorang pensyarah supaya hadir. Mereka yang engkar akan dikenakan tindakan disiplin termasuk dibuang daripada kolej kediaman. Aiman tahu jika dia dibuang

daripada kolej, kos pengajiannya bertambah kerana terpaksa menyewa di luar. Ini pastinya membebankan ibu bapanya di kampung apatah lagi pinjaman pelajaran yang diperolehnya hanya cukup-cukup untuk membayar yuran pengajian dan membeli buku.

Jadi, mahu atau tidak Aiman harus juga menghadiri ceramah itu dan menahan telinga mendengar 'leteran' penceramah undangan itu.

Aiman mengambil tempat duduk di dalam dewan. Jaraknya dengan pentas ceramah agak jauh kerana tujuannya bukanlah untuk mendengar ceramah tersebut.

"Kau datang juga, Aiman?" soal Fikri yang duduk di sebelahnya.

"Kau ingat aku nak datang sangat ceramah ni?" Aiman membala dengan ria muka bersahaja.

Fikri hanya tersenyum. Fikri juga senasib dengan Aiman. Dia tidak mahu hadir tetapi oleh kerana dipaksa pihak universiti, dia datang juga. Tumpuannya bukan untuk majlis itu kerana sibuk melayan telefon pintar.

Aiman terfikir sejenak. Beginilah sebenarnya layanan pentadbir kepada pelajar universiti. Pelajar universiti sepatutnya diberi kebebasan untuk berpolitik tetapi malangnya dipaksa pula menyertai program anjuran parti pemerintah dan ditegah sama sekali menyertai program parti pembangkang.

Inilah senario politik hari ini, di mana parti pemerintah sangat terdesak kerana takut hilang kuasa pada pilihan raya umum akan datang.

Apa tidaknya. Aiman diberitahu kedua orang tuanya, kini ramai penduduk kampung hadir ke program-program anjuran parti pembangkang. Ada di kalangan penduduk kampung yang dulunya menyokong parti pemerintah mengumumkan keluar parti dan menyertai parti pembangkang. Majlis anjuran parti pemerintah semakin suram. Senario ini berlaku di seluruh negara ekoran pelbagai isu yang melanda khususnya harga barang yang melambung ekoran cukai barang dan khidmat



kepada parti pemerintah. Ramai teman-temannya yang diambil tindakan oleh bahagian hal ehwal pelajar kerana didakwa menyebarkan dakyah pembangkang di universiti.

"Saya harap mahasiswa tidak bodoh untuk mempercayai dakyah parti pembangkang. Kita perlu bersyukur dengan segala pemberian kerajaan."

"Di negeri yang ditadbir parti pembangkang, orang bukan Islam dijemput untuk bersama hadir di majlis berbuka puasa di masjid dan surau. Ini mencemar kesucian Islam," sambung penceramah itu lagi.

Aiman tidak boleh bersabar lagi dengan kebiasaan penceramah itu. Jika dia tidak berani untuk berhujah, semestinya penceramah itu akan lebih melampau. Aiman terus bangun dengan yakin. Dia mengangkat tangan kanannya.

"Maaf tuan. Saya ingin bertanya dari mana tuan dapat hujah yang mengatakan orang bukan Islam tidak boleh berbuka puasa dengan orang Islam? Kalau ada hadis, mana dalilnya? Kalau ada dalam Al-Quran, nyatakan surahnya?"

Penceramah itu memandang tepat ke arah Aiman. Ia gugup dan tercabar dengan kata-kata Aiman.

"Kamu hanya perlu dengar. Tidak perlu menyampuk. Jangan biadap," kata penceramah itu.

Kesabaran Aiman benar-benar teruji.

"Saya tidak menyokong mana-mana parti. Saya tidak biadap. Saya cuma ingin membentulkan fakta ucapan tuan. Kita sepatutnya bersyukur kepada Allah bukannya kepada kerajaan dan Allah yang bagi kami rezeki bukannya kerajaan!" Aiman dengan penuh semangat meneruskan hujahnya.

"Betul cakap Aiman itu!" Fikri menjerit menyokong.

Mahasiswa lain terus bangun dan bertepuk tangan tanda sokongan kepada Aiman. Majlis yang pada awalnya senyap sunyi akhirnya menjadi gegak gempita. Mereka bersorak dan mahu penceramah segera beredar.

Akibat keadaan yang tidak terkawal, penceramah dibawa keluar dewan oleh pegawai hal ehwal pelajar. Majlis berakhir awal daripada jadual.

Di dalam dewan, Aiman menerima ucapan tahniah daripada rakan-rakan yang hadir. Keberanian beliau mengagumkan mereka.

Aiman tahu akibat tindakannya itu. Bagaimanapun didih hatinya bersuara, "Jika takut dengan risiko, usah bercakap tentang perjuangan."

"Masa untuk berubah!" laungnya kepada Fikri dan rakan-rakan.

SAJAK

Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiar di halaman ini setiap minggu.

DOAKU PENJUAL CENDOL

Akulah penjual cendol yang berdoa pagi dan petang agar panas terik memanjang mogak cendol laris tinggal balang.

Akulah penjual cendol yang tidak mengenakan GST kerana aku bukan penindas melaba dari poket rakyat.

Akulah penjual cendol bersabung hidup semasa dalam sorak sorai merdeka aku terus berdoa mogak matiku nanti anak-anakku mampu membeli kain putih untuk kapanku.

L. MANKADIR SHAMSI
Lanchang, Pahang

JIKALAU ENGAU BELUM MENGERTI MAKNA KEMERDEKAAN

Jikalau engkau belum mengerti makna kemerdekaan maka segeralah bermimpi merasakan betapa getirnya peperangan ada jasad yang gugur terbuju ada darah merah yang mengucur sesikit detik kehabisan makanan untuk dimakan itulah kesengsaraan hidup generasi dulu mereka berjuang bermati-mati di medan melenyapkan cengkam kuku penjajah hanya untuk menggenggam sebuah merdeka

yang kita nikmati sampai hari ini

Whai generasi merdeka engkau sungguh tidak disuruh berperang menerjang musuh-musuh di medan perang engkau tidak didesak merasakan kelaparan kerana suramnya zaman telah luput hanya yang didambakan perlu mengukir ikhlas bakti kepada bangsa mengikut kemahiran apa yang ada ilmu pengetahuan yang ditimba mengolah kekayaan alam tempat kakimu

berpijak
nilah tanah airmu

Whai generasi merdeka
hargailah para pejuang semalam
dan usah leka untuk bergegas melakukan
perubahan
ke arah yang lebih matang
pengisian kemerdekaan yang perlu
kautuntaskan

MOHD ADID AB RAHMAN

Korek pasir runsingkan penduduk

TEBAU: Isu pengorekan pasir di kawasan Kampung Maju Jaya, dekat sini merunsingkan penduduk kampung kerana kerja-kerja mengorek dan mengangut pasir dilakukan sehingga tengah malam.

Tinjauan yang dilakukan AMANAH Kawasan Tebrau bersama-sama Pusat Peduli Rakyat N41 Puteri Wangsa mendapati aktiviti mengorek pasir itu dibuat tanpa kebenaran pihak berkuasa.

"Dalam serbuan yang dilakukan pihak kami, didapati pasir yang diambil di sekitar kawasan tebing anak sungai Tebrau itu adalah mencurigakan dan keadaan tebing sungai itu mengalami kerosakan teruk dengan aktiviti yang dijalankan di situ.

"Menurut pelapor yang juga penduduk kampung berdekatan, operasi mengorek pasir secara haram itu telah berlangsung selama hampir setahun," kata



Suhaizan menunjukkan tebing sungai yang terhakis akibat aktiviti mengorek pasir.

Pengerusi Pusat Peduli Rakyat N41 Puteri Wangsa, Suhaizan Kiat.

Menurut Suhaizan, penduduk telahpun membawa isu berkenaan ke peringkat Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta laporan telah dibuat kepada Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) namun sehingga kini masih tidak ada tindakan diambil pihak berwajib.

Beliau hairan dengan sikap PTG yang tidak mengendahkan laporan yang dibuat sejak Mei lalu malah tiada pemantauan dilakukan pihak berkuasa.



Jentera berat yang digunakan untuk mengorek pasir.

Sehubungan itu, AMANAH Kawasan Tebrau mendesak pihak PTG segera mengambil tindakan terhadap kegiatan mengorek pasir di kawasan kampung itu kerana selain mencemarkan sungai, penduduk kampung berdekatan terpaksa menanggung risiko debu dan habuk yang teruk akibat kegiatan itu.

Dimaklumkan aktiviti mengorek pasir secara haram itu kadang kala dilakukan pada lewat malam bermula jam 10.30 malam sehingga 4.30 pagi.

Ini mengakibatkan bunyi bising dan habuk yang mengganggu rutin hidup penduduk.

Pemuda AMANAH Kelantan komited pulihara alam sekitar

KOTA BHARU: Sendaan dan kata nista pelbagai pihak terhadap usaha memuliharkan ekosistem dan mengurangkan kos bahan api tidak mematahkan usaha berterusan Pemuda AMANAH Kelantan.

"Heboh kononnya kita menipu cuba menguji satu penemuan yang mengoptimalkan pembakaran bahanapi motosikal.

"Itu hanya satu dari rangkaian usaha kita untuk membantu orang ramai mengurangkan kos dan membaik pulih alam sekitar melalui penggalakan pertanian secara organik dan mapan," kata Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan.

Baru-baru ini Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan Datuk Husam Musa menjadi sasaran pengguna media sosial kerana memperkenalkan alat yang diyakini boleh menjimatkan penggunaan petrol motosikal.

Menurut Hazmi, Pemuda AMANAH melalui program Amanah Agro kini giat menggerakkan usaha pembangunan industri pertanian khususnya untuk golongan muda.



Rumput hibrid baru mampu mengurangkan kos makanan haiwan ternakan.

"Memang banyak lagi yang akan menjutuk mereka yang tidak mengikuti secara dekat aktiviti kita," katanya.

Baru-baru ini, katanya Amanah Agro telah mengadakan kursus khas penanaman pisang dengan menggunakan pemberian tisu.

"Kita terkejut kerana kehadiran untuk mengikuti kursus kita dua kali ganda dari yang disasarkan. Semua ini diinspirasikan sendiri Datuk Husam Musa," katanya.

Menurutnya, Pengarah Amanah Agro yang juga Ketua Biro Pertanian dan Hubungan NGO, Pemuda AMANAH Kelantan Hishamudin Ghazali akan terus menjalankan penyelidikan untuk membantu masyarakat.

"Antara yang diberi tumpuan sekarang untuk memperkenalkan benih rumput hibrid untuk membantu penternak mengurangkan kos dedak yang tinggi.

"Benih rumput hibrid baru ini dari keluarga Saccharum seperti keluarga tebu, Napier India dan Taiwan," katanya.



Hishamuddin Ghazali

Masyarakat India Gelang Patah isytihar sertai AMANAH



Subramaniam menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Dzulkefly.

Oleh AMNI JAGAT

GELANG PATAH: Sekumpulan masyarakat India mengisytiharkan diri menyertai AMANAH dan menyerahkan borang keahlian di Pejabat AMANAH Gelang Patah, dekat sini baru-baru ini.

Diketuai Suthas Subramaniam, mereka menyerahkan borang keahlian kepada Timbalan Pengurus AMANAH Johor Dzulkefly Ahmad.

Subramaniam ketika ditemui berkata, kaum india di negeri Johor telah disisihkan sekian lama dan beliau yakin AMANAH mampu memperjuangkan nasib kaum India yang masih ketinggalan.

"Saya melihat kaum India di Malaysia ini khususnya di negeri Johor selalu disisihkan dan sudah tiba masanya mereka mengorak langkah mengubah haluan dari bergantung harap kepada kerajaan yang tidak membantu mereka.

"AMANAH dilihat konsisten dalam mem-

perjuangkan kebijakan dan permasalahan rakyat. Saya berharap penyertaan saya ke dalam AMANAH akan menjadi titik tolak yang baik untuk kaum india terus menyokong AMANAH sekaligus mengubah nasib mereka," ujar Subramaniam.

Dalam perkembangan berkaitan, Dzulkefly menyifatkan penyertaan masyarakat India mendatangkan kesan positif kepada AMANAH.

"Ini adalah suatu perkara yang baik kerana usaha kita selama ini telah berjaya menambat hati orang tertentu yang berpengaruh dalam masyarakat untuk bersama AMANAH.

"Saya berharap penyertaan Subramaniam menjadi titik mula perubahan rakyat. AMANAH akan terus konsisten memarabatkan isu-isu rakyat," ujar Dzulkefly lagi.

Hadir sama di majlis penyerahan borang itu ialah Naib Ketua Pemuda AMANAH Johor Mohd Azam Mektar.

Taman Ilmu Besut masih jadi 'gajah putih'

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu digesa menjawab beberapa isu membabitkan penyelenggaraan dan pembangunan di sekitar Taman Ilmu di Besut yang terbiar sejak sekian lama walaupun pembinaannya menelan belanja ratusan juta ringgit.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah menyifatkan perasmian bangunan hostel untuk Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) oleh Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman di Taman Ilmu baru-baru ini sebagai 'modal' pilihan raya umum.

Ini kerana jelas beliau, projek pembangunan semula Taman Ilmu yang dijadual bermula bulan ini masih tidak menjadi kenyataan.

"Banyak persoalan timbul tentang projek ini yang masih belum terjawab. Pertamanya bagaimana begitu banyak kerosakan boleh berlaku kepada bangunan-bangunan yang belum pun digunakan lagi?

"Keduanya bagaimana kecurian barang secara meluas yang di kawal oleh pihak 'security' boleh berlaku? Ini adalah ulangan apa yang berlaku kepada Stadium Bolasepak di Gong Badak," katanya.

Raja Bahrin yang juga Pengurus AMANAH Terengganu turut memaklumkan menerima dokumen daripada sumber tertentu bahawa satu "Perintah Persetujuan" Mahkamah Tinggi



Sebahagian bangunan di kompleks Taman Ilmu Terengganu yang terbiar dan mengalami kerosakan.

Terengganu bertarikh 1 Disember 2016 diantara kerajaan negeri Terengganu dan Pentadbir Tanah Besut (Defendan) dengan pihak "Posc Ti Sdn Bhd" sebagai plaintif.

"Kerajaan negeri bersetuju membayar RM45 juta kepada Posc Ti Sdn Bhd berkaitan projek Taman Ilmu.

"Jika kerajaan negeri tidak mengakui tanggungan atau liabiliti dari tuntutan plaintif tersebut, mengapa bayaran RM45 juta telah

dipersetujui untuk dibuat dan telah pun dibuat?

"Ini adalah satu persoalan besar pembaziran wang rakyat yang kerajaan perlu jawab segera. Apakah skop kerja yang terlibat kerana Taman Ilmu masih belum dapat beroperasi sepenuhnya?" soal beliau.

Jelas Raja Bahrin lagi, mengikut persetujuan kerajaan negeri juga bersetuju mengeluarkan Surat Niat (LOI) kepada 17 kontraktor.

"Siapakah kontraktor-kontraktor tersebut? Apakah skop kerja mereka? Adakah mereka kontraktor anak tempatan?" soalnya lagi.

Justeru beliau tidak teragak-agak mengambil tindakan susulan sekiranya kerajaan negeri gagal memberikan jawapan terperinci mengenai persoalan yang dibangkitkan itu.

Laporan media menyebut kerajaan negeri membenarkan UniSZA menggunakan pakai kemudahan dua blok bangunan di Taman Ilmu tanpa sewaan selama 10 tahun dengan kesediaan institusi itu menampung kos baik pulih yang dihafamkan kemungkinan mencecah RM20 juta.

Sebagai permulaan, satu blok asrama akan dibuka bagi menempatkan 250 pelajar lelaki kerana peruntukan awal sebanyak RM10 juta yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membaik pulih dan menyediakan kelengkapan di kedua-dua blok bangunan itu tidak mencukupi.

Taman Ilmu yang dibina pada 2004 dengan kos lebih RM300 juta di kawasan seluas 280 hektar terbiar sekian lama dan banyak kelengkapan rosak atau dicuri.

Ekoran kos baik pulih yang tinggi, kerajaan negeri memutuskan untuk tidak mengeluarkan peruntukan dengan mengambil pendekatan urusan itu ditanggung institusi yang berminat dengan pengecualian sewa dalam tempoh tertentu.

Pelbagai aktiviti kebajikan sambut Aidiladha

BATU PAHAT: Selain melaksanakan ibadah korban sempena sambutan Aidiladha, AMANAH Kawasan Sri Gading turut menjalankan pelbagai aktiviti kebajikan bagi membantu golongan asnaf.

Di Parit Haji Sidek, Jalan Panchor dekat sini, diadakan program sumbangan Rice4U kepada 150 armalah yang terpilih dari sekitar Zon Beroleh dan Zon Parit Besar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Yaani Aminolhuda Hassan yang hadir memberi sumbangan kemudian bersama orang ramai menikmati jamuan sup yang dimasak tukang masak tempatan, Noorayam yang tinggal di kampung Parit Haji Ali.

Sumbangan Rice4U untuk golongan asnaf juga diadakan di Surau Batu 7 membabitkan 84 orang penerima daripada kampung Tongkang Pechah, Batu 7, Putera Indah, Kg Mohd Noor, Jorak Senawi dan Selulun.

Aminolhuda juga menyampaikan sumbangan kepada anak yatim dan anak angkat Dun Parit Yaani melibatkan 115 kanak-kanak yang kesemuanya masih belajar.

Setelah selesai majlis sumbangan, jamuan sup dan roti diadakan di perkaraan surau tersebut.

Selain kampung-kampung yang kerap dilawati, ibadah korban juga dilaksanakan pusat khidmat wakil rakyat Dun Parit Yaani di Parit Senah, Parit Yob dan Parit Anden 3.



Sebahagian ahli Umno yang menyertai PPBM menyerahkan borang keahlian kepada Abd Ghafar.



Isteri Adun Parit Yaani, Dr. Naomie menyampaikan sumbangan kepada seorang pelajar di Surau Batu 7, Tongkang Pechah.



BERKONVOI HADIRI KONVENTSYEN... Lebih 60 ahli dan penyokong AMANAH Kawasan Sri Gading menyertai konvoi kenderaan untuk menghadiri Konvensyen AMANAH Negeri Johor yang berlangsung di IOI Kulai, baru-baru ini. Konvoi bermula dari Pusat Strategi AMANAH Kawasan Sri Gading, Sengkuang, Batu Pahat. Konvoi itu disertai ahli dan penyokong AMANAH daripada cawangan Bandar Parit Raja, Parit Raja Darat, Parit Daun, Jelutong, Kg Baru Sri Gading, Sengkuang dan Jambi. Turut serta ahli dan penyokong AMANAH Cawangan Parit Suratman, Parit Yaani, Kg Mohd Noor, Selulun, Tongkang Pechah, Batu 7 Tongkang Pechah, Bindu, Panchor dan Parit Besar.

Flashmob turun harga minyak disambut hangat

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Flashmob turun harga minyak digerakkan Pemuda AMANAH yang berlangsung di depan Kota Darul Naim 11 September lalu mendapat sambutan hangat para pengguna jalan raya.

Program yang diketuai Ketua Pemuda AMANAH negeri Hazmi Hassan itu disambut buni hon yang tidak putus-putus daripada pelbagai jenis kendaraan yang melalui jalan berkenaan.

Hazmi dan anggota pemuda dari parti-parti komponen Pakatan Harapan berhimpun sekitar jam 5 petang.

Mulanya mereka berbaris di atas pem-

bahgi jalan berhadapan lampu isyarat di Kampung Putih.

Selepas hampir setengah jam, pihak polis memanggil Hazmi untuk berbincang supaya berpindah ke kawasan lain kerana bimbang berlaku kemalangan.

Mematuhi arahan polis, kumpulan itu bergerak ke kawasan tepi jalan berhampiran bangunan pejabat Perbadanan Menteri Besar (PMBK).

Memandangkan kesesakan di kawasan itu, pihak polis sekali lagi meminta supaya berpindah ke seberang jalan di hadapan pejabat JKR.

Selepas jam 5.30 petang, sekumpulan anggota wanita menyertai flashmob ber-

kenaan menjadikan pengguna jalan raya semakin tertarik untuk menyatakan sokongan.

Sekitar jam 6 petang, pihak polis sekali lagi berbincang dengan Hazmi supaya menghentikan flashmob berkenaan.

Sebelum bersurai mereka beramai-ramai menyanyikan lagu berterima kasih kepada abang polis.

"Terima kasih, terima kasih abang polis," nyanyi mereka beramai-ramai dengan penuh semangat.

Sekumpulan anggota polis beruniform lengkap dengan trak dan peralatan anti-rusuhan kelihatan berada di hadapan kompleks SUK sejak jam 4 petang.



Hazmi (kiri) berterima kasih kepada pihak polis dengan kerjasama yang diberikan sepanjang flashmob berjalan.



Flashmob bantah kenaikan harga minyak turut disertai peserta wanita.



Kenderaan tidak putus-putus membunyikan hon tanda sokongan kepada flashmob yang diadakan Pemuda AMANAH.

Tuduhan khianati Islam dorong laporan polis dibuat

TUMPAT: Tuduhan yang dilempar di aplikasi Whatsapp kononnya pemimpin dan ahli-ahli AMANAH Kawasan Tumpat sebagai pengkhianat Islam mendorong satu laporan polis dibuat pemimpin AMANAH kawasan tersebut di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat, 12 September lalu.

Ketua AMANAH Kawasan Tumpat Wan Mohd Johari Wan Omar dalam laporan polisnya berkata tuduhan ini sangat berat dan beliau memohon polis membuat siasatan serta tindakan lanjut.

"Mengikut seksyen 298A Kanun Kesejahteraan jika sabit kesalahan si pelaku boleh dihukum penjara 5 tahun," katanya.

Wan Johari menjelaskan, pada 7 September lalu beliau menerima status aplikasi perisian Whatsapp grup siasah Islam WB yang dimuat naik oleh Muhamad Shahrul Azhar Noor Zeli.

"Mesej yang dimuat naik itu mengatakan saya yang ditulis sebagai Wan Jo, Hazizi bin Mohamad yang biasa dikenali sebagai Zizi dan Wan Ahmad Wan Ibrahim yang dikenali sebagai Mat Islam sebagai pengkhianat Islam.

"Mesej itu turut menyebut Pen-



Wan Johari (dua dari kiri) menunjukkan salinan laporan polis yang dibuat di IPD Tumpat.

gerusi AMANAH Negeri Kelantan (Datuk) Wan Abdul Rahim Wan Abdullah juga dengan tuduhan yang sama," katanya.

Sebagai jalan penyelesaian katanya, beliau telah meminta melalui grup Whatsapp yang sama supaya Shahrul Azhar menarik balik tuduhan jeleknya itu dalam masa 24 jam.

"Selepas 24 jam pihak yang menuduh itu bukan sahaja tidak menarik balik malah terus mempersenda-sendakan saya dan rakan-rakan ahli AMANAH.

"Dalam perbincangan di tempat yang sama ada pula ahli-ahli dalam

grup itu yang mencelah kononnya kalau si penuduh dilapor polis atau didakwa mereka akan memberi sokongan kewangan," katanya.

Menurut Wan Johari, laporan polis dan tindakan undang-undang yang bakal diambil bertujuan menyedarkan orang ramai bahawa gejala seperti ini tidak harus dibiarkan menjadi punca kerosakan dalam masyarakat.

"Kita tidak mahu masyarakat kita yang mewarisi budi bahasa yang tinggi, perpaduan yang baik dan sikap toleransi diracuni cara berfikir negatif seperti ini," katanya.

Pegawai kedutaan Australia temui Pemuda AMANAH



Hazmi bertukar maklumat dan pandangan dengan Elizabeth dalam pertemuan di Kota Bharu.

KOTA BHARU: Diplomat kanan Suruhanjaya Tinggi Australia Elizabeth Le Bas berkunjung ke bandar ini untuk menemui Ketua Pemuda AMANAH Kelantan Hazmi Hassan.

Perbincangan lebih dua jam itu berjalan mesra dan dipenuhi pertukaran maklumat yang amat bermanfaat.

"Saya memberi taklimat ringkas mengenai perkembangan AMANAH di negeri Kelantan manakala Elizabeth menceritakan situasi politik Australia yang rupanya

amat menarik kebelakangan ini," kata Hazmi.

Hazmi turut menjelaskan tentang penubuhan AMANAH berbanding parti-parti pecahan Pas yang lain.

Menjawab soalan potensi AMANAH di Kelantan, Hazmi berkata walaupun ia baru berusia dua tahun, namun dengan kerjasama politik di bawah naungan Pakatan Harapan (PH), pihaknya yakin akan mendapat sokongan rakyat dalam pilihan raya umum akan datang.

Mereka penyebar politik toksik

Oleh AIMAN ATHIRAH AL JUNDI

SEUSAI program Himpunan Aman Wanita #BantahPolitikToksik, maka tersebarlah beberapa poster fitnah yang langsung tiada kaitan dengan mana-mana tuntutan dan konsensus himpunan.

Sebagai biasa, percubaan mengaitkan Pakatan Harapan (PH) khususnya AMANAH dengan Comango, Liberalisme, LGBT dan seumpamanya terus dimainkan tanpa rasa berdosa sekalipun ia ternyata dan diberitahu fitnah.

Kedapatan juga, bersandarkan beberapa foto yang saya percaya diambil daripada fb Siti Kassim telah digunakan untuk melampiaskan niat dan nafsu bagi mengaitkan PH khususnya AMANAH dengan individu bernama Siti Kassim. Serangan sebenar menggunakan foto-foto ini adalah kerana saya dan beberapa orang daripada AMANAH kebetulan ada di situ.

Saya percaya, ini satu percubaan murahan lagi jelek untuk terus menyemarakkan fitnah, adu domba dan kebencian sesama yang sekaligus merupakan sebahagian daripada Politik Toksik yang sedang kita perjuangkan untuk ditolak.

Politik niat yang menghalalkan cara ini hakikatnya sudah sering merosakkan suasana harmoni bukan sahaja dalam keluarga, masyarakat bahkan negara seluruhnya.

Siti Kassim hanyalah salah seorang daripada peserta program yang tiada kaitan pun dengan penganjur dan pengajuran. Program ini adalah acara terbuka untuk wanita yang sama-sama menentang Politik Toksik. Kehadirannya ke situ difahami sebagai sokongan dan kebersamaan.

Dia bertembung dengan saya dua kali pada hari itu sebelum program bermula dan ia merupakan kali pertama saya bertemu mata denganannya. Saya tidak pernah ada sebarang urusan denganannya dan dia pun tidak pernah ada urusan dengan saya. Gambar-gambar itu dirakamkan secara spontaneous atas permintaannya. Satu ketika bertembung di atas tangga eskalator ketika saya sedang bersempang dengan beberapa

orang. Kedua semasa saya dan beberapa orang sedang duduk minum dan berbincang-perihal keselamatan program bersama Setiausaha ARiF iaitu Saudara Bahar. Dia barangkali tertarik ke arah kami kerana kebetulan Puan Maria Chin berada di kedua-dua lokasi gambar itu diambil.

By the way, saya sarankan mereka yang fakeh dan berilmu tinggi buat sahaja 'intellectual discourse' dengan Siti Kassim. Itu lebih baik daripada terus mencemuh dan mengutuknya yang tidak akan menyelesaikan apa-apa masalah.

Bukan semua dalam gambar yang bersama Siti Kassim itu adalah daripada AWAN/AMANAH tetapi secara rakus ia dieksplotasi dan dimanipulasi semahunnya untuk mengaitkan Siti Kassim dengan Amanah dan PH. Tidak mengapalah, bukankah ini sunnah dan rencam dalam perjuangan? Saya pun sudah mangli dengan sikap dan perangai hodoh seumpama ini.

Kekesalan saya dalam hal ini hanyalah kerana fitnah dan adu domba ini dibuat dan disebarluaskan oleh mereka yang berbangga mengatakan diri sebagai pejuang-pejuang agama. Siap berlawak jenaka "jangan jeles", ahh gedik sungguh!

Untuk itu, saya sudah menegur tindakan sebuah fb yang dikenali umum sebagai pro kepada parti politik tertentu bahawa beberapa Poster LGBT dan sewaktu dengannya yang cuba dikaitkan dengan #BantahPolitikToksik adalah fitnah yang malangnya juga diterima pakai oleh kelompok yang menggelarkan diri mereka Profesional Istiqomah. What a shame!?

Bukan rahsia, "Profesional Istiqomah" sememangnya tidak pernah bersama Pakatan Harapan (PH) kerana mereka adalah salah sebuah gerakan duduk di bawah Pas. Malah beralamat di Ibu Pejabat Pas.

Kelemahan mereka yang kemudian dikongsi dengan rakaian cytro mereka di seluruh negara (termasuk luar negara) adalah suka mencari-cari alasan sekalipun murahan dan fitnah guna untuk menjustifikasi tindakan tidak mahu bersama PH dan seterusnya barangkali lebih suka mendorong yang lain agar lebih mem-



Poster berunsur fitnah disebar pihak tertentu ketika perhimpunan berlangsung.

percaya dan senang bersama umno?

Tuntutan rasmi program #BantahPolitikToksik tidak mereka endahkan sekalipun sudah diberitahu secara baik, sebaliknya aksi-aksi sebahagian kecil menjadi fokus utama sekaligus melancarkan adu domba dan fitnah kepada semua.

Well, indeed... You can never win with people who are out to find fault!

Hari ini, hasil daripada istiqomahnya mereka membuat fitnah, maka disebarluaskan kononnya Siti Kassim sudah menjadi ahli AMANAH. Juga berbekalkan kepada 2 gambar bisu di lokasi awam, yang itupun upaya dijadikan senjata fitnah luar kawalan.

Lebih banyak toksik selepas ini khususnya apabila yang menggelarkan diri mereka Profesional Istiqomah pun mengamalkan Politik Toksik!

Di satu sudut, saya menerima baik promosi berbentuk negatif terhadap perjuangan Wanita Malaysia #BantahPolitikToksik ini. Adakalanya, ia membantu lebih ramai buka



Posting media sosial kumpulan Profesional Istiqomah yang memfitnah Pakatan Harapan.

mata dan ingin tahu. Seandainya sahaja mereka lebih peka dan prihatin sejak awal terhadap kebangkitan wanita Malaysia #BantahPolitikToksik, tentulah mereka tidak akan menjadi mangsa dan menjadi rangkaian Politik Toksik sendiri.

Saya menginsafi bahawa memerangi Politik Toksik yang sudah sebatik sekian lama adalah tidak mudah dan bukan satu jalan yang singkat. Tetapi saya yakin dan percaya, melalui usaha gigih, keikhlasan, kesungguhan, keberanian dan kesabaran para wanita yang dianugerahi kekuatan mental, spiritual dan fizikal serta inayah daripada Allah, kita akan akhirnya secara dikit demi dikit menyahkan politik toksik ini daripada terus menghancurkan rakyat dan negara seluruhnya.

Yakin, Allah bersama dan akan membantu usaha yang baik insya Allah. We just do the best and let Allah do the rest.

Allahu Akbar!

#WanitaBangkit
#BantahPolitikToksik
#BinaSemulaNegara

Semai kasih sayang lawan politik kotor

KUALA LUMPUR: Golongan wanita perlu menggunakan elemen cinta dan kasih sayang bagi menentang corak politik kotor yang berleluasa dalam negara ketika ini.

Pengarah Biro Komunikasi Angkatan Wanita AMANAH Negara (AWAN), Anfaal Saari berkata, hal ini kerana golongan itu lebih memahami dan terbuka sebelum mengambil sesuatu tindakan.

"Walaupun manusia itu rakus, tamak dan penuh kebencian tapi ada kuasa yang lebih mendalam iaitu kuasa cinta.

"Oleh itu, saya menyeru wanita semaiakan politik kecintaan, tolak politik kebencian dan seksisme," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Himpunan Wanita Bantah Politik Toksik di hadapan Maju Junction di ibu negara, 10 September lalu.

Hampir seribu wanita berpakaian tema ungu berhimpun dalam himpunan anjuran sekumpulan aktivis wanita berpengaruh yang menggelarkan diri mereka Wanita-Wanita Malaysia Prihatin.

Antara yang turut serta petang tadi ialah isteri bekas Perdana Menteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya Marina Mahathir, Presiden PKR Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, bekas presiden Badan Beguam Datuk Ambiga Sreenevasan dan pengurus BERSIH Maria Chin Abdullah.

Prihatin kebajikan wanita

Sementara itu, Tun Dr Siti Hasmah yang turut berucap menyeru masyarakat supaya bersikap prihatin dengan keperluan dan kebajikan wanita.

Beliau yang sedih dengan nasib wanita di seluruh dunia kerana sering menjadi sasaran

dan mangsa jenayah seksual menggesa supaya perubahan dilaksanakan segera.

"Kita berhimpun di sini untuk tunjuk keprihatinan dalam isu wanita. Wanita suka keamanan dan mahu ekonomi yang kukuh.

"Apa yang membimbangkan adalah cubaan cabul hak asasi manusia. Beri peluang kepada mereka untuk hidup selesa," katanya.

Turut hadir memberikan sokongan ialah Pengurus Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Azmin Ali dan isteri Datin Seri Shamsidah Taharin.

Himpunan berlangsung aman sehingga berakhir jam 6.45 petang dengan kerjasama pihak polis, pasukan keselamatan ARiF dan Angkatan Muda Keadilan (AMK).

Deklamasi sajak dan nyanyian turut



Anfaal Saari

mengisi himpunan bagi menaikkan semangat para peserta.

Foto-foto menarik di muka 16&17.

Najib perlu lebih ditakuti berbanding Kit Siang

BANYAK sudah yang diperkatakan berkenaan DAP, terutama kesanggupan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bekerjasama dengan parti itu. Hampir semua cemuh terhadap DAP diasaskan kepada kebencian terhadapnya sebagai parti totok Cina. DAP dipercayai berjuang semata-mata untuk bangsa Cina.

Yang anehnya parti MCA yang 100% Cina, dan berjuang hanya untuk kepentingan orang Cina tidak ditolak oleh orang Melayu. Walaupun MCA mempunyai hubungan rapat dengan Parti Komunis China, dan kita menolak fahaman Komunis dan telah berperang dengan mereka, ini pun tidak menjadikan MCA musuh kepada Umno dan ramai orang Melayu.


Walaupun MCA yang menuntut supaya diberi jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua bagi menjadinya lebih kuat dalam parti Barisan Nasional, ini juga tidak menarik bantahan dari ahli Umno dan ramai orang Melayu.

Sebenarnya parti DAP bukan parti perkauman Cina. Ia adalah parti berbilang kaum walaupun majoriti dari ahlinya Cina. Terdapat Melayu, India dan suku kaum Sabah dan Sarawak dalam DAP. Ada wakil rakyat DAP yang terdiri dari orang Melayu dan India. Pemimpin besar DAP dahulu ialah Karpal Singh.

DAP banyak menggunakan bahasa kebangsaan dalam mesyuaratnya. Lagu partinya juga dinyanyi dalam bahasa kebangsaan.

Sebagai anggota dalam Pakatan Harapan, DAP telah menyatakan secara terbuka dan menandatangani pernyataan sokongan Pakatan Harapan kepada Perlembagaan Malaysia.

DAP bersama Pakatan Harapan, dan



DAP adalah parti berbilang kaum. Tiga wanita Melayu yang menyertai DAP, dari kiri Dyana Sofea, Young Syefura dan Melati.

secara bersendirian menyokong dan mengiktiraf:

1. Institusi Raja-Raja Melayu
2. Hak Istimewa Melayu dan Bumiputera
3. Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan
4. Agama rasmi Malaysia ialah Islam

Kepimpinan DAP tidak pernah tuntut jawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Pimpinan tertinggi DAP mengakui bahawa oleh kerana penduduk Cina adalah minoriti di Malaysia, tidak mungkin DAP mendirikan kerajaan di peringkat pusat di Malaysia, jauh sekali dari menjadi Perdana Menteri walaupun jika DAP menang semua kerusi yang di-tandingi.

Dari 222 kerusi parlimen hanya 52 sahaja yang mempunyai majoriti Cina.

Untuk mendirikan kerajaan (di peringkat persekutuan), DAP perlu miliki lebih daripada 111 kerusi. Jelaslah DAP tidak memiliki cukup kerusi. Tetapi ia boleh menganggotai kerajaan campuran walaupun kurang dari kerusi Melayu. Demikian juga MCA dan Gerakan.

Mungkin juga parti berbilang kaum Melayu memberi beberapa kerusi kepada calon bukan Melayu. Tetapi majoriti dari tiga buah parti kepimpinan Melayu akan meletak calon Melayu dan PPBM sebagai parti Melayu tidak mungkin mencalon dan menyokong bukan Melayu sebagai Perdana Menteri. Gabungan parti-parti pembangkang tidak mungkin didominasi oleh DAP selain di Pulau Pinang.



**PENDAPAT
DR MAHATHIR MOHAMAD**

Kenyataan Najib bahawa jika UMNO kalah maka Kit Siang akan menjadi Perdana Menteri tidak berasas sama sekali. Sebaliknya Najib sudahpun mengadakan perjanjian ketenteraan dengan China dan seorang penulis China menyatakan pelabuhan Melaka dan Kuantan yang sedang dibangun dengan (kos) berbilion ringgit (bersumberkan) modal syarikat China akan diguna oleh tentera laut China. Kemenangan Najib dan Umno akan mengikat Malaysia dengan negara China, dan Malaysia tidak lagi dapat mengamal dasar luar berkecuali seperti dahulu.

Sebenarnya yang patut ditakuti oleh Umno dan orang Melayu ialah Najib sebagai Perdana Menteri, bukan Kit Siang. Rekod Najib sebagai Perdana Menteri bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia, terutama orang Melayu. Sebaliknya rekod DAP di Pulau Pinang tidak seburuk Kerajaan BN di pusat.

■ **Tun Dr Mahathir Mohamad ialah Pengerusi Pakatan Harapan. Tulisan ini dipetik dari pada laman blog beliau, chedet.cc**

Mengapa pengundi Melayu P. Pinang perlu mengundi PH

Oleh HAYAR HASSAN

DI PULAU PINANG, Perikatan/BN telah menerajui kerajaan negeri selama 51 tahun. Semestinya rakyat negeri Pulau Pinang terlalu arif dan faham akan gaya dan cara pemerintahan Perikatan/BN. Kejayaan dan kelemahan Kerajaan Perikatan/BN sudah diketahui umum.

Pakatan Rakyat (PR) telah berjaya membentuk kerajaan di Pulau Pinang setelah memenangi 30 kerusi Dun daripada 40 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya umum (PRU) 2008. Pada PRU 2013 pula, Umno/BN telah kehilangan satu lagi kerusi iaitu Dun Seberang Jaya kepada calon Keadilan, Dr Afif Bahardin yang kemudian dilantik sebagai Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Kini Adun Umno-BN berperanan sebagai pembangkang yang rancak membuat riuh rendah di dalam dan luar Dewan Undangan Negeri (Dun) Pulau Pinang.

Persoalannya, adakah wajar bagi pengundi-pengundi Melayu/Islam Pulau Pinang memberikan undi mereka kepada Umno-BN hanya untuk membuat bising di dalam dan di luar Dun Pulau Pinang?

Bagi saya, ini adalah suatu pembaziran undi dan kesilapan besar pengundi-pengundi Melayu/Islam Pulau Pinang.

Sepatutnya Adun-Adun Melayu/Islam turut terlibat secara aktif dan berkesan dalam membangunkan dan memajukan masyarakat Melayu/Islam Pulau Pinang. Kalau sekadar untuk menjadi pembangkang, ia hanyalah kerja 'lebai malang'.

Pada waktu ini hanya terdapat tiga wakil Melayu/Islam dalam barisan Exco Kerajaan PH Pulau Pinang. Ini adalah wajar kerana cuma terdapat enam Adun Melayu/Islam dalam Kerajaan PR Pulau Pinang. Seandainya Adun-Adun Melayu/Islam PH bertambah menjadi 16, tentulah bilangan Exco Melayu/Islam akan bertambah. Sekurang-kurangnya Exco-Exco Melayu/Islam boleh menjadi lima orang. Itulah sifir mudahnya.

Sebenarnya Ketua Menteri Lim Guan Eng seorang yang terbuka dan adil. Beliau ternyata tidak mengamalkan budaya kerja yang mendahului partinya walaupun DAP mempunyai 19 Adun dalam Dun Pulau Pinang.

Sebagai Ketua Menteri, Guan Eng boleh sahaja membuat lantikan jawatan penting dalam badan-badan penting kerajaan negeri dengan orang-orang kepercayaannya, tetapi beliau tidak melakukannya demi menjaga kepercayaan dan sentimen orang-orang Melayu. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Bandar Majlis Bandaraya

Pulau Pinang (MBPP), Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) masih disandang orang Melayu/Islam.

Seandainya Guan Eng hanya mengutamakan kaumnya, beliau boleh sahaja melantik ahli-ahli DAP berbangsa Cina menerajui empat jawatan utama itu kerana hak untuk membuat perlantikan jawatan-jawatan tersebut berada di tangannya.

Jelasnya tuduhan bahawa Kerajaan PH Pulau Pinang menyekat pegawai-pegawai Melayu Islam yang berkualiter, profesional dan berintegriti menjawat jawatan-jawatan penting dalam kerajaan negeri adalah tidak berasas sama sekali. Tuduhan-tuduhan tersebut adalah fitnah semata-mata.

Seperkara lagi yang ingin saya ulas adalah berkaitan isu pengambilan tanah bermilik di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti kerajaan negeri lain berkuasa untuk membuat pengambilan tanah milik rakyat untuk kegunaan atau kepentingan awam. Seingat saya, kali terakhir Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan proses pengambilan tanah milik rakyat adalah pengambilan tanah untuk pembangunan Bandar Baru PERDA, Bukit Mertajam, Bandar Baru Cassia, Batu

Kawan dan Taman Ilmu Nibong Tebal, Seberang perai Selatan. Semua pengambilan tanah milik rakyat itu dibuat semasa BN menerajui kerajaan negeri.

Sebaliknya, Kerajaan PH Pulau Pinang telah berusaha dalam bidang kuasa mereka yang ada untuk membantu penduduk-penduduk dua kampung tradisional iaitu Kampung Tok Subuh dan Kampung Melayu Tanjung Bungah daripada diusir keluar oleh pemilik tanah.

Berdasar kepada dua sebab utama di atas, adalah wajar dan tepat bagi pengundi-pengundi Melayu/Islam memberikan undi mereka kepada calon-calon PH agar masa depan masyarakat Melayu Islam lebih terbela kerana masyarakat Melayu-Islam bakal mempunyai wakil yang lebih dalam kerajaan negeri.

Zaman berpolitik sekadar untuk membangkang dan menaikkan sentimen perkauman sudah tidak sesuai lagi dengan peredaran masa. Semoga pengundi-pengundi Melayu-Islam Pulau Pinang akan lebih bijaksana dalam PRU ke-14 nanti. Nasib orang-orang Melayu-Islam akan lebih terbela lagi seandainya kita mempunyai lebih ramai Adun Melayu-Islam dalam kerajaan negeri.

■ **Hayar Hassan ialah aktivis Parti Amanah - Negara.**

'Historic' Meet: Why Did Najib Pay A Huge Price?

By DR DZULKEFLY AHMAD

GRANTED, the invitation of President Donald Trump to Prime Minister Najib Razak couldn't come in perfect time than now. But as the wheeling and dealing are underway, the nation watches in awe.

The political backdrop to this 'historic meeting' no longer needing any mentioning. Both the media in the west and the social media locally, were at best, ostensibly unfriendly (read merciless), to both the host and his 'special' guest.

So, by now what does Najib really hope to achieve or could possibly achieve?

Conversely, what does Trump want in return?

Understandably Trump is bent on enlarging his circle of allies, who could help thwart a growing China's influence in South East Asia and North Korea's nuclear threat. For the record, Trump met individually, a few of the heads of Asean states earlier. Whether he succeeds is arguably a moot point.

But Najib has unmistakably acted, as if he represents a 'capital-rich nation', on a benevolent mission to help an ailing one (capital-poor one). What an irony!

Unequivocally he committed...

(a) "We want to help you in terms of strengthening the US economy. I come with three specific proposals. Number one, we intend to increase the number of Boeing planes to be purchased by MAS. We are committed to 25 planes of the 737 MAX 10, plus eight 787 Dreamliners... So within five years, the deal will be worth beyond US\$10 billion. That's one."

And as they say it, the rest is his history.

Najib later deliberated on his efforts and successes on the counter-terrorist measures



to fight ISIS (Daesh) at the comfort and behest of his gracious host.

Surely it doesn't take a political pundit to tell us that Najib's more pressing need is to put 1MDB scandal behind him with the Trump meet. But he doesn't seem to make any headway in that direction.

But in all fairness, he must also be more than elated that Trump didn't raise the issue at all nor the media. Trump could have easily embarrassed him with his abrasive way but he (reportedly) didn't.

Be that as it may, beyond trade and com-

merce, has Trump really made his real gain? Would Trump dare to pop the question, i.e. to demand Najib to change his 'relationship' from China to the US? Specifically, would Trump be audacious enough to tell Najib to terminate his RM55 billion ECRL project with China?

Najib would be put in a real dilemma as he has been very close and increasingly dependent on China for his financial survival, especially on the brink of an election dubbed 'the mother of all battle'.

But this is realpolitik in international

relations. We are reminded of the classic case of the Melian dialogue where the Athenian Envoys in the 16th year of the Peloponnesian War (428 BC) told the Melians a Colony of Lacedaemon, allies of Sparta that "the strong do what they can and the weak suffer what they must".

I guess we will never get to know what really transpired in the four-eyes meeting...

■ Dr Dzulkefly Ahmad is Strategy Director of Parti Amanah Negara.

Bottom line — I am willing to give Mahathir a chance, but ...

By JOHN MALOTT

MAHATHIR spent his political life bashing America, and there was no love lost between us when he decided after July 1997 — the Asian Financial Crisis — to blame America day after day for everything that had happened.

That was then followed by his arrest of Anwar. That led to even more tension between our two countries.

As Ambassador, and for years after, I defended my country against Mahathir's accusations. That was my job, because I was the US Ambassador.

I was there, and I knew the truth about what happened. That is why, after I left the US State Department, I was so vocal in speaking out about the injustice that was committed against Anwar.

Even though I hated what Mahathir

had to say about my country, I still had respect then (and now) for everything that he did to promote Malaysia's economic development and raise its stature in the world.

Now Najib has destroyed all that.... Today Malaysia has become, as I said, Mugabe-Land.

I recognize how Mahathir subverted Malaysia's political institutions to achieve his goals for the nation. But in his mind, he did it for Malaysia, not to enrich himself.

Agree or disagree, that clearly is very different from the incredible kleptocracy that we see today under Najib — where people are out to make as much money for themselves as they can, regardless of what happens to the country.

So yes — I am willing to give Mahathir a chance — a BIG chance. I hope that he can

"Save Malaysia", which Najib is now destroying.

But there have to be conditions. (1) Mahathir — and the movement or political party he leads — must call for Anwar's release from prison. (2) He must call for dropping all sedition and other political charges that Najib has filed against all other opposition political figures. (3) He must say that those who have stolen money from the Malaysian people must be brought to justice.

Maria Chin Abdullah now says that she will lead Bersih 5.0. It probably will be held, as always, in KL, so it will be a waste of time. In KL, she will be "preaching to the choir" — as the saying goes.

I am sorry to say this, but Maria lacks imagination. I miss Ambiga.

To get rid of Najib, you have to get out of KL and go into the Malay heartland — and

make sure they know the truth.

And who better to do that than Mahathir. In the Malay heartland, Mahathir is still famous, loved, and respected.

Question — is Mahathir willing to go into that heartland — and meet the people — and tell them in Malay that Najib is a crook who has stolen their money?

Is Mahathir willing to tell the people that Anwar — whom so many of the Malays in the countryside also still love — was unjustly imprisoned by Najib?

Is Bersih willing to organize that? Is Mahathir willing to do that?

If so, then for the sake of Malaysia's future, I will stand with Mahathir.

■ John Malott is former US Ambassador to Malaysia.

Misi ibadah korban diteruskan biar berdepan ancaman

RAKHINE, Myanmar: Nasib malang yang menimpa etnik Rohingya di wilayah bergolak ini mendorong badan bukan kerajaan (NGO) Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim (Serantau Muslim) untuk melaksanakan ibadah korban di sini.

Ini adalah usaha kecil yang dilakukan NGO muslim bagi membantu ratusan ribu etnik Rohingya yang menjadi pelarian ke negara jiran khususnya Bangladesh manakala ribuan lagi kehilangan nyawa.

Usaha Serantau Muslim bagi melaksanakan ibadah korban di Arakan mendapat sambutan hangat daripada rakyat Malaysia.

Namun Penggerusi Serantau Muslim Dr Raja Ahmad Iskandar Raja Yaacob berkata, pihaknya menghadapi cabaran getir bagi melaksanakan projek itu akibat kerana birokrasi dan keadaan keselamatan yang tidak mengizinkan.

"Kami dijadualkan tiba di wilayah Arakan pada sehari sebelum Aidiladha untuk melaksanakan sendiri ibadat qurban yang diamanahkan itu.



Setiausaha merangkap Pengurus Besar Serantau Muslim, Ustaz Mohd Hakim Mohd Nor dan penduduk tempatan menyempurnakan ibadah korban di perkampungan Islam di India.

"Namun kami terpaksa membatalkan hasrat tersebut selepas suasana di sana sangat tegang dan membahayakan apabila pihak berkuasa melancarkan kawalan ketat sehingga menggagalkan usaha NGO yang prihatin untuk masuk ke wilayah yang bergolak itu," katanya.

Bagaimanapun pihak Serantau Muslim, ujar beliau nekad untuk memastikan misi tersebut berjaya biarpun

berdepan pelbagai sekatan dan ancaman.

"Misi ibadah korban di Arakan tetap diteruskan dengan diuruskan oleh wakil kami di sana. Alhamdulillah, kami berjaya menyalurkan wang kepada wakil kami untuk membeli haiwan korban.

"Sejumlah 51 ekor kambing dan 13 ekor lembu telah dikorban pada 11 Zulhijjah hasil daripada sumbangan rakyat Malaysia yang prihatin," jelasnya.

Dr Raja Iskandar berkata, biarpun kecewa tidak dibenarkan masuk ke wilayah Arakan, namun pihaknya tetap bersyukur dan gembira kerana berjaya merealisasikan misi ibadah korban bagi membantu umat Islam Rohingya sedaya mampu.

Pihaknya juga turut melaksanakan ibadah korban di India di kawasan penempatan masyarakat Islam di benua kecil itu.



Dr Raja Iskandar dan pasukan Serantau Muslim dibantu penduduk tempatan di India bekerjasama menyembelih lembu korban.



Wakil Serantau Muslim dibantu penduduk Rohingya menyembelih haiwan korban di Arakan, Myanmar.

Pejabat operasi ditubuh selaraskan bantuan Rohingya

KUALA LUMPUR: Bagi menyelaraskan bantuan yang disalurkan kepada umat Islam Rohingya, badan-badan bukan kerajaan (NGO) Islam seluruh rantau Asia Tenggara telah mencapai kata sepakat mewujudkan sekretariat tindakan khas.

Gabungan NGO itu telah mengadakan mesyuarat tergempak baru-baru ini dengan dipengerusikan Presiden Majlis Perunding Islam Malaysia (Mapim), Mohd Azmi Abdul Hamid.

Sejumlah 30 NGO Islam daripada empat negara menyertai mesyuarat itu.

Sekretariat tersebut telah berjaya membuat beberapa rumusan dan tindakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan ke Cox Bazar, Bangladesh.

Beberapa tindakan tuntas telah disepakati antara lain membuka pejabat operasi penyelaras bantuan di Cox Bazaar secepat mungkin.

Pejabat operasi tersebut



Cikgu Azmi mempengerusikan mesyuarat NGO muslim bagi menyelaras bantuan kepada etnik Islam Rohingya.

berperanan untuk memastikan segala bantuan yang disalurkan melalui NGO di peringkat Asia Tenggara sampai dan diagihkan

secara sistematis kepada seluruh pelarian yang kini berada di sempadan Bangladesh.

Untuk tujuan itu, empat wakil

sekretariat akan bertolak ke Cox Bazaar termasuk wakil Serantau Muslim, Mohd Hakim Mohd Nor. Beliau bersama tiga yang lain

bertanggungjawab memantau keadaan semasa pelarian di kawasan itu di samping menguruskan pembinaan pejabat operasi seperti yang dirancang.

Difahamkan pelarian Rohingya yang menyelamatkan diri di sempadan Bangladesh ketika ini telah mencecah 300,000 orang dan dijangka meningkat sehingga 500,000 orang di masa terdekat.

Setiap hari hampir 10,000 hingga 15,000 etnik Rohingya lari menyelamatkan diri dan ramai yang terkorban ketika menyeberangi sungai khususnya anak-anak kecil dan kaum wanita.

Suasana ini menuntut kepada tindakan dan sumbangan daripada masyarakat khususnya seluruh rakyat Malaysia.

Serantau Muslim telah mengerakkan tabung kemanusiaan #UntukMuRohingya dan kini menggiatkan lagi kempen bantuan ini.



Ketua AMANAH Kawasan Ustaz Aziz Abbas dan Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dalam program ziarah.

'Semai benih bukan berdentum bagai guruh'

Oleh **ZAHAR ZAINUL**

PERMATANG PAUH: Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Pulau Pinang selesai mengadakan konvensyen kedua di Yayasan Aman, Penanti dekat sini, 9 September lalu dengan dirasmikan Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir.

Konvensyen kali ini menyaksikan kehadiran para pemimpin parti komponen Pakatan Harapan (PH) negeri yang menzhirikan komitmen padu PH untuk terus menerajui pemerintahan negeri.

Antara pemimpin parti kompenan PH yang hadir ialah Pengurus Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Keadilan, Datuk Dr Mansor Osman, Setiausaha Keadilan negeri Zulkifli Saad dan Ketua Cabang Keadilan Permatang Pauh Amir Ghazali.

DAP diwakili Timbalan Ketua Menteri Dr P Ramasamy, Ahli Parlimen Bukit Mertajam Steven Sim, Ahli Parlimen Batu Kawan Kasthuri Patto dan Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Syeerlena Abdul Rashid.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) pula diwakili para pemimpin peringkat bahagian ekoran para pemimpin negeri menghadiri sambutan setahun PPBM yang berlangsung di Muar, Johor.



Dr Mujahid menyampaikan cenderahati kepada Mohd Anuar.

Ketika berucap merasmikan konvensyen, Mohd Anuar mengucapkan syabas dan tahniah kepada AMANAH negeri kerana berjaya menyempurnakan tanggung jawab organisasi.

Beliau turut memaklumkan perkembangan

PH dan pembentukan kepimpinan negeri yang hampir 100% sempurna termasuk usaha mewujudkan struktur kepimpinan PH di kesemua 222 kawasan parlimen di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak.

HIDUPKAN BUNGA BUKAN DENTUMAN GURUH

Pengerusi AMANAH Pulau Pinang Datuk Dr



Dr Mujahid menyampaikan cenderahati kepada Mohd Anuar.



Dr Mujahid bertanya khabar seorang perwakilan seusai majlis perasmian.

Mujahid Yusof dalam pidatonya menggesa ahli AMANAH bersiap sedia menggalas tugas parti dan kerajaan kerana Pulau Pinang adalah di bawah kerajaan PH.

Dr Mujahid juga mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan dalam PH terutama Keadilan dan DAP kerana memberi ruang kepada AMANAH untuk bersama dalam kerajaan negeri bagi menyumbang khidmat dan nasihat yang berguna demi kebaikan bersama.

Dengan mangambil nasihat Jalaludin Ar-Rumi, Dr Mujahid mengingatkan ahli parti supaya "menyemai dan menghidupkan bunga dan bukan berdentum seperti guruh di langit".

Beliau mahukan ahli AMANAH memberikan hasil seperti "titisan hujan dari langit" dan jangan hanya bergegar tanpa sebarang hasil.

"AMANAH Pulau Pinang perlukan hasil bukan berdegar dengan permintaan tanpa hasil," katanya.

Dalam ucapannya juga, Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH menggariskan tiga teras utama untuk AMANAH memenangi kerusi dalam pilihan raya umum (PRU) kelak.

Di antaranya adalah meningkatkan budaya kerja berpasukan, memberi tumpuan kepada dana parti dan memastikan kemenangan di Dun dengan tema "fokus dan menang".

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada para perwakilan, pemerhati serta ahli yang terlibat menjayakan konvensyen kedua itu.

Program jelajah tinjau masalah rakyat

PERMATANG PAUH:

Pelbagai program dilaksanakan AMANAH bagi bertemu rakyat dan menyelami masalah yang mereka hadapi.

Di Pulau Pinang, Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa memulakan program 'Jelajah AMANAH Demi Negara' di Permatang Pasir, dekat sini.

Program bermula dengan solat Asar di Masjid Permatang Pasir kemudian terus menyantuni warga emas dan orang uzur di sekitar kariah tersebut.

Program anjuran Biro Komunikasi AMANAH negeri itu disertai Pengarah Komunikasi AMANAH negeri Zahar Zainul dan ahli jawatankuasa Pemuda AMANAH Kawasan



Permatang Pauh Ustaz Rizal Md Akhir.

Bercakap kepada media, Dr Mujahid yakin AMANAH mempunyai peluang untuk memenangi kerusi Dun Permatang Pasir dalam pilihan raya umum (PRU) nanti berdasarkan maklum balas penduduk tempatan.

Di **KEPALA BATAS**, program jelajah diteruskan dengan Dialog Santai bersama penduduk di Dewan Banjir Pinang Tunggal.

Dr Mujahid ketika berucap menasihati penduduk agar tidak terpengaruh dengan propaganda Umno dan sekutunya bahawa jika Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan di negeri itu, bangsa Melayu akan hilang kuasa politik.



Menziarahi seorang pesakit kronik.



Menyampaikan bantuan kepada golongan asnaf.

Beliau mengingatkan bahawa walaupun parti mana yang membentuk kerajaan di negara ini, ketua negara masih seorang Melayu-Islam dan majoriti Ahli Parlimen PH ialah Melayu.

Dr Mujahid juga menyeru para pengundi di Dun Pinang Tunggal memilih wakil rakyat yang boleh membawa isu-isu rakyat dalam sidang Dun yang selama ini tidak dilakukan oleh Adun BN Pinang Tunggal.

Seusai majlis dialog, Dr Mujahid berkesempatan menziarahi dua warga emas yang daif serta terlantar.

Beliau diiringi Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Taufek Abd Rahman, Naib Pengerusi AMANAH negeri Zulkiply Ishak, Ketua AMANAH Kawasan Kepala Batas Ramli Abdullah, Pengerusi JKPK Pinang Tunggal Shukri Saad dan pengarah program Zahar Zainul.

Jelajah AMANAH Demi Negara akan diteruskan lagi di kawasan-kawasan lain seperti Permatang Berangan, Sungai Dua, Penaga dan Bayan Lepas.



PROMOSI OGOS & SEPT

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA) **RM 500**

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

6 PH Selangor akhirnya dibentuk

13 Hutang Felda diunjur RM12.6 bilion

14 Fikrah Umno dan Pas sama

24 Taman Ilmu Besut masih 'gajah putih'



PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 68 | 17 - 23 SEPTEMBER 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKU DENGANNYA

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17.9.2017	5:39	5:49	7:03	13:11	16:13	19:13	20:22
18.9.2017	5:38	5:48	7:03	13:10	16:13	19:13	20:22
19.9.2017	5:38	5:48	7:03	13:10	16:13	19:12	20:21
20.9.2017	5:38	5:48	7:02	13:09	16:14	19:12	20:21
21.9.2017	5:38	5:48	7:02	13:09	16:14	19:12	20:20
22.9.2017	5:37	5:47	7:02	13:09	16:14	19:11	20:20
23.9.2017	5:37	5:47	7:02	13:08	16:14	19:11	20:19

PENJAWAT AWAM TERTEKAN

KENAIKAN kos sara hidup secara mendadak sejak beberapa tahun lalu menekan pejawat awam di negara ini. Mereka meluahkan keperitan itu kepada perdana menteri Najib Razak agar beliau berbuat sesuatu untuk meringankan bebanan itu dalam Bajet 2018 nanti.

Laporan penuh
muka 9

Oren sambut Halimah sebagai Presiden Singapura

Para penyokong dan keluarga Halimah Yacob berpakaian serba oren bagi meraih pemilihan beliau sebagai Presiden Republik Singapura itu. Halimah adalah wanita pertama yang dilantik sebagai presiden sejak ia merdeka.

Laporan penuh
muka 2

Para penyokong dan keluarga Halimah meraikan pemilihan beliau sebagai Presiden Singapura. Gambar Berita Harian Singapura.



- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335

EMAIL: drolivebodycare@gmail.com

WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:

SOAP
BODY SCRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

